# TUN ABDUL RAZAK
# BIN DATO' HUSSEIN
*Dasar Luar Malaysia 1970-1976*

# TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN

## *Dasar Luar Malaysia 1970-1976*

ROZEMAN ABU HASSAN

PENERBIT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJUNG MALIM 2003

Cetakan Pertama / *First Printing*, Mei 2003

Hak cipta / *Copyright* Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2003

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.*

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia
Tel: 05 - 450 6000, Fax: 05 - 458 3603
Laman Web: www.upsi.edu.my
E-mail: penerbit@upsi.edu.my

Dicetak di Malaysia oleh/*Printed In Malaysia By*
**AFFLUENT MASTER SDN. BHD.**
No. 10, Jalan Jaya 5, Taman Jaya, Bandar Tun Razak
56000 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Tel: 03-9133 2441, Fax: 03-9133 2445
E-mail: affmas@tm.net.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /
*Cataloguing-in-Publication Data*

Rozeman Abu Hassan
Tun Abdul Razak-Dasar Luar Malaysia 1970-1976 /Rozeman Abu Hassan
1. Malay language-Usage. 2. Malay language-Social aspects.
3. Malay language-Political aspects. I. Judul 499.238

ISBN 983-2620-16-3

Font: Times News Roman 11/12pt

M
499.238
ROZ

M 0 1 AUG 2003



*Tun Abdul Razak*
*Menteri Pertahanan dari 31hb. Ogos 1957 - 22hb. September. 1970.*
*Merangkap Perdana Menteri dari 23hb. September 1970 - 12hb. Ogos 1973.*
*Dari 5hb. September 1974 - 14hb. Januari 1976.*

# Kandungan

**Prakata**

**Pengenalan**

**Singkatan**

| | | |
|---|---|---|
| **BAB 1:** | **Dasar Luar Malaysia Semasa Tun Abdul Razak** ... | 17 |
| | Latar Belakang Kehidupan Tun Abdul Razak ... ... | 21 |
| | Penglibatan Awal Politik Tun Abdul Razak Semasa Zaman Tunku Abdul Rahman ... ... | 25 |
| | Dasar Luar Malaysia Semasa Tun Abdul Razak Menjadi Timbalan Perdana Menteri ... ... | 35 |
| | Perubahan Halacara Dasar Luar Malaysia Semasa Tun Abdul Razak ... ... | 38 |
| **BAB 2:** | **Pertahanan dan Keselamatan Malaysia** ... ... | 43 |
| | Ancaman Komunis ... ... ... ... | 47 |
| | Permansuhan Perjanjian Keselamatan AMDA Kepada FPDA ... ... ... ... | 59 |
| **BAB 3:** | **Malaysia dan Hubungan Serantau** ... ... ... | 67 |
| | Malaysia dan Dasar Luar Tanpa Pihak ... ... ... | 69 |
| | Dasar Pengecualian Asia Tenggara (Neutralization) ... | 75 |
| | Masalah Pergolakan di Indochina ... ... ... | 81 |

| | | |
|---|---|---|
| **BAB 4:** | **Malaysia dan Hubungan Antarabangsa** ... ... | 93 |
| | Malaysia dan Negara-Negara Afrika Selatan ... ... | 95 |
| | Malaysia dan Negara-Negara Islam ... ... | 100 |
| | Malaysia dan Negara-Negara Asia Timur ... ... | 107 |
| | Malaysia dan Negara-Negara Eropah Timur ... ... | 113 |
| **Penutup** | ... ... ... ... | 117 |
| **Bibliografi** | ... ... ... ... | 121 |
| **Lampiran** | ... ... ... ... | 131 |
| **Indeks** | ... ... ... ... | 149 |

# Prakata

Bismillahirrahmannirrahim, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan taufik dan hidayah-Nya dapat saya menyempurnakan penulisan buku sulung ini iaitu 'Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein: Dasar Luar Malaysia 1970-1976'. Sesungguhnya minat saya amat mendalam untuk mengkaji ketokohan Tun Abdul Razak terutamanya dalam bidang pentadbiran dan hubungan diplomatik Malaysia dengan ngara-negara luar. Sebagai seorang pemimpin negara, era pemerintahan Tun Razak mengandungi pelbagai proses transformasi yang begitu besar di atas dasar-dasar yang dijalankan bersifat pragmatik. Beliau telah berjaya mengatasi masalah komunis, menyelesaikan masalah perkauman, menjuruterakan pembangunan luar bandar, mewujudkan rantau ASEAN, dan menjalin hubungan diplomatik dengan pelbagai negara sama ada dengan Asia mahupun Barat.

Penulisan dan penerbitan buku ini tidak dapat dilaksanakan tanpa sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak sama ada individu mahupun institusi. Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengarah Penerbit, Prof. Dr. Abdul Hamid Mahmood dan kakitangan Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris yang memberikan dorongan dan semangat kepada saya untuk menulis buku ini. Ucapan terima kasih saya kepada pihak Arkib Negara Malaysia, Memorial Tun Abdul Razak, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur di atas bantuan dan kemudahan yang telah diberikan kepada penulis sepanjang penyelidikan ini. Semua pensyarah yang mengajar saya di Universiti Kebangsaan Malaysia dan pensyarah yang memberi sokongan kepada saya di Universiti Malaya, Kuala Lumpur ucapan ribuan terima kasih.

Buat keluarga yang tersayang, isteri Unaizah Hj. Mohd Attas, anak-anak Fikri Haziq, Farhat Hakimi, Faiq Hafiy, dan Farhan Hadif terima kasih kerana berkorban masa, tenaga dan perasaan bersama. Terima kasih

kepada Siti Zaharah Bt. Mafood dan Noor Shahiza Bt. Jamal yang sudi membantu mengesan kesilapan dan teknikal dalam buku ini. Akhir kata kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak sehingga merealisaikan buku ini, saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.

ROZEMAN HJ. ABU HASSAN

## Pengenalan

Penulisan mengenai sejarah dasar luar negara yang dijalankan terhadap pemimpin-pemimpin negara Malaysia tidak banyak dilakukan di negara ini. Semasa pemerintahan Allahyarham Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein dari tahun 1970 sehingga 1976, beliau telah menjalankan satu bentuk dasar luar Malaysia yang begitu menarik dan sistematik. Tun Abdul Razak telah menumpukan beberapa isu, peristiwa dan dimensi hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan negara-negara lain sama ada di Asia Tenggara mahupun dengan negara-negara Barat. Era pemerintahan Tun Abdul Razak banyak dipengaruhi oleh faktor politik, ekonomi, sosial dan aspek pertahanan serta kerjasama serantau.

Tujuan penulisan ini dilakukan adalah untuk memberi satu gambaran yang jelas terhadap arah aliran dan faktor-faktor yang mempengaruhi perumusan-perumusan dasar luar Malaysia selama enam tahun di bawah pentadbiran Tun Abdul Razak. Bagi melihat matlamat dan objektif dasar luar Tun Abdul Razak, penulis membahagikan kepada beberapa topik penting iaitu Dasar Luar Malaysia Semasa Zaman Tun Abdul Razak, Keselamatan dan Pertahanan Malaysia, Malaysia dan Hubungan Serantau, Malaysia dan Hubungan Antarabangsa. Dalam konteks memahami sejarah dasar luar Malaysia semasa pentadbiran Tun Abdul Razak, didapati wujud beberapa aliran pemikiran politik yang cuba ditonjolkan oleh beliau. Persoalan dalam hubungan serantau dan hubungan antarabangsa di antara Malaysia dengan negara-negara asing banyak dipengaruhi oleh ketokohan Tun Abdul Razak. Apa yang pasti Tun Abdul Razak telah banyak mencirikan dasar luar Malaysia di rantau Asia Tenggara, Asia Timur, Timur Tengah mahupun dengan negara-negara Eropah Barat dan Eropah Timur.

Penulisan ini juga cuba menjelaskan apakah faktor-faktor yang menentukan dasar luar Malaysia semasa pemerintahan Tun Abdul Razak sama ada di atas landasan politik, pertahanan wilayah ataupun kepentingan serantau. Dasar luar Al-Marhum Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak mempunyai beberapa ciri persamaan. Sebagai contohnya Tun Abdul

Razak dianggap penerus terhadap dasar Aparteid yang didokong oleh Tunku Abdul Rahman semasa pemerintahan beliau. Walaupun pada dasarnya Tun Abdul Razak dikatakan hasil didikan Tunku Abdul Rahman tetapi wujud perbezaan yang ketara antara Tun dan Tunku dalam pelaksanaan dasar luar kedua-dua pemimpin tersebut.

Tunku Abdul Rahman adalah seorang pemimpin yang pro-Barat dan anti-komunis manakala Tun Abdul Razak adalah seorang pemimpin yang mengamalkan dasar luar yang bersifat neutral iaitu berkawan dengan mana-mana negara tanpa mengira ideologi politik negara tersebut. Dasar luar Malaysia di bawah Tun Abdul Razak lebih banyak bersifat keselamatan dan kerjasama. Perkara ini jelas diperlihatkan oleh ketokohan Tun Abdul Razak semasa beliau menghadapi isu-isu seperti isu keselamatan dan pertahanan, penglibatan Malaysia dalam pertubuhan negara-negara tanpa pihak, dasar pengecualian Asia Tenggara, isu Aparteid, isu Palestine, isu Afghanistan, hubungan Malaysia dengan negara-negara Eropah Barat, Eropah Timur, Asia Timur dan Asia Tenggara (ASEAN). Kebanyakan isu dan persoalan politik yang dinyatakan di atas merupakan peristiwa-peristiwa yang amat penting untuk memahami rentetan sejarah dasar luar Malaysia semasa Tun Abdul Razak.

Kejayaan dan kegagalan dalam melaksanakan dasar luar sesebuah negara ditentukan oleh pemimpinnya dan penggubal-penggubal dasar luar sesebuah negara. Peranan golongan penggubal ini amat penting di dalam menyusun dan menggubal dasar-dasar luar negara Malaysia dari satu tahap ke satu tahap pemerintahan seseorang pemimpin negara. Di Malaysia, walaupun negara ini telah mencapai kemerdekaan sejak tahun 1957, corak dan pelaksanaan dasar luar negara adalah didukung dan dicirikan oleh pemimpin yang memerintah iaitu Perdana Menteri. Semenjak zaman pemerintahan Tunku Abdul Rahman yang pertama sehinggalah ke zaman Datuk Seri Dr. Mahathir Bin Mohamed, Perdana Menteri Malaysia yang keempat sekarang, penguasaan dan penentuan dasar luar Malaysia dipengaruhi oleh golongan-golongan elit atasan.

Buku ini terbahagi kepada empat bab iaitu Bab I: Dasar Luar Malaysia Tun Abdul Razak; Bab II: Keselamatan Dan Pertahanan Malaysia; Bab III: Malaysia dan Hubungan Serantau; Bab IV: Malaysia Dan Hubungan Antarabangsa; dan Penutup. Bab satu adalah bab pengenalan yang akan menerangkan latarbelakang kehidupan Tun Abdul Razak dari zaman kecil sehinggalah mendapat pendidikan secara formal. Di samping itu, bab ini turut menerangkan pengertian dan sejarah dasar luar Malaysia serta

penglibatan Tun Abdul Razak dalam kabinet Tunku Abdul Rahman sehinggalah Tun dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1957. Penglibatan Tun Abdul Razak secara langsung dan secara tidak langsung dalam kabinet Tunku Abdul Rahman memperlihatkan pendirian dan kematangan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu. Sehingga pada bulan September 1970, Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Kedua bagi menggantikan Tunku Abdul Rahman.

Bab dua memperlihatkan tahap awal pemerintahan Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia. Peringkat ini merupakan tahap awal bagaimana Tun Abdul Razak menyusun sistem keselamatan dan pertahanan Malaysia dalam menghadapi ancaman pihak komunis mahupun negara-negara luar. Ancaman komunis adalah faktor penting mempengaruhi corak serta aliran dasar luar Malaysia pada zaman Tun Abdul Razak. Sekiranya faktor keselamatan dalam negara tergugat maka sudah tentu Malaysia tidak dapat melaksanakan dasar luarnya dengan jayanya. Ini menunjukkan faktor keselamatan adalah diambil kira dalam penggubalan dasar luar semasa pemerintahan Tun Abdul Razak. Malaysia pada ketika itu menghadapi ancaman komunis yang begitu kuat tetapi dapat ditangani dengan adanya Perjanjian Pertahanan British-Tanah Melayu (AMDA). Perjanjian ini telah dimansuhkan dan memberi satu tamparan yang hebat kepada pentadbiran Tun Abdul Razak pada ketika itu. Pemansuhan AMDA tidak melemahkan semangat Tun Abdul Razak apabila beliau telah menandatangani Pakatan Pertahanan FPDA (Five Power Defence Arrangement) sebagai mengisi kekosongan sistem pertahanan Malaysia menangani ancaman komunis.

Bab tiga memperlihatkan penglibatan Tun Abdul Razak dalam Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak yang memperjuangkan isu-isu Pengecualian Asia Tenggara, isu Aparteid, isu Palestin dan sebagainya. Penglibatan Malaysia dalam pertubuhan ini dianggap masih baru pada ketika itu iaitu pada tahun-tahun 1970an. Sebelum itu Malaysia telah dipulaukan oleh pertubuhan tersebut apabila berlakunya Konfrantasi Malaysia-Indonesia. Tun Abdul Razak telah berusaha memulihkan status dan nama baik Malaysia dalam Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak dan akhirnya Malaysia telah diterima semula untuk menyertai pertubuhan tersebut. Tun Abdul Razak juga telah memperjuangkan idea pengecualian Asia Tenggara sehingga melahirkan konsep Zon Aman Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN). Konsep ZOPFAN ini telah mewujudkan satu status

dan perasaan saling hormat menghormati di kalangan negara-negara ASEAN.

Bab empat adalah tahap menjelaskan hubungan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara luar sama ada di rantau Asia Tenggara mahupun negara Barat. Tun Razak sedar Malaysia perlu menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara tersebut. Beliau telah meneruskan penentangan isu Aparteid yang dijalankan semasa pemerintahan Tunku Abdul Rahman, di samping itu beliau seorang yang peka terhadap isu Palestine serta menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara blok komunis seperti negara-negara di Eropah Timur. Tun Abdul Razak juga meneruskan usaha dalam melaksanakan konsep ZOFPAN dengan negara-negara ASEAN yang berlandaskan ekonomi dan pembangunan negara-negara tersebut. Isu-isu ini menggambarkan Tun Abdul Razak amat menekankan peri pentingnya hubungan antarabangsa antara Malaysia dengan negara-negara luar.

Bahagian penutup merupakan tahap-tahap akhir pemerintahan Tun Abdul Razak sehinggalah detik beliau meninggal dunia di London kerana penyakit Leukimia. Pemergian Tun Abdul Razak kerahmatullah merupakan satu kehilangan yang amat besar kepada rakyat Malaysia yang telah banyak melakukan pembaharuan dan pembangunan sama ada di dalam ataupun luar negara. Pembangunan Malaysia yang diasaskan oleh Tun Abdul Razak telah membolehkan beliau diiktiraf oleh rakyat Malaysia sebagai Bapa Pembangunan Malaysia.

## Singkatan

| | |
|---|---|
| AAPSO | - Afro-Asian People's Solidarity Organisation |
| ADB | - Bank Pembangunan Asia |
| AMDA | - Anglo-Malayan Defence Agreement |
| APRSU | - All Penang Revolutionary Students Union |
| ASEAN | - Association of South East Asian Nations |
| ASPAC | - Asian And Pacific Council |
| CCP | - Chinese Communist Party |
| CENTO | - Central Treaty Organisation |
| ECOSOC | - Majlis Ekonomi Dan Sosio Bangsa-Bangsa Bersatu |
| EEC | - European Economics Commodity |
| GATT | - General Agreement on Tariffs and Trade |
| IADS | - Integrated Air Defence System |
| IBRD | - International Bank for Reconstruction and Development |
| IMF | - International Monetary Fund |
| ISA | - Internal Security Act |
| ITC | - Majlis Bijih Timah Antarabangsa |
| KFAED | - Kuwait Fund For Arab Economic Development |
| KNPC | - Kuwait National Petroleum |
| MAGERAN | - Majlis Gerakan Negara |
| MCA | - Malayan Chinese Association |
| MCYL | - Malayan Communist Youth League |
| MIC | - Malayan Indian Congress |
| MNYDL | - Malayan New Democratic Youth League |
| MNDRL | - Malayan New Democratic Revolutionary League |
| MNLF | - Malayan National Liberation Front |
| MPF | - Malayan Patriotic Front |
| MPLF | - Malayan People's Liberation Front |

| | |
|---|---|
| MPLL | - Malayan People's Liberation League |
| NATO | - North Atlantic Treaty Organisation |
| NDL | - New Democratic League |
| NKPAF | - North Kalimatan People's Armed Forces |
| OIC | - Organization of Islamic Conference |
| O.K.I.S. | - Orang Kaya Indera Syahbandar |
| OPEC | - Organization of Petroleum Exporting Countries |
| PARAKU | - Pasukan Rakyat Kalimatan Utara |
| PBB | - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| PETRONAS | - Malaysia National Petroleum Corporation |
| PERNAS | - Perbadanan Nasional Berhad |
| PGRS | - Pergerakan Gerila Rakyat Sarawak |
| PKM | - Parti Komunis Malaya |
| PKS | - Parti Komunis Sarawak |
| PLO | - Palestine Liberation Organisation |
| PMIP | - Pan-Malayan Islamic Party |
| PPK | - Penggempur Pengganas Komunis |
| RDV | - Republik Demokratik Vietnam |
| RRC | - Republik Rakyat China |
| SAYA | - Sarawak Liberation League, Sarawak Overseas Chinese Democratic Youth League, Sarawak Advanced Youth Association |
| SEATO | - South East Asia Treaty Organisation |
| SFA | - Sarawak Farmer Association |
| SSCP | - South Seas Communist Party |
| UMNO | - United Malays National Organisation |
| UNIDO | - Pertubuhan Pembangunan Perusahaan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| WP | - Warsaw Pact |
| ZOPFAN | - Zone of Peace Freedom and Neutrality |

# *Bab 1*

## DASAR LUAR MALAYSIA SEMASA TUN ABDUL RAZAK 1970-1976

Selepas Persekutuan Tanah Melayu dibentuk pada tahun 1948, perlembagaan persekutuan menetapkan segala urusan luar negara adalah tanggungjawab pihak Britain di London (James P. Ongkili 1985 : 59). Kerajaan Britain yang mentadbir Tanah Melayu tidak memberi kebebasan dan hak pentadbiran Tanah Melayu untuk mengendalikan dasar luar negara sendiri. Ini bermakna hubungan luar Tanah Melayu dengan negara-negara lain di dunia pada ketika itu adalah terhad dan terbatas. Walau bagaimanapun keadaan ini berubah apabila Tanah Melayu diberikan kemerdekaan sepenuhnya pada 31 Ogos 1957.

Status sebagai negara yang merdeka membolehkan Malaysia membina satu landasan yang mantap di dalam penggubalan dasar luar negara buat pertama kalinya. Penggubalan dasar luar Malaysia membolehkan negara ini menghadapi berbagai cabaran dan permasalahan sehinggakan Malaysia berjaya menyelesaikan isu-isu dalam dan luar negara mahupun di peringkat antarabangsa. Malaysia sebagai sebuah negara yang baru merdeka masih bergantung kepada kerjasama, bantuan dan hubungan yang erat terutamanya dengan kerajaan Britain. Di bawah pemerintahan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Pertama, Tunku lebih menumpukan hubungan luar Malaysia dengan negara-negara Barat yang mempunyai sistem pemerintahan dan ideologi yang sealiran dengannya. Tunku Abdul Rahman dikatakan seorang pemimpin yang bersikap anti-komunis dan pro-Barat. Kenyataan ini diperjelaskan dengan:

> *"saya bukan anti-komunis secara membabi buta, saya hanya menentang negara komunis yang cuba melalui kegiatan subversif dan cara-cara yang militan, untuk mengekspot ideologi mereka ke negara kita. Dengan cara inilah saya anti-komunis"* (Abdullah Ahmad 1987: 5).

Berdasarkan kenyataan Tunku di atas, jelas menunjukkan bahawa manifestasi dasar luar yang diamalkan oleh beliau selama beberapa tahun semasa pemerintahannya adalah anti-komunis dan bersikap memihak kepada negara-negara Barat. Setelah Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan, penggantinya iaitu Tun Abdul Razak telah mengamalkan satu corak dasar luar yang amat berbeza sekali berbanding semasa era pemerintahan Tunku. Tun Razak dikatakan telah mengubah dasar luar yang diamalkan pada zaman Tunku Abdul Rahman yang berpendirian anti-komunis dan pro-Barat kepada satu bentuk pendirian dasar luar negara yang bersifat berkecuali. Titik peralihan dasar luar Malaysia semasa pemerintahan Tun Abdul Razak dikenali sebagai zaman *'New Directions Under A New Order'* (J. Saravanamuttu 1983 : 15). Bermula dari saat inilah dasar luar Malaysia lebih berprinsip terbuka dan menjalinkan hubungan dengan negara-negara asing tanpa mengira ideologi negara berkenaan.

Sebagai sebuah negara yang baru mencapai kemerdekaan, Malaysia turut menghadapi masalah dalam melaksanakan dasar luar negara. Ini disebabkan konsep dasar luar sesebuah negara merupakan satu proses yang sukar direncanakan dan rumit untuk dilakukan. Di Malaysia, pihak yang bertanggungjawab dalam merangka dasar luar negara dilakukan oleh segolongan elit yang duduk di dalam jentera-jentera kerajaan (Ahmad Atory Hussein 1990 : 155). Golongan elit ini telah memainkan peranan yang begitu penting dalam merangka dan menganalisa pembentukan serta pentadbiran dasar luar Malaysia yang meliputi tiga peringkat iaitu proses pembentukan dasar, bentuk-bentuk pembentukan dasar dan bentuk-bentuk perhubungan (Murugesu Pathmanathan 1990 : 26).

Proses pembentukan dasar merupakan proses melihat dan mengkaji bahagian-bahagian kerajaan, aliran dasar dan hubungan dalaman tentang dasar luar negara tersebut. Kemudian proses seterusnya melihat dengan teliti peranan Kementerian Luar Negeri dan tindakan yang berhubung dengan proses diplomasi Malaysia dengan negara-negara lain serta peranan lain-lain jabatan kerajaan di Malaysia. Proses pembentukan dasar juga melibatkan kajian dalam soal peruntukan sumber-sumber belanjawan dalam sesuatu tahun supaya belanjawan dasar luar negara dapat diperincikan. Belanjawan dasar luar Malaysia melibatkan soal pertahanan, perwakilan luar negara, maklumat luaran dan aktiviti-aktiviti kebudayaan, sumbangan terhadap pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan belanjawan mentadbir cawangan-cawangan kementerian (Murugesu Pathmanathan 1990 : 27).



*Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj*
*Perdana Menteri Malaysia Pertama.*

Proses pembentukan dasar luar juga melibatkan pengumpulan dan pentafsiran maklumat, pembentukan polisi, konsep dan matlamat-matlamat sama ada ia bersifat praktik ataupun tidak dalam pembentukan dasar luar serta peranan Parlimen dan parti-parti politik di Malaysia (Murugesu Pathmanathan 1990 : 27). Dasar luar Malaysia turut meliputi dasar pertahanan, ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan sebagainya. Mana kala bentuk-bentuk perhubungan dasar luar Malaysia merujuk kepada hubungan dengan negara-negara luar. Berlandaskan keterangan di atas, jelas menunjukkan dalam membincangkan polisi-polisi dasar luar Malaysia ianya melibatkan aspek-aspek pembentukan, bentuk-bentuk polisi dan bentuk-bentuk hubungan. Ketiga-tiga eleman di atas dilaksanakan oleh beberapa institusi iaitu *Golongan Elit, Parlimen, Kabinet, Personaliti dan Polisi, Struktur Institusi dan Diplomasi Ekonomi.*

Golongan elit adalah kumpulan yang begitu penting dan memainkan peranan yang utama di dalam pembentukan dasar luar Malaysia. Semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan pembentukan dasar luar negara adalah hak istimewa bagi kumpulan elit (Murugesu Pathmanathan 1990 : 27-29). Ciri ini bukanlah sesuatu yang asing dalam hubungan luar negara Malaysia malah ianya juga diamalkan oleh negara-negara sedang membangun yang lain. Golongan ini merupakan kumpulan yang amat berpengaruh yang terdiri daripada pengubal-pengubal dasar di Malaysia.

Isu-isu dasar luar jarang memerlukan perbincangan yang terperinci dalam proses penggubalan kerana ianya akan terlibat apabila sistem perundangan digubal semula oleh Parlimen. Walaupun terdapat pertalian yang erat di antara isu-isu polisi dalaman dan luaran, pembentukan dasar luar Malaysia masih lagi bebas dari batasan politik kerajaan. Perbahasan-perbahasan tentang dasar-dasar luar negara di Parlimen Malaysia jarang dilakukan dan peranan Parlimen adalah terbatas. Perkara ini disebabkan wujudnya kuasa eksekutif yang kuat serta penguasaan politik yang dominan telah mewujudkan golongan majoriti di Parlimen (Murugesu Pathmanathan 1990 : 27-29). Kabinet mempunyai tanggungjawab yang paling utama di dalam mengurus dasar luar di Malaysia. Dalam bidang kuasa perlembagaan di Malaysia, kabinet berkuasa penuh dalam menetapkan perlaksanaan sesebuah jabatan dan badan yang mengesahkan keputusan-keputusan yang diambil oleh Kementerian Luar Negeri. Perdana Menteri dan Menteri-Menteri Kanan memainkan peranan yang besar dalam proses pembentukan dasar luar Malaysia. Tiada kuasa yang dapat menghalang pembentukan dasar luar yang telah dipersetujui oleh kumpulan di atas lebih-lebih lagi Menteri-Menteri Kanan ini mempunyai pengaruh di dalam pembentukan sesuatu dasar.

Di Malaysia sesuatu dasar luar menampakkan aliran pandangan seseorang Perdana Menteri yang memerintah pada ketika itu. Pelaksanaan dasar luar sesebuah negara itu adalah hasil daripada interaksi pelbagai faktor sama ada dari segi politik, ekonomi mahupun sosial negara tersebut kerana ini mencerminkan dasar dan keadaan yang terdapat dalam sesebuah negara. Oleh itu sesebuah negara yang berkeupayaan melaksanakan dasar luarnya di peringkat antarabangsa dan serantau dapat membina sistem politik negara yang baik dan stabil.

## LATAR BELAKANG KEHIDUPAN TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN

Abdul Razak adalah putera sulung Dato' Hussein Bin Mohd. Taib dan Hajjah Teh Bt. Daud. Beliau telah dilahirkan pada tanggal 11hb. Mac 1922 di Pulau Keladi, Pahang (Biografi Allahyarham Tun Abdul Razak 1982 : 7). Walaupun Abdul Razak adalah seorang anak pembesar elit tradisional Pahang, beliau telah dididik dan dibesarkan oleh datuknya di Kampung Jambu Langgar dalam daerah Pekan, Pahang. Abdul Razak dibesarkan dalam suasana kehidupan kampung dan penduduk sekitarnya yang berada dalam kemiskinan serta serba kekurangan. Namun begitu hasil daripada didikan datuknya yang begitu berdisiplin dan tegas telah berjaya membentuk Abdul Razak sebagai seorang yang berjaya dalam pelajaran dan persekolahannya.

Beliau dipercayai berasal dari keturunan To' Tuan adalah seorang bangsawan Bugis yang berhijrah ke Pahang pada tahun 1922. To' Tuan telah berkahwin dengan seorang gadis tempatan Pahang dan menetap serta membuka perusahaan tenunan sutera. Kemudian cicit To' Tuan iaitu To' Mas telah berkahwin dengan To' Bandar Jemal iaitu Orang Kaya Indera Syahbandar Kedua (O.K.I.S. 2) iaitu anak kepada To' Tandak. Gelaran ini kemudiannya diwarisi secara turun temurun oleh keturunan beliau kecuali semasa (O.K.I.S. 8) selepas kematian To' Ali (O.K.I.S. 7). Walau bagaimanapun pada tahun 1930 gelaran O.K.I.S. ini dikembalikan kepada keluarga Encik Hussein Bin Awang Mohd Taib iaitu ayah kepada Abdul Razak. Gelaran ini kemudiannya diwarisi oleh Abdul Razak sendiri dan seterusnya oleh anak sulung beliau Datuk Seri Mohd. Najib sebagai O.K.I.S yang ke sebelas.

Abdul Razak mendapat pendidikan awal di Sekolah Kampung Jambu Langgar ketika berusia enam tahun. Corak kehidupan di kampung telah banyak mengajar beliau menghadapi kehidupan yang mencabar serta sukar. Beliau dikatakan terpaksa berjalan berulang alik sejauh empat batu pada setiap hari dari rumah ke sekolah dengan bekalan duit satu sen (Biografi Allahyarham Tun Abdul Razak 1982 : 7). Beliau yang telah dididik secara kehidupan yang bersifat sederhana semenjak dari peringkat sekolah rendah lagi membolehkan Abdul Razak mencapai kejayaan cemerlang dalam bidang pelajaran.

Kebolehan dan kepintaran Abdul Razak dalam bidang pelajaran telah membuka peluang beliau melanjutkan pelajarannya ke Kolej Melayu Kuala Kangsar pada ketika itu yang merupakan sekolah untuk anak-anak golongan bangsawan. Pada tahun 1940 Abdul Razak telah dihadiahkan biasiswa untuk melanjutkan pelajarannya ke Raffles College di Singapura (Biografi Allahyarham Tun Abdul Razak 1982 : 7). Menjelang tahun 1943 semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Abdul Razak telah dihantar ke Sekolah Tentera Jepun di Singapura selama enam bulan (Biografi Allahyarham Tun Abdul Razak 1982 : 7). Setelah tamat pengajian beliau telah dilantik sebagai penterjemah bahasa Jepun kepada bapanya yang bertugas di Bentong, Pahang selama lapan belas bulan. Kemudian Abdul Razak telah menyertai Pasukan Force 136 dan Pasukan Wataniah Pahang yang berpangkat Kapten untuk menentang pendudukan Jepun.



*Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein*
*Perdana Menteri Malaysia Kedua*



***Gambar 1:*** *Kemusnahan bangunan kerajaan akibat serangan tentera Jepun di Kuala Lumpur.*



***Gambar 2:*** *Tentera Jepun mara menggunakan basikal untuk memasuki jalan-jalan kampung di Tanah Melayu.*



**Gambar 3:** *Tentera Jepun berkayuh menggunakan basikal memasuki Neger Johor.*



**Gambar 4:** *Peristiwa Tentera Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945.*

Pada tahun 1947, selepas Jepun menyerah kalah Abdul Razak telah melanjutkan pelajarannya dalam bidang undang-undang di United Kingdom. Di London, Abdul Razak berjaya menamatkan pengajiannya dalam bidang undang-undang di Lincoln's Inn dalam tempoh lapan belas bulan (Biografi Allahyarham Tun Abdul Razak 1982 : 7). Pada 3hb. Mei 1950, Abdul Razak telah dianugerahkan secara rasminya **'Degree of An Utter Barrister'** yang bergelar seorang peguam dari Lincoln's Inn, London. Kemudian beliau telah mengikuti kursus ekonomi dan pentadbiran di University of Cambridge (Biografi Allahyarham Tun Abdul Razak 1982 : 7).

Abdul Razak telah melibatkan dirinya secara aktif dalam kegiatan pelajar dan menubuhkan Malayan Forum yang dipengaruhi oleh Parti Buruh British di London. Tujuan penubuhan Malayan Forum ini adalah untuk memberi kesedaran berpolitik kepada anak-anak Melayu. Abdul Razak juga telah menganggotai Persatuan Fabian dan Malayan Student's Union. Tetapi penglibatan Abdul Razak dalam bidang politik dan persatuan terbantut dengan kematian ayahnya Dato' Hussein pada bulan April 1950. Keadaan ini telah menyebabkan Abdul Razak mengambil keputusan untuk kembali ke tanah air pada bulan Mei 1951 (Perdana Menteri, Institusi dan Biografi 1988 : 24).

## PENGLIBATAN AWAL POLITIK TUN ABDUL RAZAK SEMASA ZAMAN TUNKU ABDUL RAHMAN

Sekembalinya Abdul Razak ke Tanah Melayu, beliau telah berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Pahang sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan. Ketika beliau menjawat jawatan tersebut beliau telah dilantik dengan secara rasminya sebagai Orang Kaya Indera Syahbandar Kesepuluh (O.K.I.S.) sebagai menggantikan tempat ayahnya yang merupakan pembesar negeri Pahang yang telah meninggal dunia. Selang dua tahun berkhidmat sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Abdul Razak telah dinaikkan pangkat sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang pada usia yang begitu muda iaitu dua puluh lapan tahun.

Penglibatan Dato' Abdul Razak di dalam persatuan semasa menuntut di London dan pengalamannya menuntut perjuangan kemerdekaan pada zaman Jepun serta Inggeris telah banyak membantu beliau menjalankan tugas dengan cemerlang dalam perkhidmatan awam (Fauziah Zakaria 1985 : 6). Penglibatan

Dato' Abdul Razak di dalam bidang politik bermula di London semasa beliau menuntut di sana. Beliau telah berkenalan dan bersahabat dengan Tunku Abdul Rahman yang turut sama belajar di London. Dalam tempoh tiga belas tahun pergaulan mereka, hubungan persahabatan di antara Dato' Abdul Razak dengan Tunku Abdul Rahman menjadi semakin erat.

Sekembalinya Tunku Abdul Rahman ke tanah air, Tunku telah bergiat cergas dalam bidang politik sebagai Pengerusi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) bagi negeri Kedah (Sabran Napiah 1977 : 3). Hubungan baik di antara dua sahabat ini masih diteruskan walaupun Dato' Abdul Razak masih berada di London pada ketika itu sementara Tunku telah pulang ke Tanah Melayu setelah tamat pengajian pada tahun 1949. Apabila Dato' Abdul Razak pulang ke tanah air beliau telah mengikuti jejak Tunku bergiat cergas di dalam UMNO sejak tahun 1950 (Ishak Tadim 1960 : 56 - 58).



*Dato' Onn Bin Jaafar*

Dato'Abdul Razak telah berkerja keras untuk membangunkan UMNO dan setelah Datuk Onn Bin Jaafar keluar meninggalkan UMNO, kerusi pucuk pimpinan parti telah menjadi kosong. Dato' Abdul Razak telah bertindak memujuk dan mendesak Tunku supaya mengambil alih teraju kepimpinan parti UMNO bagi memperjuangkan bangsa Melayu. Akhirnya Tunku bersetuju menerima jawatan Pengerusi UMNO kerana tidak mahu UMNO terus berkubur tanpa pemimpin. Mana kala Dato' Abdul Razak telah diberi kepercayaan untuk menjawat jawatan sebagai Ketua Pemuda UMNO. Kepimpinan Dato'Abdul Razak terserlah apabila beliau dilantik sebagai salah seorang Ahli Tidak Rasmi Majlis Undangan bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada tarikh 1 Febuari 1951 (William Shaw 1977 : 115). Pada tahun yang sama juga Dato' Abdul Razak telah dipilih menjadi Timbalan Yang Dipertua UMNO.

Dato'Abdul Razak telah berkahwin dengan Tun Rahah iaitu anak bongsu kepada Haji Mohammed Noah Bin Omar (William Shaw 1977 : 115). Hasil perkahwinan Dato'Abdul Razak dengan isterinya Tun Rahah, mereka telah dikurniakan seramai lima orang putera iaitu Najib, Johari, Nizam, Nazim dan Nazir (Zurina Ismail 1985 : 13). Pada bulan Febuari 1955, Dato' Abdul Razak telah dilantik sebagai pemangku Menteri Besar Pahang selama beberapa bulan bagi menggantikan Tengku Mohammed Ibn Sultan Ahmad (William Shaw 1977 : 121). Sebagai tokoh politik yang aktif dan mempunyai kepimpinan Dato' Abdul Razak dengan mudah memenangi kerusi Pilihanraya Persekutuan pada bulan Julai 1955 bagi kawasan Semantan (Peta 1: hal 28) (Hari Ini Dalam Sejarah 1981: 39).

Setelah memenangi pilihanraya tahun 1955 Dato'Abdul Razak telah dilantik menjadi Menteri Pelajaran pada 9hb. Ogos 1955 di bawah kerajaan Perikatan pimpinan Tunku Abdul Rahman. Beliau merupakan ahli kabinet kerajaan Perikatan yang termuda berusia tiga puluh tahun di kalangan menteri-menteri yang dilantik. Ketika menjadi Menteri Pelajaran, Dato' Abdul Razak telah melakukan berbagai perubahan dan pembaharuan terutamanya di dalam penyusunan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Penyata Razak. Beliau merupakan seorang pemimpin yang mempunyai impian dan tujuan untuk mewujudkan rakyat yang berpelajaran serta mendapat pendidikan yang sempurna. Kuasa yang ditampung oleh beliau seboleh-bolehnya digunakan untuk berbakti kepada masyarakat terutama dari aspek pembangunan masyarakat. Antara kata-kata yang pernah dilafazkan semasa hayat beliau ialah 'kesedaran dan keinsafan' (Upacara Penyampaian Anugerah Tun Abdul Razak 1978 : 5). Sumbangan




Pilihanraya Parlimen 1969, Bagi Kawasan Pekan Pahang.
**Sumber:** Penyata Pilihanraya Umum Dewan Rakyat Dan Negri 1969. Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur 1970.



**Gambar 5:** *Rombongan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu ke London*



**Gambar 6:** *Tunku Abdul Rahman berucap semasa mengadakan rundingan kemerdekaan di London.*

Dato'Abdul Razak begitu besar dalam sistem pendidikan kebangsaan. Beliau telah mencuba sedaya upaya untuk memberikan pendidikan yang sempurna kepada semua rakyat.

Ketika memangku jawatan Menteri Besar Pahang dan merangkap Menteri Pelajaran bagi kerajaan Perikatan, beliau telah terlibat di dalam usaha-usaha kerajaan Perikatan bagi menuntut kemerdekaan daripada kerajaan Britain di London. Usaha-usaha yang dijalankan oleh pemimpin-pemimpin negara akhirnya mencapai kejayaan pada tanggal 31hb. Ogos 1957 setelah kerajaan Britain memberi kemerdekaan sepenuhnya kepada Tanah Melayu (William Shaw 1977 : 141). Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah memulakan satu era politik yang lebih luas kepada Dato' Abdul Razak. Kepimpinan beliau semakin diterima di kalangan pemimpin-pemimpin politik tanah air terutamanya para pemimpin UMNO. Tunku Abdul Rahman telah melantik Dato' Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri bagi Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang kedua dalam kabinetnya. Pemilihan Dato' Abdul Razak sebagai orang kedua di dalam kabinet Tunku adalah wajar kerana Dato' Abdul Razaklah antara tokoh-tokoh negara yang bersama-sama dengan Tunku dalam rombongan menuntut kemerdekaan tanah air di London. Pada tahun 1959, Parti Perikatan di bawah pimpinan Tunku telah memenangi pilihanraya umum yang diadakan. Setelah pilihanraya tersebut berlangsung Dato' Abdul Razak telah dianugerahkan dengan gelaran Sri Maharaja Mangku Negara yang membawa gelaran Tun kepada beliau (Subky Latif 1976 : 7).

Detik pelantikan Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri telah memulakan era penglibatan politik Tun di dalam menyusun dan mengendalikan hal-hal politik dalam negeri mahupun luar negara. Kerajaan Malaysia yang dibentuk pada 16hb. September 1963 telah banyak menerima kecaman dan tentangan daripada pelbagai pihak. Semasa berlakunya rusuhan kaum di Kuala Lumpur pada 13hb. Mei 1969, Tun Abdul Razak telah menjadi 'hero' menyelamatkan keadaan tersebut (Buku Rasmi Tahunan 1969, 1971 : 93). Rusuhan kaum ini meletus disebabkan kempen pilihanraya pada tahun 1969 yang bersifat perkauman yang telah mewujudkan jurang perbezaan antara kaum di Malaysia. Tunku telah bertindak membubarkan parlimen dan menubuhkan sebuah kerajaan sementara. Yang Di Pertuan Agong selaku ketua negara telah mengisytiharkan keadaan darurat di seluruh negara di bawah Fasal 150 Ceraian I Perlembagaan Tanah Melayu. Tun Abdul Razak telah diberi kepercayaan untuk memulihkan keamanan negara, beliau telah dilantik

sebagai Pengarah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang memerintah secara 'decree' dan Tun Abdul Razak cuba memulihkan sistem pemerintahan demokrasi yang telah berkubur pada masa itu.

Tun Abdul Razak telah bertindak dengan menggunakan kuasa yang diberikan kepadanya untuk merombak semula sistem pemerintahan demokrasi yang telah gagal dan mewujudkan kembali sistem pemerintahan demokrasi berparlimen (Wu Min Aun 1987 : 201). Hasrat Tun Abdul Razak untuk melahirkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen tercapai akhirnya apabila beliau berjaya mengubah corak pemerintahan di negara ini. Tun Razak berpendapat sesuatu kuasa itu mestilah disertai dengan prinsip *'check and balance'* untuk melahirkan satu kepimpinan yang berkesan. Semasa beliau dilantik menjadi Pengarah MAGERAN beliau telah berucap pada 18hb. Mei 1969 dengan menyatakan "tugas utama Pengarah Majlis Gerakan Negara ialah untuk memulihkan keamanan dan undang-undang, memulihkan pentadbiran biasa dalam negara dan membina kembali kepercayaan dan keyakinan di kalangan orang ramai dan mengukuhkan keharmonian dan muhibbah (Biografi Allahyarham Tun Abdul Razak 1982 : 8).

Berdasarkan ucapan Tun Abdul Razak di atas, jelas beliau menyatakan tugas yang diamanahkan kepadanya sebagai Pengarah MAGERAN harus dilaksanakan dengan sempurna. Tun Abdul Razak telah berjaya memulihkan keamanan dan undang-undang pentadbiran negara serta mengembalikan tahap kepercayaan rakyat kepada kepimpinan pemimpin-pemimpin negara. Ahli-ahli Majlis Gerakan Negara telah mencipta satu prinsip RUKUNEGARA pada 16hb Mei 1969 yang menjadi kunci perdamaian antara kaum di Malaysia. Tun Razak semasa berucap di Parlimen menyuarakan pendapatnya:

> *"saya amat kesal mengenai penangguhan persidangan Dewan Rakyat sebagaimana juga ahli yang lain dalam dewan ini. Tetapi kita terpaksa berbuat demikian. Rusuhan dalam bulan Mei 1969 merupakan tempoh yang paling buruk di dalam sejarah kebangsaan kita. Dalam usaha dan kebijaksanaan menjalankan dasar-dasar negara kita walau bagaimanapun kita telah menyelamatkan diri kita daripada malapetaka yang kita hadapi. Pada hari ini, negara ini telah pulih seperti sedia kala. Tapi adalah tidak waras dan tidak bertanggungjawab sekiranya kita melupakan pengalaman 13hb. Mei itu"* (William Shaw 1977 : 291).



**Gambar 7:** *Beberapa siri perbincangan diadakan antara rombongan kemerdekaan Tanah Melayu dengan kerajaan Britain di London.*



**Gambar 8:** *Kepulangan rombongan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu dari London.*


BERITA HARIAN

MERDEKA!

Tepat pada tengah malam seluroh raayat bertempek 'Malaya sudah merdeka'!

*Gambar 9:* *Akhbar Berita Harian menyiarkan berita kemerdekaan Tanah Melayu.*

Setelah tamatnya rusuhan kaum pada 13hb. Mei 1969, Pilihan raya Umum 1969 yang tertangguh sebelum itu diadakan semula. Tun Abdul Razak telah bertanding bagi kawasan Parlimen Pekan dan menang dengan mengalahkan calon PAS (PMIP) iaitu Yazid Bin Jaafar (Suruhanjaya Pilihan raya 1972 : 59). Kemenangan Tun Razak telah menjadikan beliau adalah orang yang paling layak bagi menggantikan Tunku. Ini kerana Tunku Abdul Rahman telah menyatakan hasrat beliau untuk bersara sejak Pilihan raya 1964 lagi dan beliau telah menyatakan Tun Razaklah orang yang bakal menggantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua (Subky Latif 1976 : 36). Setelah gagal mendapat mandat penuh dalam pilihan raya tahun 1969, Tunku mempunyai alasan yang baik untuk beliau mengundurkan diri sebagai Perdana Menteri pada bulan September 1970. Kekosongan jawatan ini telah diambil alih oleh Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein pada tanggal 22hb. September 1970.



**Gambar 10:** *Tunku Abdul Rahman melaungkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.*

## DASAR LUAR MALAYSIA SEMASA TUN ABDUL RAZAK MENJADI TIMBALAN PERDANA MENTERI

Dasar luar merupakan alat yang diperlukan oleh sesebuah negara untuk berinteraksi dengan sebuah negara lain, baik yang berjiran dengannya ataupun yang berada jauh daripadanya (Lofti Ismail 1974 : 3). Lantaran itu timbul pelbagai persoalan mengapakah Malaysia perlu mempunyai dasar luar, apakah kepentingannya dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi dasar luar Malaysia?. Pada umumnya dasar luar sesebuah negara itu berkaitan untuk memelihara dan mewujudkan kepentingan bersama. Tun Abdul Razak pernah menyatakan konsep dasar luar Malaysia adalah:

> *"we take each country of face value, he said if that country wants to be friendly with us, we will be friends"* (Kenneth Labiah 1976 : 10).

Andrew H. Berding dalam bukunya 'The making of Foreign Policy' (1966 : 1), beliau menyatakan pengertian dasar luar adalah asas dan rangka kerja sesebuah negara di dalam hubungannya dengan negara-negara lain. Pada asasnya, ia merupakan satu set prinsip-prinsip yang memandu sesebuah negara di dalam perundingan-perundingan luar negaranya dan bertujuan untuk keselamatan serta perkembangan negara tersebut. Pengertian ini jelas menunjukkan dasar luar adalah asas dan panduan garis kasar hubungan luar sesebuah negara dengan negara lain. Di mana asas hubungan luar ini adalah satu kumpulan prinsip yang menjadi petunjuk kepada sesuatu negara itu dalam melaksanakan tindakan luar negara bagi tujuan keselamatan dan pembangunan negara.

Sejarah dasar luar Malaysia adalah unik dari segi proses dan pelaksanaannya. Proses pemutusan dan cara pembentukan dasar luar negara selama ini telah dimonopoli oleh segolongan elit politik yang berkuasa di dalam jentera kerajaan. Semasa Persekutuan Tanah Melayu berada di bawah pentadbiran Britain, segala urusan pengendalian dasar luar negara ditadbir oleh kerajaan Britain di London. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan para pemimpin negara telah diberi tanggungjawab untuk menggubal dan mengendalikan urusan dasar luar negara sendiri. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang baru merdeka ini tidak mempunyai pengalaman dalam urusan hubungan luar dengan negara-negara asing. Kerajaan Persekutuan juga menghadapi masalah untuk

mendapatkan tenaga pakar yang terlatih dalam hal-hal diplomatik dan bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada ketika itu adalah terhad. Pada tahap awal Kerajaan Persekutuan kurang memberi perhatian kepada hubungan luar negara dengan negara-negara asing sebaliknya kerajaan lebih menumpukan masalah-masalah yang dihadapi dalam negara.

Tunku Abdul Rahman pernah menyatakan prinsip dasar luar Malaysia yang diamalkannya adalah bebas dan bukan berkecuali (Abdullah Ahmad 1987 : 32). Tunku telah merumuskan dan mengarahkan dasar luar negaranya sendiri. Bersesuaian dengan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan merangkap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Tunku dianggap sebagai perancang serta bertindak sebagai *'playmaker'* dalam penyusunan dasar luar negara sepanjang tempoh jawatan yang dipegang oleh beliau dari tahun 1963 sehingga 1970. Tun Abdul Razak dikatakan kurang memainkan peranan di dalam hubungan dasar luar Malaysia ketika berada dalam kabinet Tunku. Menurut Tun Dr. Ismail Bin Dato' Abdul Rahman iaitu bekas Menteri Luar bagi Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1959, Tunku adalah seorang yang kurang mengadakan perundingan dengan anggota kabinetnya mengenai usaha-usaha yang dijalankan terutamanya dalam urusan dasar luar negara (Abdullah Ahmad 1987:1).

Tunku Abdul Rahman juga banyak membuat keputusan mengenai urusan dasar luar negara di luar kabinet dan lazimnya sesuatu keputusan itu dilakukan pada perjumpaan-perjumpaan yang tidak formal di antara menteri-menterinya sebelum mesyuarat bersidang. Hampir kesemua keputusan penting dibuat oleh Tunku sendiri tanpa membincangkan terlebih dahulu dengan pemimpin-pemimpin yang dianggap penting. Pelaksanaan politik luar negeri yang diamalkan oleh Tunku seperti ini tidak menguntungkan negara kerana corak politik ini akan merugikan negara. Sebagai contohnya semasa isu pemisahan di antara Malaysia dan Singapura, Tunku hanya membincangkan hal tersebut dengan Tun Abdul Razak dan Tun Ismail tetapi perkara itu tidak dibawa di dalam mesyuarat kabinet. Sifat Tunku yang suka bertindak dan mengarah sendiri dasar luar Malaysia sejak tahun 1963 sehingga 1972 telah banyak menimbulkan masalah dalam politik negara. Dasar luar yang diamalkan oleh Tunku bersifat pro-Barat telah tertanam dalam dirinya yang menerima pendidikan barat sejak dari kecil lagi. Tunku pernah menyatakan prinsip dasar luar yang diamalkannya:

"*Tanah Melayu bukanlah sebuah negara berkecuali. Kita anti komunis dan menyokong pihak Barat*" (Zainal Abidin Abdul Wahid 1978 : 15).

Tun Abdul Razak pernah dihantar sebagai wakil Tunku di dalam beberapa persidangan antarabangsa seperti dalam Persidangan Menteri-Menteri Luar di Manila pada bulan Jun 1963, Persidangan Setiakawan Rakyat Afro-Asia di Winneba, Ghana pada bulan Mei 1965, Persidangan Afro-Asia di Algeria pada bulan Jun 1965, Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN di Jakarta pada 6 hingga 7hb. Ogos 1968 (Abdullah Ahmad 1987 : 60). Tun Razak juga telah bertindak sebagai wakil Tunku di dalam mesyuarat-mesyuarat penting misalnya di dalam Perjanjian Akhir Konfrantasi Malaysia-Indonesia pada bulan Mei 1966.

Walaupun Tun Razak terlibat secara langsung dalam melaksanakan urusan hubungan dasar luar semasa zaman Tunku tetapi peranan dan fungsi Tun Razak tidak ubah seperti seorang duta yang bertindak menyelesaikan masalah-masalah politik Malaysia dengan negara lain. Peristiwa Konfrantasi Malaysia-Indonesia, pemisahan Malaysia-Singapura dan tuntutan Filipina ke atas Sabah telah banyak memberi kesan yang buruk terhadap corak dasar luar yang diamalkan oleh Tunku Abdul Rahman. Peristiwa-peristiwa ini telah membawa satu titik perubahan yang besar di dalam arah aliran dasar luar negara selepas zaman Tunku. Tun Razak menyedari kelemahan dasar luar yang diamalkan oleh Tunku tetapi beliau tidak mempunyai kuasa di dalam memutuskan dasar luar negara kerana Tunku mempunyai kuasa penuh di dalam memutuskan segala keputusan negara. Tun Abdul Razak terkenal dengan sikap *'innovator'* di dalam sesuatu bidang tidak menyenangi kelemahan dasar luar negara Tunku.

Kesilapan demi kesilapan yang dilakukan oleh Tunku disedari oleh Tun Razak. Akhirnya Tun Razak bersama dengan Tun Ismail telah memujuk Tunku supaya merombak dasar luar yang diamalkan oleh beliau. Tunku bersetuju melakukan pembaharuan di dalam dasar luarnya walaupun Tunku pernah menyatakan .....tidak akan ada perubahan dalam dasar luar negara dan dalam negara Malaysia setelah apa yang telah dirangkakannya (Abdullah Ahmad 1987 : 9). Kelemahan yang wujud dalam pelaksanaan dasar luar negara Tunku disebabkan prinsip dasar luarnya yang tidak seimbang. Tunku mengamalkan dasar pro kepada negara-negara Barat dan anti negara-negara komunis seperti Soviet Union, China Komunis dan Vietnam Utara sebaliknya Tunku telah mengabaikan

hubungan Malaysia dengan negara-negara Afro-Asia dan negara-negara Islam.

Corak dan dasar luar Tunku Abdul Rahman seperti ini bukan sahaja merumitkan lagi hubungan politik Malaysia bahkan telah menghukum negara ini supaya jangan bersikap pilih bulu semata-mata untuk bersahabat dengan negara-negara yang sealiran dengannya. Kelemahan yang timbul daripada dasar luar negara Tunku telah banyak memberikan pengajaran dan pengalaman yang pahit dalam sejarah politik luar Malaysia. Kelemahan-kelemahan ini juga telah melahirkan satu proses mematangkan lagi sikap dan pemikiran pemimpin-pemimpin negara seterusnya. Tun Abdul Razak telah yang mengambil alih pucuk pimpinan UMNO dan dilantik secara rasmi sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada tanggal 22hb. September 1970 (Abdullah Ahmad 1987 : 9).

## PERUBAHAN HALACARA DASAR LUAR MALAYSIA SEMASA TUN ABDUL RAZAK

Kegagalan Tunku Abdul Rahman mendapat mandat cemerlang dalam Pilihan raya Umum tahun 1969 dan disusuli oleh peristiwa berdarah pada 13hb. Mei 1969 telah mendorong beliau meletakkan jawatannya pada penghujung bulan September 1970 (Hari Ini dalam Sejarah 1980 : 41). Tun Razak yang merangkap sebagai Timbalan Perdana Menteri telah mengambil alih teraju pemerintahan negara daripada Tunku Abdul Rahman. Sebelum Tunku mengundurkan diri daripada arena politik beliau telah menyerahkan sebahagian besar tugas mengendali dasar luar negara secara tidak langsung kepada Tun Razak. Tun Razak mula mempelajari selok belok pelaksanaan dasar luar negara Malaysia mengadakan hubungan dengan negara-negara luar. Beliau mendapati dasar luar negara yang diamalkan oleh Tunku banyak kelemahannya dan merugikan Malaysia. Tun Razak juga telah bertindak mengubah halacara dasar luar Tunku yang pro-Barat kepada prinsip dasar luar yang berkecuali dan bersahabat dengan mana-mana negara tanpa mengira ideologi, politik mahupun agama. Tun Razak pernah menyatakan pendirian dasar luar negaranya bercirikan:

*"adalah menjadi asas dasar luar Malaysia yang utama untuk menjalinkan persahabatan dengan semua negara-negara yang menghormati kita dan yang ingin bersahabat dengan kita tanpa mengira ideologi politik mereka atau corak sistem sosial mereka. Kita di Malaysia akan terus mengikut dasar luar berkecuali kita dan dasar persahabatan kita dengan semua negara di samping membuat pengukuran bebas sendiri dalam semua perkara"* (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1972, 1974 : 79).

Tunku Abdul Rahman yang mengamalkan dasar luar pro-Barat terlalu bergantung kepada negara-negara Barat terutamanya kepada kerajaan Britain dan akhirnya membawa banyak kelemahan dalam pentadbiran Malaysia. Tun Razak berpendapat sistem dasar luar yang diamalkan oleh Tunku adalah bersifat konservatif dan tidak memberi kebaikan kepada Malaysia. Namun begitu sekiranya dikaji mengapa Tunku menjalankan dasar luar yang bersifat sedemikian para penggubal dasar luar negara sekarang akan bersetuju dengan tindakan yang dijalankan oleh Tunku. Sebab mengapa Tunku terlalu bergantung kepada Barat kerana faktor keselamatan negara Malaysia. Tunku terpaksa berpihak kepada barat terutamanya kepada Britain kerana Tunku tidak mempunyai pilihan yang terbaik pada ketika itu (Penyata Tahunan Persekutuan Tanah Melayu 1957, 1958 : 4).

Malaysia sebagai sebuah negara yang baru sahaja mencapai kemerdekaan, kekuatan dan keselamatan negara ini sentiasa terancam dan diancam. Semasa Malaysia di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, Tunku terpaksa akur kepada keadaan demikian dalam usaha mempertahankan kedaulatan, keutuhan wilayah serta kebebasan negara ini. Di atas alasan inilah Tunku telah menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan Britain yang dikenali sebagai Perjanjian Pertahanan Britain-Tanah Melayu ataupun dikenali sebagai Anglo-Malayan Defence Agreement (AMDA) pada tahun 1957 (J. Saravanamuttu 1982 : 141).

Tun Razak menyedari masalah ini dan berpendapat adalah tidak wajar bagi Malaysia sebagai sebuah negara yang telah mencapai kemerdekaan masih mahu bergantung terus dengan kuasa luar demi menjaga keselamatan negara. Setelah Tun Razak menjadi Perdana Menteri, beliau telah menjalankan dasar luarnya yang lebih bersikap terbuka dan berkecuali. Tun Razak pernah menyatakan dasar luar Malaysia haruslah bersesuaian dengan pendirian yang tidak bergantung kepada pihak lain. Katanya Malaysia harus sedar bahawa pertahanan negara ini bergantung kepada

kemampuan sendiri (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1972 : 79). Peristiwa Konfrantasi Malaysia-Indonesia sebenarnya telah memberikan satu kesan yang mendalam dan tamparan yang hebat kepada pemimpin-pemimpin negara supaya menamatkan pendirian yang terlalu bersikap pro-Barat.

Apa yang jelas semasa berlakunya peristiwa konfrantasi tersebut, Malaysia tidak mempunyai kawan di kalangan negara-negara membangun terutamanya dari negara-negara dunia ketiga. Keadaan ini telah memberikan satu imej yang begitu buruk kepada Malaysia kerana Indonesia telah bertindak menyerang Malaysia dan mempunyai ramai negara sahabat yang menyokong tindakan Indonesia. Konfrantasi juga telah menyebabkan hubungan diplomatik di antara Malaysia-Indonesia menjadi renggang dan sehinggalah ke satu tahap yang tidak dapat dielakkan Malaysia terpaksa memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Indonesia. Setelah tamatnya Konfrantasi Malaysia-Indonesia barulah Malaysia sedar dan berusaha untuk menjalinkan hubungan negara ini dengan negara-negara Afro-Asia. Usaha ini telah dilakukan oleh Tun Razak bersama dengan Lee Kuan Yew yang telah melawat negara-negara di Afrika Utara dan Timur untuk memperbaiki hubungan Malaysia dengan negara-negara tersebut (Abdullah Ahmad 1987 : 71).

Semasa pemerintahan Tunku Abdul Rahman dari tahun 1957 hingga 1963 (sehingga tercetus peristiwa Konfrantasi), satu perkara yang diabaikan oleh Tunku ialah menjalinkan hubungan Malaysia dengan negara-negara dunia ketiga. Jadi tidak hairanlah kepada kita dan dunia semasa Konfrantasi berlaku negara-negara tersebut tidak menyokong Malaysia. Selepas merdeka Malaysia kurang terlibat di dalam perkara-perkara yang menyentuh aspek keselamatan negara-negara di Asia Tenggara kesannya Malaysia kurang dikenali di kalangan negara-negara dunia ketiga. Akibatnya Malaysia tidak mendapat sokongan penuh sebaliknya Indonesia lebih disegani oleh negara-negara membangun dan bertindak memperkecilkan imej Malaysia. Tindakan Indonesia ini menyebabkan Malaysia telah ditolak mentah-mentah penyertaannya di dalam Persidangan Negara-Negara Tanpa Pihak di Belgrade pada tahun 1961 (Lufti Ismail 1974 : 3) dan Persidangan Perpaduan Afro-Asia yang diadakan di Tanganyika pada bulan Febuari 1963 (Milne, R.S. & Diane K. Mauzy 1982 : 384)

Konfrantasi Malaysia-Indonesia juga telah mengubah pendirian Tun Razak terhadap kuasa Amerika Syarikat. Sikap Amerika Syarikat amat mengecewakan Malaysia kerana Amerika telah memihak kepada

Indonesia atas alasan Amerika takut dengan peluasan kuasa Soviet Union di Indonesia. Amerika Syarikat tidak mahu Indonesia dikomuniskan oleh Soviet Union maka sebab itu Amerika mudah menghalalkan pencerobohan tentera Indonesia ke atas Malaysia demi menjaga kepentingan Amerika sebagai kuasa terbesar di Asia Tenggara. Tindakan Amerika Syarikat telah banyak membantu Indonesia di dalam Konfrantasi Malaysia-Indonesia. Tun Razak sedar sekiranya dasar luar negara Malaysia yang terlalu bergantung kepada kuasa-kuasa Barat seperti Britain dan Amerika Syarikat tidak akan menguntungkan Malaysia. Tun Razak berpendirian Malaysia perlu mengamalkan satu dasar luar yang baru, satu dasar yang bebas, neutral terhadap mana-mana kuasa di dunia ini. Tun Razak telah mengadunkan satu pendekatan terhadap prinsip diplomatik negara Malaysia yang lebih pragmatik dengan negara-negara luar dalam bentuk 'Pengecualian Asia Tenggara'. Dasar ini juga dikenali sebagai dasar kerantauan iaitu satu cara menjamin keamanan sesebuah negara. Tun Razak pernah berucap:

> *"Kita tetap menyarankan kerjasama serantau baik melalui perjanjian dua pihak mahupun perjanjian aneka pihak untuk memupuk semangat persefahaman dan kerjasama, perpaduan dan persatuan di kalangan negara-negara di Asia Tenggara"* (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1971, 1972 : 241).

Konsep kerjasama serantau yang cuba diterapkan oleh Tun Razak di kalangan negara-negara Asia Tenggara telah berjaya menarik minat negara-negara berkenaan menyertai prinsip ini. Tun Razak mula dikenali di kalangan pemimpin-pemimpin di negara-negara Asia dan dunia lantaran prinsip dasar luar yang diamalkan oleh beliau. Antara kata-kata Tun Razak yang paling menarik dalam menjelaskan konsep dasar luarnya:

> *"Saya telahpun jelaskan bahawa polisi dasar luar Malaysia adalah didasarkan kepada prinsip-prinsip hidup bersama dan menjalin hubungan dengan semua negara tanpa mengira ideologi politik mereka"* (Ucapan-ucapan Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein 1971 : 310).

Perkara ini jelas menunjukkan prinsip dan dasar Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein merupakan seorang tokoh negara yang berkaliber serta berbakat besar. Penglibatan awal beliau dalam bidang politik UMNO dan

sebagai seorang politikus yang baru dalam kabinet Tunku Abdul Rahman telah memberinya menimba seberapa banyak pengalaman dalam hal-hal pentadbiran dan hubungan luar negara Malaysia. Bakat yang dimiliki oleh Tun Razak tidak dipersia-siakan oleh beliau, pengalaman beliau bersama-sama berpolitik dengan Tunku Abdul Rahman telah mematangkan beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Namun begitu semasa berada di dalam kabinet Tunku, Tun Razak tidak banyak melibatkan dirinya secara langsung dalam urusan luar negara. Cuma beberapa ketika Tun Razak telah mewakili Tunku Abdul Rahman di dalam beberapa persidangan dan mesyuarat di peringkat serantau serta antarabangsa.

Kelemahan Tunku Abdul Rahman dalam perlaksanaan dasar luar Malaysia telah mencetuskan peristiwa Konfrantasi Malaysia-Indonesia, pemisahan Singapura-Malaysia dan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Tun Razak menyedari kelemahan yang wujud di dalam pentadbiran Tunku Abdul Rahman dan sebaik sahaja beliau menggantikan Tunku Abdul Rahman, beliau telah melakukan beberapa pembaharuan di dalam pengurusan dasar luar negara. Walaupun pentadbiran Tun Razak dikatakan ada persamaan dengan pentadbiran Tunku Abdul Rahman, namun begitu Tun Razak adalah seorang pemimpin yang mempunyai dasar luar politik yang lebih bersifat terbuka berbanding dengan Tunku. Kemasukan Tan Sri Ghazali Shafie dalam kabinet Tun Razak telah banyak membantu Tun Razak di dalam menyusun dasar luar negara Malaysia yang dikatakan sebagai neutral, aman, bebas dan berkecuali.

# Bab 2

## PERTAHANAN DAN KESELAMATAN MALAYSIA

Peranan Tun Abdul Razak dalam mengukuhkan sistem pertahanan dan keselamatan Malaysia merupakan aspek yang paling utama pada peringkat awal pemerintahannya sebagai Perdana Menteri Malaysia Kedua. Faktor pertahanan dan keselamatan merupakan dua elemen yang amat penting dalam menentukan kejayaan dan kegagalan pelaksanaan dasar luar Malaysia semasa zaman Tun Abdul Razak. Tun Razak telah bertindak menandatangani beberapa siri perjanjian keselamatan antara Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara dan barat untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan negara ini.

Sebagai sebuah negara yang baru mencapai kemerdekaan dan dibentuk persoalan pertahanan dan keselamatan bagi Malaysia adalah faktor yang sangat penting bagi mewujudkan sebuah negara yang aman dan stabil. Tahap sistem pertahanan dan keselamatan yang kukuh serta mantap sesebuah negara itu akan terancam dan diancam. Konsep ini lebih menitikberatkan keupayaan sesuatu negara dan rakyatnya sama ada dapat mempertahankan nilai kenegaraannya daripada serangan luar mahupun dalam negara.

Menurut Walter Lippmann (1943: 5), konsep pertahanan sesebuah negara lahir apabila negara tersebut tidak perlu mengorbankan nilai-nilai dalam negara demi mengelakkan peperangan dan berkeupayaan pula mempertahankannya sekiranya terpaksa berperang. Manakala John F. Reichart & Steven R. Strum ( 1982 : 19) konsep keselamatan sesebuah negara boleh didefinisikan sebagai:

> *"National security can be most fruitfully defined as the ability of a nation to protect its internal values from external threats. Security may be defined as a protective condition which statesmen either try to acquire or preserve in order to guard the various components of their politics from either external or internal threats"* (John F. Reichart & Steven R. Strum 1982 : 19).

Datuk Seri Dr. Mahathir Bin Mohammed, Perdana Menteri Malaysia sekarang menjelaskan konsep pertahanan dan keselamatan yang baik bagi sesebuah negara adalah:

> *"Security is not just the matter of military capability. National security is inseparable from political stability, economic success and social harmony. Without these all the guns in the world cannot prevent a country from being overcome by its enemies whose ambition can be fulfilled sometimes without firing a single shot"* (Abdul Razak Abdullah Baginda 1990 : 39).

Dalam politik antarabangsa konsep pertahanan dan keselamatan sesebuah negara di Barat mengaitkan konsep keselamatan negara mereka dengan corak dasar luar yang diamalkan. Ini bermakna keselamatan negara Barat dilihat sebagai ancaman yang datang dari luar dan pertahanan negara tersebut tidak dicerobohi oleh mana-mana pihak (Zakaria Ahmad 1979 : 2). Terdapat juga di kalangan sarjana Barat yang mentakrifkan konsep keselamatan sesebuah negara berdasarkan kepada keselamatan seluruh sistem antarabangsa dan setiap negara mempunyai peranan masing-masing di dalam mempertahankan negara mereka (Mohamed Ayoob 1983 : 41). Namun demikian, bagi negara-negara dunia ketiga seperti Malaysia konsep pertahanan yang diaplikasikan di negara-negara Barat adalah tidak bersesuaian.

Malaysia menganggap soal pertahanan dan keselamatan berhubung rapat dengan keadaan-keadaan yang berlaku dalam negara. Ini kerana Malaysia terpaksa mengekalkan kestabilan politik negara ini terlebih dahulu kemudian barulah dasar luar negara dapat dilaksanakan secara berkesan. Sebelum dan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan persoalan keselamatan yang sering mengancam kestabilan negara ini adalah datangnya dari ancaman komunis. Justeru itu Tun Razak lebih melihat ancaman komunis sebagai satu ancaman yang serius kepada keselamatan negara. Konsep ini diperjelaskan dalam petikan di bawah:

> *"Despite the rhetoric of many third world leaders, the sense of insecurity from which these states and more particularly, their regimes-suffer, emanates to a substantial extent from within their boundaries rather than from outside"* (Mohamed Ayoob 1983 : 43).

Berdasarkan petikan di sebelah, jelas menunjukkan masalah keselamatan dalam negara harus dilihat sebagai sebahagian perkara yang penting di dalam membentuk sebuah negara yang stabil dan berdaulat. Pada awal tahun 1970-an ancaman komunis merupakan ancaman yang dominan dihadapi dalam pemerintahan Tun Abdul Razak. Komunis telah berusaha melakukan berbagai taktik dan strategi pemberontakan bersenjata dalam usaha mereka membentuk sebuah negara Republik Komunis di Tanah Melayu. Walaupun faktor keselamatan dalam negara ditekankan, namun ini tidak bermakna ancaman dari luar negara tidak wujud sama sekali terhadap Malaysia. Ancaman dari luar juga wujud dan mengancam keselamatan Malaysia. Malaysia tidak seharusnya melihat masalah pertahanan dan keselamatan dari satu sudut sahaja iaitu ancaman komunis tetapi Malaysia juga harus melihat ancaman yang datangnya dari luar.

Memandangkan persoalan pertahanan dan keselamatan merupakan dua unsur yang amat penting ditekankan dalam pentadbiran Tun Abdul Razak, beliau telah banyak memperuntukkan belanjawan kewangan kepada dua perkara tersebut. Pada tahun 1971, di bawah kabinet Tun Razak aspek keselamatan telah mendapat pertambahan perbelanjaan sebanyak $ 813.2 juta kepada 875.1 juta pada tahun 1972, tahun 1973 bertambah kepada $ 1,000.2 juta sehinggalah pada tahun 1976 kenaikan perbelanjaan sektor keselamatan mengalami pertambahan $ 1,842.1 juta. (Jadual 1 dan Jadual 2) Secara keseluruhan dari tahun 1971 hingga 1976, kabinet Tun Razak telah memperuntukkan perbelanjaan kewangan bagi keseluruhan aspek keselamatan (dalam negeri dan pertahanan) sebanyak $ 7,030.1 juta (Anggaran Belanjawan 1971-1976).

Pertambahan peruntukan belanjawan bagi sektor keselamatan Malaysia pada setiap tahun bermula dari tahun 1971 sehingga tahun 1976, menunjukkan Tun Razak menitikberatkan isu-isu keselamatan dan pertahanan negara. Tun Razak berusaha menguatkan sistem keselamatan dan pertahanan Malaysia, langkah mengukuhkan kedua-dua aspek ini membolehkan Tun Razak merencanakan dasar luar Malaysia dengan baik dan sistematik. Kestabilan politik dalam negara merupakan aspek yang amat penting di dalam mempengaruhi corak dasar luar Malaysia pada ketika itu.

***Jadual 1:*** *Anggaran Belanjawan Keselamatan Kerajaan Malaysia (Keselamatan Dalam Negeri Dan Pertahanan Dari Tahun 1971 Hingga 1976).*

| Jenis Tahun | Keselamatan Dalam Negeri (Juta) | Pertahanan (Juta) | Keselamatan (Juta) | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1971 | 245.5 | 567.7 | 813.2 | 11.58 |
| 1972 | 284.2 | 590.9 | 875.1 | 12.45 |
| 1973 | 319.2 | 681.0 | 1,000.2 | 14.23 |
| 1974 | 345.1 | 747.1 | 1,092.2 | 15.54 |
| 1975 | 388.4 | 1,018.9 | 1,407.3 | 20.00 |
| 1976 | 570.9 | 1,271.2 | 1,842.1 | 26.20 |
| **Jumlah Keseluruhan** | **2,153.5** | **4,876.8** | **7,030.1** | **100.00** |

***Sumber:*** *Anggaran Belanjawan 1971-1976, Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur.*




**Sumber:** Anggaran Belanjawan 1971-1976, *Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur.*

## ANCAMAN KOMUNIS

Masalah keselamatan dalam negara (internal security) merupakan masalah yang paling besar dihadapi oleh Malaysia di bawah pentadbiran Tun Abdul Razak. Masalah komunis dalam negara ini secara tidak langsung akan mempengaruhi corak perlaksanaan dasar luar dalam negara dan juga dasar luar Malaysia. Pada pandangan Tun Abdul Razak masalah keselamatan dalam negara yang wujud pada ketika itu adalah masalah yang serius dan perlu ditangani. Tun Razak pernah menjelaskan ancaman keselamatan dalam negara yang paling besar dihadapi oleh Malaysia ialah soal ancaman Parti Komunis Malaya (PKM) dan pengganas komunis. Kegiatan komunis di Malaysia sudah lama wujud sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. PKM adalah sebuah pertubuhan gerila yang berusaha dalam perjuangan mereka untuk merampas kuasa politik di negara ini.

Hal ini diakui oleh Chin Peng pada tahun 1955:

> *"Kami komunis, sampai matipun kami komunis. Kalau kami dapat memerintah negara ini, kami akan memerintah secara komunis"* (Tengku Mohd Zailan Tengku Ahmad Shah 1988 : 12).



*Chin Peng*

Pergerakan Parti Komunis Malaya telah bermula sejak dari tahun 1930 di Tanah Melayu (Gene Z. Hanrahan 1971 : 43-46). Sejarah pembentukan gerakan komunis di Tanah Melayu seringkali menjadi kontroversi dan dipersoalkan. Sejarah penubuhan PKM berkaitan dengan corak pergerakan komunis di negara China. Selepas pembubaran Komintang-Parti Komunis China pada bulan Januari 1928 di China, lima agen Chinese Communist Party telah tiba di Singapura untuk menubuhkan sebuah pertubuhan baru iaitu Nan-Yang-Ch'an-Tang (South Seas Party-SSCP) (Ramlah Hamzah 1975 : 57). Pada bulan April 1930, Kongres Perwakilan Ketiga South Seas Communist Party telah menggantikan SSCP kepada Parti Komunis Malaya (PKM). Perkembangan PKM sekitar tahun 1934 hingga 1936 banyak dipengaruhi oleh kehadiran Loi Teck di Tanah Melayu. Pada tahun 1934 Loi Teck telah dihantar ke Singapura dan bertugas sebagai wakil Komintern di sana. Semasa berada di Singapura beliau telah diarahkan supaya memasuki PKM dan menyelesaikan krisis yang berlaku ke atas dalam PKM. Loi Teck telah dilantik sebagai Setiausaha Agong Parti Komunis Malaya pada tahun 1939.

Sehingga pada tahun-tahun 1970-an, Tun Abdul Razak melihat perkembangan pengaruh komunis adalah satu ancaman serius dan perlu diberi perhatian oleh Malaysia. Semenjak tamatnya peristiwa Darurat tahun 1960, saki baki pengganas komunis telah melarikan diri ke wilayah-wilayah selatan Thailand dan utara Malaysia. Bilangan yang melarikan diri ke sempadan Malaysia-Thailand dikatakan berjumlah 600 orang (PENGAMAN 1977 : 8). Komunis telah mula meningkatkan kegiatan subversifnya menerusi beberapa pertubuhan komunis bawah tanah atau pun dikenali sebagai *'Satellite'* pada awal tahun 1970-an.

Berdasarkan laporan pihak polis terdapat lebih kurang dua puluh empat pertubuhan satellite komunis yang bergerak cergas di seluruh negara. Tindakan pihak berkuasa polis Malaysia telah berjaya menyekat dan menghancurkan sebahagian besar daripada organisasi komunis tersebut. Terdapat perangkaan yang menyatakan hanya tinggal beberapa kumpulan satellite komunis yang masih bergiat cergas di beberapa buah wilayah dan negeri di Malaysia sekitar tahun 1970 iaitu:

a. Barisan Pembebasan Nasional Malaya (Malayan National Liberation Front-MNLF) yang bergerak di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura kecuali Kelantan dan Terengganu.

b. Liga Pembebasan Nasional Malaya (Malayan National Liberation League-MNLL) yang bergerak di Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Pahang.

c. Liga Demokratik Baru (New Democratic League-NDL) yang terdapat di Selangor.

d. Liga Pemuda Demokratik Malaya Baru (Malayan New Democratic Youth League-MNDYL) yang bergerak cergas di Perak dan Selangor.

e. Barisan Patriotik Malaya (Malayan Patriotic Front-MPF) yang wujud di Pulau Pinang.

f. Liga Pemuda Komunis Malaya (Malayan Communist Youth League-MCYL) di Pulau Pinang.

g. Liga Pembebasan Rakyat Malaya (Malayan People's Liberation League-MPLL) di Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Johor dan Singapura.

h. Liga Revolusi Demokratik Malaya Baru (Malayan New Democratic Revolutionary League-MNDRL) di Johor dan Melaka.

i. Barisan Pembebasan Rakyat Malaya (Malayan People's Liberation Front-MPLF) tubuh pada tahun 1970 di Kedah dan Perlis (Far Eastern Economic Review 1977 : 42).

Parti Komunis Malaya telah melakukan serangan dan keganasan di sepanjang tahun-tahun 1970-an. Misalnya di antara tahun 1970 hingga 1971, PKM telah melakukan keganasan di Bahagian Ketiga Sarawak yang didalangi oleh Parti Komunis Sarawak (PKS) (PENGAMAN 1976 : 50-51). Peristiwa ini telah memperlihatkan keadaan keselamatan di Sarawak yang tidak stabil dan tergugat akibat ancaman komunis sehinggakan ada pihak yang menggelarkan keadaan yang berlaku di Sarawak sama seperti Vietnam

kecil (Norsiah Abang Chee 1988 : 4). Komunis juga telah melancarkan beberapa tindakan sabotaj seperti meletupkan rel-rel keretapi, jambatan serta alat-alat perhubungan dan projek-projek kerajaan bertujuan untuk melumpuhkan ekonomi negara. Pada bulan Mac 1971, PKM telah meletupkan beberapa buah jambatan keretapi di Jarak, Tasek Gelugur, Seberang Prai (PENGAMAN 1976 : 29-30). Pada bulan Febuari 1975, PKM telah melakukan sabotaj terhadap keretapi barang di kawasan Padang Besar, Mukim Titi Tinggi kawasan Kok Mak/Rimba Mas serta menyebarkan sebanyak 34 helai risalah dakyah komunis. Komunis juga cuba memusnahkan Projek Hidro Elektrik Temenggur di Perak, Skim Perladangan di Chuping Perlis dan Padang Terap di Kedah (PENGAMAN 1979 : 43).

PKM telah mengisytiharkan perlembagaan baru mereka pada bulan Mei 1974 dalam sembilan kandungan dan mengandungi 25 artikel. Dokumen-dokumen tersebut mengandungi beberapa keterangan yang menyatakan PKM ada mempunyai hubungan dengan pihak komunis di negara China yang ingin mewujudkan kerajaan 'Revolusi Demokratik Baru' (Journal of Contemporary Asia Vol. 3 : 233-237). Pertubuhan-pertubuhan bawah tanah (satellite) PKM juga bergiat aktif di dalam melancarkan serangan-serangan ke atas anggota keselamatan. Misalnya Barisan Pembebasan Nasional Malaya (Malayan National Liberation Front-MNLF) mempunyai kira-kira 300 anggota bergiat aktif di sempadan Malaysia-



**Gambar 11:** *Tunku Abdul Rahman semasa mengadakan Rundingan Baling dengan anggota Parti Komunis Malaya.*

Thailand (Peter Simms 1973 : 21-23). MNLF juga meluaskan pengaruhnya dalam Pasukan Lapan Rejimen di Bentong, Pahang, di Kroh utara Perak terdapat seramai 700 orang anggota dalam Dua Belas Rejimen dan 400 hingga 500 orang terdapat di Kelantan (PENGAMAN 1977 : 11-12).

Gerakan MNLF tersebut telah berjaya dihapuskan setelah Malaysia menghantar seramai 12,000 hingga 14,000 orang anggota keselamatan ke daerah-daerah di wilayah sempadan Malaysia-Thailand. Pihak Polis juga telah mencapai kejayaan menghapuskan pergerakan MNLF yang berpusat di Kuala Lumpur menerusi operasi yang dijalankan iaitu Operasi Jinseng pada 13hb. Ogos 1976 (PENGAMAN 1977 : 11-12). Hasil daripada operasi-operasi yang dijalankan oleh pasukan keselamatan beberapa pusat bekalan makanan dan perhubungan MNLF serta Unit Penggempur Pengganas Komunis (PPK) di Perak berjaya dimusnahkan. Seramai lapan orang ahli Pasukan Gerila Komunis telah terbunuh dan beberapa orang lagi telah ditawan. Anggota Pasukan Keselamatan juga telah berjaya memusnahkan dua buah pusat MNLF di Jasin, Melaka dan di Tangkak, Johor, rangkaian kerja perhubungan pihak MNLF di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, serta pusat di Sungai Wang, Selangor iaitu pusat percetakan bahan-bahan bacaan propaganda komunis dan tempat menyimpan bekalan makanan (PENGAMAN 1977 : 11-12).




***Gambar 12:*** *Risalah komunis menghasut rakyat semasa darurat di Tanah Melayu.*



**Gambar 13:** *Pasukan Home Guard dibentuk untuk mengawal kegiatan komunis.*



**Gambar 14 :** *Jeneral Templer sedang memeriksa pasukan Home Guard semasa darurat.*



***Gambar 15:*** *Askar Melayu yang bertugas menjaga keselamatan semasa darurat.*

Pada bulan Mac 1973, PKM telah melancarkan serangan roket ke atas pengkalan Tentera Udara Di Raja Malaysia di Kuala Lumpur. Manakala pada tanggal 23hb. Mei 1974, segerombolan anggota komunis berjumlah lebih 100 orang telah meletupkan jentolak di Lebuhraya Timur-Barat berhampiran dengan Grik yang dibina oleh kerajaan sepanjang 80 batu berharga $ 800 juta (Richard F. Staar 1971 : 499). Pada penghujung tahun yang sama sekumpulan anggota PKM seramai 50 sehingga 80 orang telah bergerak ke daerah Lipis dan Raub, Pahang dan telah membunuh tiga anggota pasukan keselamatan serta mencederakan beberapa orang lagi anggota keselamatan (Government White Paper 1968 : 4).

Keganasan yang dilakukan oleh PKM tidak hanya terbatas di kawasan pendalaman sahaja tetapi mereka juga bergerak di beberapa kawasan bandar. Pada 26hb. Ogos 1975 sekitar jam 5.00 pagi sekumpulan ahli PKM telah melancarkan serangan bom dan memusnahkan sebahagian daripada Tugu Negara dan melakukan serangan ke atas markas Pasukan Polis Hutan di Kuala Lumpur (Milne R.S. & Diane K. Mauzy 1982 : 400). Komunis telah melancarkan tindakan keganasan membunuh beberapa orang anggota keselamatan, misalnya pada 7hb. Julai 1973 seorang pegawai polis iaitu Ketua Inspektor Chin Chin Kooi dari cawangan Khas Serdang, Kedah telah mati dibunuh oleh Unit Penggempur Kelapan (PENGAMAN 1976 : 10). Pada tanggal 7hb. Jun 1974, Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Ketua Polis Negara telah terkorban akibat serangan hendap oleh dua orang ahli skuad




***Gambar 16:*** *Pemeriksaan pasukan keselamatan yang ketat bagi mencegah aktiviti subversif komunis.*



***Gambar 17:*** *Pasukan keselamatan bertugas melakukan operasi membenteras komunis.*

***Jadual 2:*** *Gerakan Gerila Komunis di Tanah Melayu*

| Bil. | Kegiatan-Kegiatan Operasi | Jumlah | Peratusan % |
|---|---|---|---|
| 1. | Serangan: | | |
| | a. Terhadap ladang-ladang dan lombong-lombong bijih timah. | 50 | 25 |
| | b. Terhadap balai-balai polis. | 12 | 6 |
| 2. | Serang hendap di jalan | 30 | 16 |
| 3. | Pembunuhan | 31 | 15.5 |
| 4. | Rompakan | 22 | 11 |
| 5. | Sabotaj | 22 | 11 |
| 6. | Lontaran bom tangan (perbuatan keganasan) | 11 | 5.5 |
| 7. | Bertempur dengan pasukan keselamatan | 20 | 10 |
| | **Jumlah** | **200** | **100** |

***Sumber :*** *G. Hanrahan, The Communist Struggle in Malaya, University of Malaya Press, 1971.*

pembunuh di Kuala Lumpur (PENGAMAN 1976 : 10). Begitu juga kejadian yang berlaku kepada Tan Sri Koo Chong Kong, Ketua Polis Negeri Perak telah mati ditembak oleh anasir-anasir bawah tanah komunis di Ipoh, Perak (PENGAMAN 1974 : 4).

Serangan komunis yang paling hebat mengancam keselamatan Malaysia dilakukan pada bulan Febuari 1976, iaitu kira-kira 260 orang pengganas komunis telah menyusup masuk ke seberang negara Thailand dan bertempur dengan pasukan keselamatan Malaysia. Peristiwa ini telah menimbulkan konflik sempadan di antara Malaysia-Thailand. Kegiatan PKM yang aktif dan sukar dibendung pada tahun-tahun 1970-an telah menyebabkan kerajaan Malaysia sering diancam dari segi keselamatan. Keadaan yang buruk ini mendorong Tun Abdul Razak menyifatkan dekad-dekad 70-an sebagai tahun 'New Emergency' (Lim Moh Chooi 1986 : 49). Komunis juga berusaha

memburuk-burukkan pemerintahan Tun Abdul Razak dengan menyebarkan dakyah-dakyah serta fitnah kepada rakyat menerusi siaran radio 'Suara Revolusi Malaya'. Siaran radio ini bukan sahaja mengandungi propaganda-propaganda kotor terhadap kerajaan pimpinan Tun Abdul Razak tetapi juga berfungsi menyebarkan maklumat serta arahan melakukan kegiatan subversif (Richard F. Staar 1971 : 494). Di antara slogan-slogan yang disebarkan seperti 'Sokonglah Barisan Pembebasan Nasional Malaya' dan 'Isytiharkan Republik Rakyat Malaya' (Far Eastern Economic Review 1972 : 17).

Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Tun Abdul Razak telah mengambil beberapa langkah yang ketat untuk membendung dan mengatasi kegiatan subversif PKM. Salah satu daripada tindakan yang dilakukan ialah dengan menempatkan pasukan keselamatan di kawasan-kawasan yang terdedah kepada ancaman komunis. Di antara kawasan-kawasan yang menjadi perlindungan kerajaan pada ketika itu adalah di Baling di mana seramai 90 orang pasukan keselamatan kelapan ditempatkan, di Kulim dan Bandar Baru, 200 orang Pasukan Keselamatan Kelima di Grik, Lenggong, Air Kala, Temenggur, Banding, Sungai Siput dan Slim River, Merapoh, Wias, Sungai Negiri dan Bertam, 70 orang Pasukan Keselamatan Keenam di Bentong, Cameron Highland, Lipis, Raub, Jerantut dan Temerloh (Lim Moh Choi 1986 : 49).



***Gambar 18:*** *Pasukan keselamatan bertugas melakukan operasi membenteras komunis.*

Operasi-operasi yang dilakukan oleh pasukan keselamatan Malaysia banyak mencapai kejayaan pada tahun-tahun 1970-an. Di Sarawak misalnya, sejumlah 481 orang iaitu hampir 75 peratus anggota komunis Sarawak telah menyerah diri di bawah pimpinan Bong Kee Chok. Antara pertubuhan-pertubuhan yang bergiat aktif di Sarawak seperti Pasukan Rakyat Kalimantan People's Army (PARAKU), Pergerakan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) di mana kedua-dua pergerakan ini telah bergabung membentuk North Kalimantan People's Armed Forces (NKPAF), Sarawak Overseas Chinese Democratic Youth League, Sarawak Advanced Youth Association (SAYA) dan Sarawak Farmer's Association (SFA) (Richard F. Staar 1971 : 496).

Pengaruh komunis juga mempengaruhi pegawai-pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat. Hal ini telah membimbangkan Tun Razak kerana masalah tersebut boleh mengugat kekukuhan politik Malaysia. Di antara pemimpin dan para intelektual yang terlibat dengan pergerakan 'United Front' seperti A. Samad Ismail iaitu bekas Ketua Pengarang Urusan Kumpulan The Straits Times; Datuk Abdullah Ahmad bekas Setiausaha Politik Tun Abdul Razak dan Datuk Abdullah Majid yang pernah terlibat dalam kabinet Tun Razak (Richard F. Staar 1971 : 496). A. Samad Ismail telah ditahan pada 22hb. Jun 1976 dan dibebaskan semula pada 31hb. Januari 1981. Dato' Majid ditahan pada 2hb. November 1976 dan dibebaskan pada 1hb. Febuari 1981. Kedua-dua tokoh ini telah ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) (Sabda S. & Wahba 1981 : 70).

Komunis juga telah mempengaruhi orang-orang Melayu dan menghantar kader-kader Melayunya menyusup masuk ke dalam parti-parti politik Melayu, parti-parti buruh, kesatuan sekerja, buruh, petani, untuk melancarkan mogok dan demontrasi membantah dasar-dasar kerajaan (Gene Z. Hanrahan 1971 : 100). Selain itu komunis mula bergerak menghasut golongan pelajar di sekolah-sekolah dan mahasiswa di institusi pengajian tinggi. Institusi yang menjadi sasaran pihak komunis ialah sekolah-sekolah menengah Cina seperti di Sekolah Menengah Cina Keluang, Johor, pusat-pusat pengajian tinggi seperti di Universiti Nanyang di Singapura dan Universiti Malaya.

Pertubuhan yang memainkan peranan utama di dalam menggerakkan 'student movement' adalah Malayan Communist Youth League (MCYL) dan All Penang Revolutionary Students Union (APRSU) (Government's White Paper 1971 : 27-28). Pada tahun 1970, komunis berjaya mempengaruhi beberapa persatuan pelajar di pusat pengajian tinggi supaya turut terlibat dalam soal-soal politik semasa dan menyertai demontrasi

terhadap kerajaan (Government's White Paper 1971 : 27-28). Kesan daripada peristiwa tersebut pada bulan April 1971, Tun Abdul Razak telah mengeluarkan Akta Universiti dan Kolej yang melarang kegiatan-kegiatan pelajar yang bersifat melampau. Di antara universiti yang paling teruk diresapi oleh pengaruh komunis ialah Universiti Malaya dengan berlakunya peristiwa penyebaran Kertas Putih. Tun Abdul Razak telah menyalahkan tindakan beberapa golongan yang menyebabkan pelajar bertindak melampau. Dalam ucapan beliau:

> *"That political group (name not disclosed, discredited politicians and anti-national elements were behind the students unrest. The inference obviously was that the Party Rakyat and CPM were involved"* (Kiran Kapur Datar 1983 : 145).

Tun Razak telah mengambil beberapa langkah sama ada di dalam ataupun luar negara untuk membendung pengaruh komunis di Malaysia. Pada tahun 1973, Malaysia telah berkerjasama dengan negara Thailand dalam kempen menentang anti-gerila komunis. Malaysia dan Thailand telah mengadakan satu Mesyuarat Bersama Jawatankuasa Sempadan Thailand-Malaysia pada 10hb. April 1973 di Songkla, selatan Thailand untuk menghapuskan pergerakan komunis di sempadan kedua-dua negara (Richard F. Staar 1971 : 501) Kedua-dua buah negara bersetuju mengisytiharkan kenyataan secara bersama iaitu *'intensive combined and ordinated action'* (Richard F. Staar 1971 : 501).

Selain itu Tun Razak telah cuba mewujudkan satu gabungan pakatan ketenteraan di kedua-dua belah negara tetapi pakatan tersebut kurang mendapat kejayaan. Selepas itu Tun Razak telah mengadakan kerjasama dengan Republik Indonesia dengan mengadakan Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Sempadan Malaysia-Indonesia pada 4hb. Julai 1973 (Abdullah Majid 1975 : 88). Pada bulan April 1974, satu operasi telah dilancarkan oleh pasukan keselamatan yang dikenali sebagai *'Operasi Gonzales'* telah berjaya merampas banyak dokumen komunis yang menunjukkan perpecahan yang wujud dalam pergerakan PKM. Dokumen-dokumen yang dirampas itu telah membocorkan rahsia direktif 1971 yang mengarahkan perjuangan PKM diperhebatkan sehingga tahun 1975. Kejayaan operasi tahun 1974 dengan kejayaan pasukan keselamatan membunuh 47 orang anggota PKM, mencederakan sembilan orang, menjumpai 282 khemah dan 62 tempat persembunyian makanan (Richard F. Staar 1971 : 501).

Kejayaan Malaysia bertindak menghapuskan PKM di dalam negara turut dibantu oleh usaha Malaysia yang mengadakan kerjasama serantau di kalangan negara-negara Asia Tenggara seperti Thailand dan Indonesia. Pertubuhan negara-negara ASEAN telah mengambil langkah yang positif di Persidangan Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN, di Bali pada 23 - 24hb. Febuari 1976 bersepakat mengisytiharkan penentangan terhadap kegiatan subversif komunis di rantau Asia Tenggara.

## PEMANSUHAN PERJANJIAN KESELAMATAN AMDA KEPADA FPDA

Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman telah menandatangani satu perjanjian pertahanan luar dengan pihak kerajaan Britain pada 12hb. Ogos 1957. Perjanjian ini dikenali sebagai Perjanjian Pertahanan Britain-Tanah Melayu ataupun Anglo-Malayan Defence Agreement (AMDA) (Federation of Malaya 1957 : 4). (Lampiran I). Perjanjian pertahanan ini telah banyak membantu Malaysia dalam mengukuhkan sistem pertahanan di dalam dan luar negara Malaysia. Britain dan Tanah Melayu berjanji akan saling membantu di antara satu dengan lain terhadap keselamatan di Tanah Melayu ataupun terhadap kepentingan Britain di kawasan Timur Jauh. Perkara ini jelaskan dalam petikan di bawah:

> " *In the event of armed attack against any of the territories or forces of the Federation of Malaya or any of the territories or protectorates of the United Kingdom in the Far East or any of the forces of the United Kingdom within any of those territories or protectorates or within the Federation of Malaya the governments of the Federation of the Malaya and the United Kingdom undertake to cooperate with each other and will take such action as each considers necessary for the purpose of meeting the situation effectively*" (Saravanamuttu, J 1983 : 21).

Tunku Abdul Rahman menandatangani Perjanjian Pertahanan AMDA semasa pemerintahan beliau dipengaruhi oleh beberapa faktor. Sebagai sebuah negara yang baru merdeka, Persekutuan Tanah Melayu menghadapi masalah dalam soal sistem pertahanan dan keselamatan yang lemah serta tidak kukuh. Lebih-lebih lagi pada ketika itu, Persekutuan Tanah Melayu dikatakan hanya memiliki satu sahaja pasukan Regimen Askar Melayu Diraja dan tidak mempunyai kekuatan ketenteraan sama ada di udara dan laut (Saravanamuttu, J 1983 : 21). Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu juga menghadapi masalah ancaman dalam dan luar negara iaitu pemberontakan komunis (Dick Wilson 1975 : 63). Lantaran itu, Tunku Abdul Rahman berpendapat adalah wajar Persekutuan Tanah Melayu membuat satu perjanjian pertahanan dengan pihak Britain untuk menjamin kestabilan negara Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Kerajaan Britain pula berpendapat mereka perlu menunjukkan jasa baik mereka dan tanggungjawab ke atas tanah-tanah jajahan mereka yang telah dibebaskan. Britain juga mempunyai matlamat dan kepentingan menandatangani perjanjian pertahanan tersebut untuk menjamin kepentingan Britain di wilayah Timur Jauh. Masalah ini ditambah dengan keadaan *'Perang Dingin'* yang berlaku di antara kuasa Amerika Syarikat, Soviet Union dan China Komunis serta peperangan yang berlaku di Indochina. Namun begitu, perjanjian pertahanan Britain-Tanah Melayu ini telah dikecam hebat oleh beberapa golongan yang berpengaruh di Tanah Melayu. Misalnya kecaman sebahagian besar pemimpin-pemimpin UMNO, parti-parti pembangkang dan kesatuan sekerja. Kecaman Tajuddin Ali iaitu seorang anggota UMNO terhadap perjanjian AMDA sebagai menjejaskan kemerdekaan Tanah Melayu (Saravanamuttu, J 1983 : 23). Pihak-pihak ini telah mengecam perjanjian AMDA kerana ianya akan menjejaskan status kemerdekaan Tanah Melayu sebagai sebuah negara yang berdaulat.

Perjanjian AMDA yang ditandatangani pada 12hb. Ogos 1957 merupakan satu perjanjian keselamatan yang amat penting kepada sistem pertahanan Tanah Melayu dan merupakan tulang belakang kepada pertahanan negara sekiranya diceroboh oleh mana-mana kuasa asing (Saravanamuttu, J 1983 : 21). AMDA bertanggungjawab ke atas keselamatan kawasan-kawasan geografi di Tanah Melayu dan berusaha melindungi hak Britain di Timur Jauh. Di antara kandungan penting perjanjian yang disentuh ialah:

**Artikel I -** Kerajaan Britain akan membantu segala keperluan pertahanan di Tanah Melayu

**Artikel II -** Kerajaan Britain akan menyediakan pegawai-pegawai untuk melatih dan membangunkan sistem ketenteraan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

**Artikel III & IV-** Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan membenarkan tentera British menggunakan segala kemudahan pengkalan tentera udara dan laut di Tanah Melayu

**Artikel V** Perjanjian ini menyatakan berlaku tawar menawar dan tanggungjawab bersama sekiranya berlaku serangan ke atas Tanah Melayu dan kawasan-kawasan lindungan British (Chin Kin Wah 1974 : 14).




***Rajah 1:*** *Sistem Pertahanan Britain-Tanah Melayu*
***Sumber:*** *Chin Kin Wah, "The Five Power Defence Arrangement And AMDA Some Observation on The Nature of An Evolving Partnership", Occasional Paper No.23, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 1974, hal. 14.*



**Gambar 19:** *Operasi dijalankan oleh pasukan keselamatan menghapuskan gerakan komunis.*

Perjanjian AMDA ini dikatakan mempunyai struktur organisasi (Rajah 1) yang tersusun iaitu Britain berada pada kedudukan di atas sekali dan bertanggungjawab membantu Malaysia menghadapi serangan dari luar. Semasa berlakunya peristiwa Konfrantasi Malaysia-Indonesia, peranan pakatan AMDA begitu penting apabila tentera-tentera Indonesia telah menceroboh wilayah-wilayah Malaysia pada tahun 1963. Britain telah menghantar seramai 50,000 orang tentera-tenteranya ke Singapura, Malaysia, Sabah, Sarawak, dan Brunei (Abdullah Ahmad 1987 : 69). Kehadiran tentera British yang terdiri daripada tentera darat, laut dan udara menunjukkan kerajaan Britain telah menunaikan janji mereka berdasarkan perjanjian AMDA yang telah dimeterai antara kedua-dua belah pihak (Abdullah Ahmad 1987 : 69).

Kejayaan tentera-tentera British menamatkan peristiwa Konfrantasi Malaysia-Indonesia memperlihatkan keberkesanan yang dicapai dalam perjanjian AMDA ini. Perjanjian AMDA telah berjaya menjalankan

fungsinya sebagai satu pakatan pertahanan antara pihak Britain dan Tanah Melayu demi menghadapi ancaman dari luar. Tetapi tempoh masa perjanjian AMDA ini tidak lama dipertahankan kerana pihak Britain dan Amerika Syarikat telah membuat keputusan untuk mengurangkan kehadiran tentera-tentera mereka di rantau Asia Tenggara. Britain bercadang untuk menarik balik penempatan-penempatan tenteranya dari 'East of Suez' pada penghujung tahun 1971 yang melibatkan seramai 52,000 orang anggota tentera (Roger Irvine 1982 : 15). Isu penarikan tentera-tentera Britain ini telah lama disarankan oleh Harold Wilson iaitu Perdana Menteri Britain sejak 16hb. Januari 1968 (Berita Harian, 4 Januari 1970). Keputusan pihak Britain untuk menarik tentera-tenteranya telah menyebabkan perjanjian pertahanan AMDA yang dimeterai semenjak tahun 1957 dimansuhkan pada tahun 1971 iaitu seawal pemerintahan Tun Abdul Razak.

Tun Razak menyedari pemansuhan perjanjian pertahanan AMDA telah menyebabkan wujud kekosongan jaminan keselamatan dan pertahanan Malaysia. Keadaan ini akan menyebabkan kuasa-kuasa besar berusaha menceroboh Malaysia pada bila-bila masa sahaja. Tun Razak ada menyuarakan rasa bimbangnya terhadap pengunduran tentera-tentera Britain dari Asia Tenggara dan pemansuhan perjanjian AMDA:

> *"Kita senantiasa memandang berat akan soal keselamatan. Kalau British hendak berundur itu terpulanglah kepada mereka sendiri. Tetapi kalau kita diserang dari luar kita sangat memerlukan bantuan dari negara-negara sahabat"* (Berita Harian, 4 Januari 1970).

Setelah kerajaan Britain memansuhkan perjanjian AMDA pada awal tahun 1971, satu lagi pakatan pertahanan dimeterai pada 16hb. April 1971 oleh Lord Carrington, Menteri Pertahanan Britain dengan Malaysia, Singapura, New Zealand dan Australia (Berita Harian, 4 Januari 1970). Pakatan pertahanan ini dikenali sebagai Pakatan Pertahanan Lima Kuasa ataupun Five Power Defence Arrangement (FPDA) (Chin Kin Wah 1974 : 3) (Rajah 2). Tun Razak bersetuju menandatangani pakatan tersebut kerana pakatan FPDA memberi jaminan keselamatan dan pertahanan serta kerjasama di antara Malaysia dan Singapura. Sekiranya kedua-dua negara menghadapi ancaman luar maka kedua-dua negara akan berbincang di antara satu dengan lain supaya boleh diambil tindakan yang sewajarnya seperti yang disebut dalam Perkara 5 Pakatan FPDA (Chin Kin Wah 1974 : 17) (Lampiran II).




**Rajah 2:** *Sistem Pertahanan Lima Kuasa.*
**Sumber:** *Chin Kin Wah, "The Five Power Defence Arrangement And AMDA Some Observation on The Nature of An Evolving Partnership", Occasional Paper No.23, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 1974, hal. 3.*

Selain itu dalam Pakatan FPDA, kedua-dua negara bersetuju membentuk satu sistem pertahanan udara bagi kedua belah pihak. Sistem pertahanan tersebut diwakili oleh seorang pegawai kanan dari setiap negara. Pegawai-pegawai ini akan bertanggungjawab terhadap Sistem Pertahanan dan Udara Bersepadu-Integrated Air Defence System (IADS) serta membentuk sebuah Majlis Penasihat bersama untuk menasihat pegawai-pegawai kanan dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang pertahanan kedua-dua belah negara (Chin Kin Wah 1974 : 5).

Walau bagaimanapun, Pakatan Pertahanan FPDA tidak banyak memainkan fungsi sebagai pakatan pertahanan yang kukuh dan mantap bagi Malaysia dan Singapura. Pakatan Pertahanan FPDA pernah disifatkan sebagai satu perjanjian yang longgar dan tidak mengandungi satu jaminan yang kukuh terhadap sistem pertahanan Malaysia dan Singapura. Ghazali Shafie, bekas Menteri Luar Malaysia pernah menyifatkan Perjanjian Lima Kuasa iaitu FPDA adalah satu perjanjian yang telah gagal. Pakatan FPDA ini boleh disifatkan sebagai satu perjanjian yang gagal kerana:

a. Dasar barat yang tidak akan mengambil langkah yang positif sekiranya Malaysia diserang dan selagi kepentingan ekonomi Barat tidak terjejas.

b. Australia pula bersikap dingin tidak mahu mengadakan kerjasama secara formal. Mereka melihat ancaman keselamatan yang besar terhadap Malaysia tidak sama seperti apa yang dilihat oleh para pemimpin Malaysia sendiri (Chong Chin San 1986 : 40).

Tun Razak merasa ragu di atas tindakan dan hasrat kerajaan Australia untuk mengundurkan tenteranya sepenuhnya dari Malaysia dan Singapura. Tun Razak mengingatkan kepada Australia bahawa Australia masih mempunyai tanggungjawab terhadap pertahanan Malaysia seperti yang tercatat dalam Perkara 5, Pakatan Perjanjian Lima Kuasa (Chong Chin San 1986 : 40).

Pada dasarnya dalam menganalisa dasar luar Malaysia faktor keselamatan dan pertahanan dalam negeri ataupun luar negara tidak boleh diabaikan. Ini kerana kedua-dua faktor di atas akan mempengaruhi corak serta kejayaan dasar luar Malaysia. Malaysia sebagai sebuah negara dunia ketiga yang baru merdeka turut menghadapi ancaman dari pihak komunis yang sering melancarkan gerakan subversif. Di samping itu, Malaysia juga tidak mempunyai kekuatan ketenteraan yang mencukupi menyebabkan terpaksa bergantung dengan kuasa Britain dan negara-negara Komanwel berdasarkan siri-siri perjanjian AMDA dan FPDA yang telah dimeterai. Perjanjian AMDA telah banyak membantu negara ini di dalam mempertahankan kedaulatannya sama ada menghadapi ancaman dari pihak komunis mahupun dari luar.

Tun Razak amat terasa apabila perjanjian AMDA dimansuhkan pada penghujung tahun 1971. Beliau sedar pemansuhan perjanjian AMDA ini akan menyebabkan sistem pertahanan di Malaysia akan tergugat. Ini adalah kerana selama ini keselamatan Malaysia bergantung kepada sistem perjanjian AMDA. Penggantian Pakatan Pertahanan Lima Kuasa yang dimeterai oleh Britain, Malaysia, Singapura, New Zealand dan Australia tidak dapat memberi satu jaminan keselamatan yang mutlak kepada Malaysia. Pakatan Pertahanan Lima Kuasa ini dikatakan gagal berfungsi sebagaimana yang telah dicatatkan dalam perjanjian tersebut.

Matlamat Tun Razak menandatangani pakatan-pakatan pertahanan dengan negara-negara luar adalah bercirikan satu pakatan yang berkerjasama dari segi pertahanan (defensive) dan bukannya untuk

menyerang (offensive). Walau apa pun tafsiran yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji dasar luar Malaysia terhadap pertahanan dan keselamatan Malaysia, tindakan Tun Razak berkerjasama dengan beberapa kuasa Barat semata-mata untuk mempertahankan kedaulatan dan kestabilan Malaysia adalah dipuji.

# *Bab 3*

## MALAYSIA DAN HUBUNGAN SERANTAU

Tun Razak telah memainkan peranan dalam menjalinkan hubungan serantau Malaysia dengan negara-negara di Asia Tenggara dengan membina dasar luar negara yang bersifat tanpa pihak (non-aligned), pengecualian, integriti, dan serantau. Hubungan serantau merupakan konsep yang sangat penting dan diperjuangkan oleh Tun Razak sejak dari awal pemerintahannya. Tun Razak secara langsung ataupun tidak langsung telah menjalinkan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara. Dalam usaha Tun Razak merealisasikan dasar luar Malaysia, beliau telah menghadiri beberapa persidangan antarabangsa dan serantau, beliau juga telah mengutarakan konsep tanpa pihak dalam Persidangan Ketiga Negara-Negara Tanpa Pihak di Lusaka, Zambia pada 8 hingga 10hb. September 1970.

Beliau juga menyatakan pendirian Malaysia terhadap konsep pengecualian di Asia Tenggara sehingga mengilhamkan konsep Zon Aman Bebas dan Berkecuali ataupun ZOPFAN. Malaysia juga bimbang terhadap pergolakan yang berlaku di Indochina berkemungkinan mengancam keselamatan Malaysia, konflik persaingan di antara kuasa-kuasa besar di rantau Asia Tenggara. Faktor-faktor inilah yang dianggap oleh Tun Razak sebagai permasalahan yang timbul di rantau ini.

Keselamatan negara-negara rantau Asia Tenggara sememangnya begitu terdedah kepada berbagai bentuk ancaman dari luar terutamanya di kalangan kuasa-kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, Soviet Union dan China Komunis. Permasalahan ini amat disedari oleh pemimpin di negara-negara Asia Tenggara terhadap bahaya yang dihadapi akan mengancam kestabilan dan ketenteraman politik serantau. Sekitar awal tahun 1970-an, rantau Asia Tenggara bergolak disebabkan peperangan yang berlanjutan, masalah ini menjadi semakin ketara lagi dengan campurtangan kuasa-kuasa besar di dalam hal ehwal politik negara-negara tersebut misalnya peperangan yang berlaku di Indochina. Kesan perang

yang berlaku telah mencengkam kehidupan dan menimbulkan kesengsaraan ke atas peribumi di negara-negara Asia Tenggara. Penyelesaian melalui peperangan antara kuasa-kuasa besar dan juga di kalangan negara-negara Asia Tenggara bukanlah satu keputusan yang bijak. Justeru itu Tun Razak telah mengutarakan empat konsep penting di dalam membina prinsip dasar luar Malaysia iaitu Malaysia perlu mengamalkan:

i. Dasar Tanpa Pihak (Non-Aligned)

ii. Pengecualian Asia Tenggara (Neutralisasi)

iii. Dasar Integriti iaitu dasar tidak campurtangan dan mengamalkan hidup bersama secara damai (peaceful co-existence) serta menghormati integriti sempadan negara-negara lain tanpa mengira ideologi.

iv. Regionalisme iaitu menggalakkan kerjasama serantau melalui ASEAN.

Prinsip-prinsip yang disarankan oleh Tun Razak di atas telah menjadi isu yang penting di dalam merangka dasar luar negara Malaysia. Pada pendapat Tun Razak, dasar luar yang berladaskan pengecualian rantau Asia Tenggara merupakan rumusan ke arah pembentukan sistem keselamatan dan menjamin kestabilan serta kemantapan politik di dalam sesebuah negara. Sebenarnya idea dasar pengecualian Asia Tenggara yang disarankan oleh Tun Razak telah disarankan lebih awal oleh Tun Dr. Ismail pada tahun 1968 (Area Handbook For Malaysia 1977 : 258). Namun pada ketika itu Tunku yang menjadi Perdana Menteri kurang berminat pada idea yang disarankan. Apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia Kedua pada tahun 1970, beliau telah menerima idea Tun Dr. Ismail sebagai dasar luar Malaysia yang pragmatik. Tun Razak percaya bahawa keadaan Asia Tenggara yang aman dan stabil boleh memberi sumbangan yang besar kepada keharmonian rantau Asia Tenggara keseluruhannya. Tegas beliau;

*"In terms of peace and security in Asia, I believe that Southeast Asia could have a great relevance in the establishment on an Asia equilibrium and its incumbert positive role in this dynamic and political evolution"* (New Straits Times, 2 October 1971).

Tan Sri Ghazali Shafie, merupakan bekas Menteri Tugas-Tugas Khas yang merangkap Menteri Perdagangan semasa pentadbiran Tun Razak menjelaskan tujuan utama dasar luar Malaysia adalah untuk mewujudkan keamanan, kemakmuran, keteguhan di rantau Asia Tenggara. Beliau mengulas tentang keselamatan dan pertahanan Malaysia, "..........kita hanya boleh mempastikan keselamatan dan kestabilan negara kita sekiranya negara-negara di sekeliling kita juga selamat dan stabil" (Berita Harian, 20 Febuari 1971).

## MALAYSIA DAN DASAR LUAR TANPA PIHAK

Salah satu pendirian dasar luar yang ditekankan oleh Tun Razak ialah dasar tanpa pihak ataupun 'non-aligned policy' (Marek Thee 1981 : 10). Pendirian ini telah dinyatakan oleh Tun Razak semasa berucap mengenai prinsip-prinsip dasar luar Malaysia di Dewan Rakyat iaitu *'I have also affirmed that our foreign policy is base on the principles of non-alignment'* (Ucapan-Ucapan Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein 1971 : 309). Tun Razak sedar dasar yang memihak kepada satu-satu kuasa besar dunia adalah tidak menguntungkan, tambahan pula kuasa-kuasa besar ini menjadikan Asia Tenggara sebagai tempat persaingan pengaruh di antara mereka. Menjelang tahun 1971, Malaysia mula menyertai Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak dan memainkan peranan secara aktif mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara yang berada di dalam pertubuhan tersebut. Pertubuhan Negara-Negara Tanpa Pihak merupakan satu kumpulan gerakan negara-negara sedang membangun dan merupakan kumpulan majoriti anggota Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu dua pertiga anggota pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah ahli Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak. Negara-negara ini bertekad tidak melibatkan diri dalam pakatan ketenteraan dan cuba elakkan diri daripada terlibat dalam konflik Timur-Barat, mewujudkan keamanan, menyokong kebebasan politik, ekonomi dan menentang neo-kolonialisma.



***Gambar 20:*** *Tun Dr. Ismail berucap di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.*



***Gambar 21:*** *Persetujuan Bangkok 1 Jun 1966 menamatkan konfrantasi antara Malaysia-Indonesia.*

Malaysia tidak menyertai dua Persidangan Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak yang telah berlangsung kerana dipulaukan oleh negara-negara dalam pertubuhan tersebut akibat daripada berlakunya peristiwa Konfrantasi Malaysia-Indonesia. Persidangan Pertama pada tahun 1961 dan Persidangan Kedua Negara-Negara Tanpa Pihak di Kaherah pada tahun 1964. Pada tahun 1970, barulah Malaysia terlibat secara langsung di dalam Persidangan Ketiga Negara-Negara Tanpa Pihak di Lusaka, Zambia pada 8 hingga 10hb. September 1970 (Foreign Affairs Malaysian 1970 : 13).

Persoalannya apakah faktor-faktor yang mendorong Malaysia melibatkan diri bersama-sama di dalam Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak semasa pentadbiran Tun Abdul Razak?. Mengapakah pendirian tanpa pihak ini tidak dipraktikkan semasa pemerintahan Tunku Abdul Rahman?. Faktor pertamanya ialah berlakunya perubahan pucuk pemerintahan setelah Tun Abdul Razak menggantikan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Tun Razak adalah seorang yang berminat terhadap dasar tanpa pihak dalam melaksanakan dasar luar Malaysia. Pada pandangan Tun Razak, kepentingan-kepentingan negara Malaysia hanya dapat dimajukan menerusi dasar tanpa pihak ini. Faktor kedua ialah apabila berlakunya peristiwa Konfrantasi Malaysia-Indonesia telah menyebabkan imej negara Malaysia tercemar dan terjejas terutamanya di kalangan negara-negara dunia ketiga iaitu Afro-Asia (Afro-Asia People's Solidarity Organisation-AAPSO) (Peters Boyce 1969 : 171-172). Ini adalah kerana Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak yang terdiri daripada negara-negara sedang membangun dalam lingkungan dunia ketiga. Sentimen-sentimen yang memburukkan keperibadian Malaysia dihamburkan oleh Republik Indonesia kepada negara-negara dunia ketiga ini. Malaysia menerima implikasi yang amat buruk dan negara ini telah dipulaukan oleh negara-negara Afrika dan Asia. Isu pemulauan terhadap Malaysia telah menggagalkan negara ini untuk menghadiri Persidangan Kedua Negara-Negara Tanpa Pihak di Kaherah pada tahun 1964 (Donald Hindley 1964 : 904-913).

Tun Razak mempunyai visi dan matlamat ketika menghadiri Persidangan Ketiga Negara-Negara Tanpa Pihak di Lusaka, Zambia. Selain memulihkan hubungan diplomatik dengan negara-negara Afro-Asia, Tun Razak telah menyarankan beberapa syor yang perlu diberikan perhatian oleh negara-negara dunia ketiga ini terutamanya terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan persoalan pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara. Di dalam ucapan dasar semasa persidangan, Tun Razak telah

menyeru negara-negara tanpa pihak memberi restu masing-masing kepada konsep pengecualian (neutralisasi) Asia Tenggara sebagai rantau yang berkecuali. Pengecualian Asia Tenggara hendaklah dijamin oleh tiga kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat, Soviet Union, dan China Komunis (Stanley S. Bedlington 1978 : 187).

Tun Razak juga telah melahirkan harapan dan keinginannya terhadap isu pengecualian Asia Tenggara kepada perwakilan-perwakilan persidangan:

> *"Adalah menjadi harapan Malaysia, negara-negara tanpa pihak ini akan mengesahkan keadaan pengecualian bukan sahaja di Indochina tetapi juga pengesahan dasar pengecualian keseluruhannya di rantau Asia Tenggara"* (Dick Wilson 1975 : 8).

Jaminan dari kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara secara tidak langsung akan dapat mengatasi masalah peperangan yang berlaku di Indochina. Tun Razak menekankan situasi di Vietnam ataupun mana-mana bahagian Indochina tidak boleh dianggap sebagai suatu masalah yang kecil dan peranan negara-negara tanpa pihak adalah perlu untuk menegakkan kembali hak dan kemerdekaan negara-negara tersebut. Harapan Malaysia ingin melihat rakyat Kemboja, Vietnam dan Laos diberi peluang menyelesaikan masalah mereka sendiri tanpa campurtangan dari kuasa-kuasa besar. Tindakan selanjutnya Malaysia mahu semua pengkalan dan tentera asing ditarik keluar dari negara-negara tersebut supaya rakyat di negara ini dapat menentukan nasib masa depan mereka sendiri (Berita Minggu, 6 September 1970).

Tun Razak juga menyatakan pendirian Malaysia mengakui kerajaan Lon Nol sebagai sebuah kerajaan yang berkuasa penuh di Kemboja sepertimana yang telah diakui oleh Badan Bangsa-Bangsa Bersatu dan lain-lain negara termasuk juga kuasa Soviet Union (Berita Minggu, 6 September 1970). Tun Razak memberi perhatian terhadap pergolakan ini yang boleh mengugat keselamatan dan pertahanan Malaysia dan serantau. Sekiranya pergolakan di Vietnam dan Indochina dapat ditamatkan maka faktor keselamatan Malaysia akan terjamin. Malaysia telah mengambil tindakan yang positif menyeru supaya kedamaian diwujudkan dengan segera di rantau Asia Tenggara. Tun Razak berharap sikap negara-negara yang menyertai persidangan ini dapat memperlihat perpaduan dan kebulatan fikiran mereka supaya bersikap tanpa pihak

kepada mana-mana pihak (Berita Minggu, 8 September 1970). Tambah Tun Razak lagi:

> *"Inilah matlamat kita menghadiri sidang itu di samping menyokong prinsip-prinsip tidak mencampuri hal ehwal dalam negara-negara lain, tidak mahu permusuhan dan sebaliknya menghormati kedaulatan wilayah"* (Berita Minggu, 8 September 1970).

Syor-syor yang telah disarankan oleh Tun Abdul Razak mendapat perhatian dan sokongan yang menggalakkan di kalangan perwakilan negara-negara dunia ketiga itu. Dalam usaha untuk mewujudkan pengecualian rantau Asia Tenggara, Malaysia telah mendesak supaya semua delegasi persidangan menolak permohonan wakil Vietcong dan Kemboja untuk turut serta dalam persidangan tersebut (Berita Harian, 12 September 1970). Selain itu dasar pengecualian yang dianjurkan oleh Malaysia dalam persidangan tersebut telah mendapat beberapa resolusi lain turut dicapai di kalangan negara-negara tanpa pihak untuk mewujudkan konsep keselamatan dan pertahanan di peringkat antarabangsa mahupun di peringkat serantau.

Delegasi-delegasi Persidangan Negara-Negara Tanpa Pihak ini melahirkan perasaan kesedaran mereka terhadap ancaman peperangan terutamanya yang melibatkan penggunaan senjata-senjata nuklear. Delegasi-delegasi Persidangan Lusaka termasuk Malaysia telah mengulangi sekali lagi pendirian mereka mendesak supaya perlucutan senjata-senjata yang merbahaya perlu dilakukan secepat mungkin. Pengisytiharan Lusaka juga telah memutuskan untuk mengadakan satu Persidangan Perlucutan Senjata Sedunia pada dekad tahun 1970-an diiktiraf sebagai Dekad Perlucutan Senjata (Disarment Decade) (Ghazali Shafie 1978 : 110). Cadangan para delegasi persidangan untuk mengisytiharkan Perlucutan Senjata Sedunia telah mendapat sokongan dari kalangan perwakilan yang lain dan juga Malaysia. Malaysia juga mengalu-alukan perjanjian di antara dua buah kuasa besar iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union diadakan untuk menghadkan perlumbaan sistem peluru berpandu (Ghazali Shafie 1978 : 110).

Malaysia juga berpendapat satu cara yang paling baik untuk mencapai kejayaan perlucutan senjata di kalangan kuasa-kuasa besar dengan menarik keluar penglibatan negara-negara kecil daripada memihak kepada pakatan kuasa-kuasa besar seperti SEATO (Leszek Buszyuski 1983 : 4), CENTO

(Kennedy, D.E. 1968 : 18), NATO (Dan Smith 1980 : 39) ataupun Pakatan WARSAW. Kejayaan menarik negara-negara kecil tersebut bertujuan mewujudkan sikap tanpa pihak kepada persaingan kuasa-kuasa besar dunia. Malaysia juga berpendirian pembinaan pengkalan-pengkalan tentera asing tidak membawa manfaat kepada negara-negara serantau. Tun Razak menyatakan kedudukan Asia Tenggara yang neutral dan tanpa pihak perlu dijamin serta dihormati oleh kuasa-kuasa besar. Tegas Tun Razak lagi, apabila Malaysia sudah mengisytiharkan negara ini neutral maka pengkalan asing tidak perlu diwujudkan lagi. Beliau mengulas pendirian Malaysia terhadap penempatan pengkalan-pengkalan asing di rantau Asia Tenggara:

> *"Kita tidak dapat mengharapkan kuasa besar untuk menghormati dasar tanpa pihak kita, sekiranya kita masih memiliki pengkalan tentera asing"* (Judy Bird Williams 1973 : 56)

Satu lagi cadangan Malaysia terhadap konsep pengecualian Asia Tenggara yang telah dipersetujui dalam Persidangan Ketiga Negara-Negara Tanpa Pihak di Lusaka, Zambia memutuskan supaya para perwakilan mengisytiharkan Lautan India sebagai satu kawasan yang bebas dari ancaman senjata nuklear (Berita Minggu, 13 September 1970). Pada bulan Ogos 1972, Malaysia sekali lagi menghadiri Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara Tanpa Pihak di Georgetown, Guyana, Amerika Selatan. Semasa persidangan tersebut berlangsung, perwakilan dari Republik Indonesia dan Laos telah keluar meninggalkan persidangan tersebut (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1971 : 98).

Kumpulan tersebut membantah kerana Kerajaan Revolusi Sementara Vietnam Selatan adalah tidak sah untuk diterima masuk dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tun Razak menegaskan kemasukan kuasa Kerajaan Revolusi Sementara Vietnam Selatan sebagai anggota negara-negara tanpa pihak telah menghalang usaha-usaha hendak menyelesaikan peperangan di Vietnam (Berita Harian, 22 Ogos 1972). Menurut Tun Razak lagi, Persidangan Guyana sepatutnya tidak mengambil sikap prejudis dan harus mematuhi prinsip-prinsip suara ramai (Berita Harian, 22 Ogos 1972).

Pada dasarnya persidangan-persidangan yang disertai oleh Malaysia telah meninggikan taraf dan kedudukan negara ini. Malaysia mula dihormati dan mendapat perhatian di kalangan negara-negara tanpa pihak sama ada di Afrika mahupun di rantau Asia Tenggara. Di dalam

Pengisytiharan Lusaka, sebenarnya Malaysia telah membawa resolusi untuk mewujudkan perdamaian, kemantapan dan keselamatan di rantau Asia Tenggara khasnya dan amnya di seluruh dunia. Kejayaan Tun Razak memperkenalkan konsep neutralisme, regional, integriti dan tanpa pihak di dalam siri-siri persidangan yang dihadiri memperlihatkan tanda-tanda awal kejayaan Tun Razak dalam usaha menentukan kejayaan dasar luar yang cuba dilaksanakan olehnya.

## DASAR PENGECUALIAN ASIA TENGGARA (NEUTRALIZATION)

Tun Razak semasa hayatnya telah beberapa kali mengesyorkan supaya konsep pengecualian rantau Asia Tenggara diisytiharkan. Penekanan yang begitu kuat ke atas konsep pengecualian ataupun ***neutralization*** adalah faktor penting yang cuba dipraktikkan oleh Tun Razak untuk mewujudkan keselamatan dan kerjasama serantau yang kukuh serta mantap (Marvic, C. Ott. 1974 : 15). Tun Razak sedar bahawa rantau Asia Tenggara ini tidak akan dapat mempertahankan keselamatannya sekiranya mereka diancam dan diserang oleh kuasa-kuasa luar. Cadangan pengecualian Asia Tenggara telah diputuskan dalam Perhimpunan Umum Bangsa-Bangsa Bersatu di New York, Amerika Syarikat pada tahun 1971. Malaysia sebagai salah sebuah negara delegasi 53 buah negara tanpa pihak telah memberikan persetujuan terhadap konsep ini. Dalam Artikel 19 persetujuan perhimpunan menyatakan:

> *"Untuk membebaskan kawasan Asia Tenggara dari pertelingkahan kuasa-kuasa besar, dasar pengecualian akan dapat menjamin sepenuhnya keamanan dan keselamatan kawasan ini, begitu juga dengan kemerdekaan dan penyatuan kawasan sesebuah negara"* (Dick Wilson 1975 : 22).

Tun Razak menyifatkan dasar pengecualian Asia Tenggara yang dianjurkan oleh Malaysia sebagai:

> "*Pengecualian adalah satu prinsip negara-negara di Asia Tenggara yang akan bekerjasama pada peringkat awalnya, kemudian akan bersama-sama menghadapi kuasa-kuasa besar dan cuba mengelakkan dari terlibat dalam persaingan serta persengketaan dengan mereka. Kami mahukan keadaan pengecualian Asia Tenggara dijamin oleh pihak kuasa-kuasa besar*" (Judy Bird Williams 1973 : 56).

Bagi pandangan Tan Sri Ghazali Shafie, pengecualian rantau Asia Tenggara sebagai:

> "*Pengecualian adalah satu pengisytiharan tidak campurtangan oleh sesebuah negara dan berhubung dengan tindakan negara itu dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan persengketaan peperangan*" (Foreign Affairs Malaysian 1971 : 46-47).

i. Tun Abdul Razak telah menyarankan dua strategi yang perlu diberi perhatian oleh negara-negara di rantau Asia Tenggara untuk mewujudkan kerjasama serantau dan pembangunan di Asia Tenggara menerusi:

ii. Menyusun rancangan kerjasama serantau untuk melatih dan membentuk berjuta tenaga belia Asia Tenggara bagi tugas pembangunan ekonomi dan sosial.

Negara-negara Asia Tenggara jangan berpihak kepada mana-mana kuasa besar dalam pergolakan dan perang dingin serta menunjukkan dengan tegas kesediaan Asia Tenggara untuk mengikuti haluan tanpa pihak yang tulen (Berita Harian, 23 April 1971).

Pada sekitar tahun-tahun 1970-an, konsep pengecualian Asia Tenggara yang disarankan oleh Tun Abdul Razak telah menjadi satu konsep yang telah diterima oleh kalangan negara-negara Asia Tenggara. Bahkan pandangan terhadap idea di atas telah mendapat sokongan dari negara-negara barat misalnya George Pompidou, Presiden Perancis menyatakan persetujuan beliau terhadap konsep Malaysia untuk mewujudkan pengecualian Asia Tenggara (Berita Harian, 23 April 1971). Begitu juga dengan Willy Herr Brandt, Kaunselor Jerman Barat telah menyokong

dasar luar Malaysia mengenai soal menentukan nasib sendiri dan tidak campurtangan dalam urusan negara-negara lain selaras dengan dasar pengecualian Asia Tenggara.

Di pihak negara-negara bukan ASEAN telah menunjukkan minat mereka terhadap konsep pengecualian Asia Tenggara. Setengah daripada negara tersebut memberikan sumbangan idea misalnya Laos telah menyokong secara terbuka idea pengecualian Asia Tenggara manakala Burma pula menyatakan harapan mereka untuk terlibat di dalam usaha Malaysia menganjurkan konsep pengecualian. Walaupun pada peringkat awalnya dasar yang disarankan oleh Tun Razak mendapat sambutan dingin terutamanya di kalangan negara-negara ASEAN sendiri. Misalnya Republik Singapura walaupun negaranya adalah kecil tetapi mereka boleh bertahan dengan bantuan kuasa-kuasa besar dunia. Begitu juga dengan Thailand dan Filipina, kedua-dua negara ini tidak bimbang kerana mereka menerima perlindungan dari Amerika Syarikat.




***Gambar 22**: Mesyuarat Ke-3 Menteri-Menteri Luar ASEAN di Cameron Highland, pada Disember 1969*

Tun Razak telah mencadangkan agar rantau Asia Tenggara ini terus dijamin pengecualiannya oleh kuasa-kuasa besar yakni Amerika Syarikat, Soviet Union dan China Komunis (Ghazali Shafie 1980 : 24). Ini bermakna kuasa-kuasa besar perlu berjanji tidak akan campurtangan dalam kancah politik negara-negara Asia Tenggara. Sebaliknya kuasa-kuasa besar harus mengiktiraf dan menghormati rantau ini sebagai rantau aman, bebas dan

berkecuali (Berita Harian, 23 April 1971). Di pihak negara-negara Asia Tenggara pula mereka perlu mengelakkan diri daripada terheret ke dalam mana-mana krisis antarabangsa terutamanya di dalam perang dingin. Tambah Tun Razak lagi:

> "*Polisi pengecualian akan hanya berjaya sekiranya ia mendapat sokongan dan persefahaman ataupun jaminan dari kalangan kuasa-kuasa besar seperti China, Soviet dan Amerika Syarikat*" (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1972, 1974 : 90).

Malaysia menyedari betapa penting konsep pengecualian Asia Tenggara diwujudkan, satu usaha telah dirancang dan dilaksanakan oleh sekumpulan Menteri-Menteri Luar ASEAN untuk mengadakan satu Deklarasi Kuala Lumpur pada tanggal 27hb. November 1971. Deklarasi ini telah dihadiri oleh Menteri-Menteri Luar dari negara Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan wakil khas negara Thailand. Deklarasi Kuala Lumpur 1971 ini telah mencapai kejayaan bersejarah di antara kelima-lima negara untuk mencari jalan mengiktiraf dan menghormati Asia Tenggara sebagai rantau aman, bebas dan berkecuali dari sebarang campurtangan kuasa luar (Lampiran III). Wakili negara-negara ASEAN ini telah bersetuju dengan cadangan Malaysia bahawa konsep pengecualian Asia Tenggara harus dilihat pada dua peringkat iaitu:

a. Peringkat Negara-Negara Asia Tenggara.

   i. Tiap-tiap negara di kawasan ini hendaklah menghormati kedaulatan dan keutuhan wilayah masing-masing, tidak mencampuri baik secara langsung atau tidak langsung atau sebaliknya aktiviti-aktiviti yang boleh mengancam keselamatan negara lain. Sikap non-agresif dan tidak mencampuri hal ehwal dalam negara-negara lain.

   ii. Semua kuasa asing hendaklah dikeluarkan dari rantau ini.

   iii. Rantau ini tidak boleh digunakan sebagai kawasan konflik dalam perebutan kuasa-kuasa antarabangsa.

iv. Tiap-tiap negara hendaklah berusaha mencari jalan dan memikul tanggungjawab bersama untuk mewujudkan perdamaian di kawasan ini.

v. Negara-negara Asia Tenggara hendaklah menganjurkan satu pandangan yang kolektif kepada kuasa-kuasa besar mengenai isu keselamatan.

vi. Negara-negara Asia Tenggara hendaklah meningkatkan kerjasama serantau (Rajendran, M.1986 : 32).

b. Peringkat Kuasa-Kuasa Besar Dunia (Amerika Syarikat, Soviet Union dan China Komunis).

vii. Asia Tenggara sebagai sebuah kawasan serantau yang berkecuali.

viii. Kuasa-kuasa besar hendaklah mengecualikan negara-negara serantau daripada perebutan dan pertikaian kuasa di kalangan mereka.

ix. Kuasa-kuasa besar hendaklah mencari cara-cara penyelesaian untuk menjamin pengecualian Asia Tenggara di dalam perebutan kuasa antarabangsa (Rajendran, M. 1986: 32).

Persetujuan yang dicapai oleh Menteri-Menteri Luar ASEAN telah menjadikan konsep pengecualian Asia Tenggara yang disarankan oleh Tun Razak menjadi kenyataan. Hasrat Tun Razak untuk membentuk zon keamanan, kebebasan dan pengecualian iaitu ZOPFAN tercapai akhirnya. Ternyata konsep pengecualian yang dicanangkan oleh Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan itu merupakan konsep yang unggul, mantap dan berkesan dalam usaha menjamin sistem pertahanan dan keselamatan Malaysia dan juga negara-negara lain di Asia Tenggara.

Deklarasi Kuala Lumpur 1971 telah melahirkan konsep ZOPFAN yang bertujuan untuk menjamin dan membina satu rangka politik bagi membolehkan negara-negara di rantau Asia Tenggara saling berhubungan dengan perkara-perkara ekonomi dan sosial (Dick Willson 1975 : 32-33). ZOPFAN juga berfungsi mengawal penglibatan kuasa-kuasa luar di rantau

ini dan menyekat mereka daripada terlibat dalam politik serta kuasa tentera di negara-negara tersebut. Negara-negara ASEAN bersetuju untuk berkerjasama menyekat kuasa-kuasa luar daripada mencampuri urusan dalam negara dan berusaha menghalang kuasa-kuasa besar daripada mengheret mereka dalam konflik *'perang dingin'*. Malaysia menegaskan kepada negara-negara Asia Tenggara matlamat utama Malaysia menyokong konsep ZOPFAN kerana:

i. Negara-negara Asia Tenggara harus menyelesaikan konflik di Kampuchea yang merupakan punca pergolakan dan campurtangan kuasa luar.

ii. Tentera asing harus diundurkan dari bumi Kampuchea.

iii. Malaysia mengkritik tindakan Vietnam dan menolak kerajaan boneka Heng Samrin.

Tiga perkara di atas menggambarkan pendirian Malaysia menyokong konsep ZOPFAN dan ketegasan Malaysia untuk menyelesaikan isu persengketaan di Indochina. Ini adalah kerana pergolakan yang berlaku di bumi Vietnam, Laos dan Kampuchea boleh mengugat keselamatan Malaysia. Masalah inilah yang amat membimbangkan kepada Tun Abdul Razak dan juga pemimpin-pemimpin negara Asia yang lain. Namun begitu konsep ZOPFAN yang dipersetujui oleh negara-negara ASEAN ini menghadapi pelbagai masalah. Tengku Ahmad Rithaudden, Menteri Luar Malaysia semasa berada dalam kabinet Tun Hussein Onn pernah menyatakan konsep ZOPFAN telah gagal mencapai matlamatnya kerana kepesatan kapal-kapal perang Amerika Syarikat dan Soviet Union membawa senjata nuklear dan menceroboh perairan Asia Tenggara telah membahayakan keselamatan Asia Tenggara. Tengku Ahmad Rithaudden mencadangkan supaya ASEAN memainkan peranan mengisytiharkan kawasan perairan Asia Tenggara sebagai 'Zon Bebas Nuklear' (New Straits Time, 12 September 1984).

Dalam Persidangan Menteri-Menteri Luar ASEAN Keempat di Manila pada 12hb. Mac 1971, isu pengecualian turut dibincangkan sebagai salah satu permasalahan serantau. Malaysia telah diwakili oleh Tun Dr. Ismail iaitu Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Zaiton Ibrahim Bin Ahmad selaku Ketua Setiausaha Kementerian Luar Malaysia, Albert Talalla

Setiausaha Bahagian Kementerian Luar, Razak Ismail, Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Kementerian Luar (ASEAN Foreign Ministers At ASEAN Ministerial Meeting 1967-1987 : 90).

Menteri-Menteri Luar ASEAN ini telah menggariskan pengecualian Asia Tenggara adalah satu objektif yang ingin dicapai. Mereka juga menaruh harapan mewujudkan persefahaman mengenai takrif kawasan, aman, bebas dan berkecuali dalam konteks Asia Tenggara perlu meliputi :

i. Penting meneruskan hubungan tidak rasmi dari semasa ke semasa untuk memupuk kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN.

ii. Negara-negara ASEAN harus memberi sumbangan yang konkrit bagi mencapai penyelesaian muktamad tentang pergolakan di Indochina.

iii. Mengutuk ujian senjata nuklear di mana-mana kawasan dunia (New Straits Time, 12 September 1984).

## MASALAH PERGOLAKAN DI INDOCHINA

Pergolakan politik dan peperangan yang berlaku di Vietnam dan Kemboja merupakan isu-isu politik rantau Asia Tenggara yang amat membimbangkan Malaysia. Walaupun di dalam Deklarasi Kuala Lumpur 1971 telah tercapai kata sepakat bahawa rantau Asia Tenggara ini akan dijamin oleh tiga kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat, Soviet Union dan China Komunis. Namun kandungan pengisytiharan tersebut bukanlah satu jaminan yang bersifat mutlak yang dapat diberikan oleh tiga buah kuasa besar dunia terhadap keselamatan negara-negara di Asia Tenggara. Sebaliknya ketiga-tiga buah kuasa besar dunia ini jelas memperlihatkan persaingan antara satu dengan lain untuk meluaskan pengaruh mereka di rantau ini.

Kesan dari persaingan kuasa-kuasa besar di rantau ini menunjukkan bahawa dasar pengecualian Asia Tenggara atau 'neutralisasi' yang dicanangkan oleh Malaysia khasnya Tun Razak belum lagi mencapai matlamat sepenuhnya. Tun Razak juga pernah berkata rantau Asia Tenggara yang damai, bebas dan neutral hanya akan dicapai apabila tidak ada lagi pengkalan tentera asing di bumi Asia ini, dan Asia Tenggara

yang neutral perlu dijamin serta dihormati oleh kuasa-kuasa besar (Judy Bird Williams 1973 : 56). Masalah persaingan kuasa-kuasa besar dunia ini berlaku kerana mereka berlumba-lumba untuk menempatkan pasukan-pasukan tentera di pengkalan-pengkalan tentera asing yang strategik di negara-negara Asia Tenggara. Begitu juga dengan dasar pengecualian ini tidak akan tercapai selagi perang saudara di Vietnam masih berterusan dan didalangi oleh kuasa-kuasa besar Amerika Syarikat, Soviet Union dan China Komunis.

Malaysia seperti mana negara-negara di Asia Tenggara lain telah mengikuti dengan penuh minat perkembangan yang berlaku di wilayah Indochina khasnya. Pihak Vietnam Utara dan tentera Vietcong di Vietnam Selatan mendapat sokongan yang begitu kuat dari Soviet Union dari segi ketenteraan, politik mahupun diplomatik. Nikolai Podgony, President Soviet Union menyatakan kerajaannya akan terus menerus memberi bantuan kepada Vietnam Utara dan Vietcong yang sedang berperang dengan Vietnam Selatan. Soviet Union telah memberi bantuan sebanyak US $ 6 juta kepada Vietnam Utara dan Vietcong selama beberapa tahun (John H. Esterline & Mac H. Esterline 1986 : 49).

Pergolakan di Indochina menjadi bertambah buruk lagi dengan penglibatan kuasa Amerika Syarikat di Vietnam Selatan. Amerika Syarikat ingin menunjukkan pengaruhnya sebagai salah sebuah kuasa besar yang berpengaruh di Asia Tenggara dan cuba membendung pengaruh China Komunis. Dalam peristiwa 'Christmas Bombing 1972', Presiden Nixon telah membuat keputusan menyerang Republik Demokratik Vietnam (RDV) pada 18 hingga 30hb. Disember 1972. Serangan Amerika Syarikat ke atas Vietnam dengan menggunakan jet-jet pengebom B-52 (John H. Esterline & Mac H. Esterline 1986 : 49). Kesan daripada peristiwa serangan mengejut tersebut telah mengheret kerajaan Hanoi ke meja perundingan hingga termeterainya Perjanjian Paris pada 23hb. Jun 1973. Sepanjang tahun-tahun 1970-1973, 'United States of America Strategic Air Command" melaporkan pihak Amerika telah melakukan lebih 2,875 serangan ke atas wilayah Kampuchea dan menjatuhkan 240,000 ton bom (John H. Esterline & Mac H. Esterline 1986 : 49). Tindakan Amerika Syarikat ini telah dikutuk oleh kuasa China Komunis dan menyifatkan tindakan Amerika Syarikat sebagai zalim dan tidak berperikemanusiaan.

Sebaliknya China Komunis telah menyatakan pendirian mereka untuk membantu rakyat Vietnam menentang pencerobohan Amerika Syarikat. Persengketaan yang berlaku di antara ketiga-tiga kuasa besar dunia ini

sudah pasti tidak dapat mewujudkan keamanan, keselamatan dan kedaulatan rantau Asia Tenggara. Penglibatan ketiga-tiga buah negara ini dalam peperangan di Indochina seolah-olah telah membelakangkan persetujuan yang dicapai dalam Deklarasi Kuala Lumpur 1971 yang mengisytiharkan konsep pengecualian Asia Tenggara.

Kesan penaklukan Vietnam Utara dan kuasa Vietcong ke atas wilayah Vietnam Selatan telah membentuk kerajaan sementara iaitu Republik Demokratik Vietnam (RDV). Kerajaan komunis Vietnam ini mula meluaskan pengaruhnya ke atas Laos dan kemudiannya menceroboh wilayah Kampuchea (Rujuk Peta 2: hal. 84). Peluasan pengaruh Vietnam ini secara tidak langsung telah membuktikan komunis akan berkembang di rantau Asia Tenggara. Faktor inilah yang membimbangkan keselamatan Malaysia dan negara-negara lain di Asia Tenggara. Tun Razak telah melahirkan perasaan bimbang beliau terhadap situasi di atas, beliau berpendapat 'Teori Domino' yang diutarakan oleh Dwight Eisenhower, Presiden Amerika Syarikat pada 7hb. April 1954 akan menjadi kenyataan (Dwight Eisenhower 1969 : 96). Eisenhower menyifatkan pengaruh komunis yang didalangi oleh Soviet Union terhadap Vietnam akan berkembang sama seperti pergerakan kejatuhan buah-buah domino. Beliau sendiri menyatakan:

> *"You have a row of dominoes set up, you knock over the first one and what will happen to the last one is the certainty that it will go over very quickly"* (Dwight Eisenhower 1969 : 96).

Berdasarkan teori domino ini , Eisenhower mengandaikan sekiranya seluruh Vietnam jatuh ke tangan komunis maka negara-negara lain di Asia Tenggara akan turut jatuh ke tangan kuasa komunis. Persoalan inilah yang menggugat keselamatan negara-negara di Asia Tenggara. Malaysia bimbang sekiranya Vietnam bertindak menakluki Laos dan Kampuchea maka sudah tentu negara Thailand yang bersempadan dengan Kampuchea akan ditakluki. Negara Thailand adalah jiran yang terdekat dengan Malaysia, maka apa-apa yang terjadi di negara tersebut akan menyentuh kepentingan Malaysia. Apabila keselamatan Malaysia sudah terancam secara tidak langsung pengaruh komunis Vietnam akan menyusur masuk ke dalam negara ini dan menguatkan lagi pergerakan PKM sekiranya keadaan ini tidak dibendung.




***Peta 2:*** *Perkembangan Pengaruh Komunis Ke seluruh Wilayah Vietnam Pada Tahun 1973 Mengikut Teori Domino.*

Kemenangan Vietnam di Indochina juga telah menguatkan kedudukan China Komunis (RRC) di Asia Tenggara (Berita Harian, 22 Ogos 1972). Malaysia juga bimbang dengan kehadiran kuasa Soviet Union di Cam Rann Bay dan Danang yang berhampiran dengan perairan Asia Tenggara. Malaysia tetap berpendapat peperangan yang berlaku di Vietnam tidak boleh diselesaikan secara ketenteraan dan penyelesaian yang kekal dalam masalah Vietnam akan hanya diperolehi melalui perundingan damai yang memberi kebebasan kepada rakyat Vietnam. Malaysia tetap berharap Vietnam Utara dan Vietnam Selatan dapat menyelesaikan masalah mereka tanpa campurtangan kuasa-kuasa luar di rantau ini. Konflik perang saudara di Vietnam akhirnya berjaya ditamatkan menerusi Perjanjian Paris pada bulan Januari 1973 (Paris Peace Agreement) (John H. Esterline & Mac H. Esterline 1986 : 49). Namun perjanjian yang ditandatangani ini hanya menamatkan persengketaan di wilayah Vietnam buat sementara waktu kerana masih terdapat pertempuran antara pihak komunis dengan pihak bukan komunis di Vietnam Selatan (Roger Irvine 1982 : 15).

Tan Sri Ghazali Shafie pernah menegaskan polisi Malaysia terhadap Vietnam:

> *"Dasar Malaysia adalah memberikan sokongan kepada Republik Rakyat Vietnam dan untuk menyokong hak-hak Republik Rakyat Vietnam mempertahankan dirinya dari tekanan-tekanan Vietnam Utara yang berterusan. Vietnam Utara bukan sahaja menghantar askar-askarnya ke dalam Republik Rakyat Vietnam Selatan tetapi juga menyusun, mengarah dan memberi bekalan kepada kempen-kempen gerila di selatan"* (Ghazali Shafie 1982 : 94).

Kebimbangan Malaysia terhadap keselamatan rantau Asia Tenggara bertambah ketara apabila kerajaan Amerika pula mengambil keputusan hendak menarik keluar tenteranya dari Vietnam akibat daripada pelaksanaan Doktrin Nixon dan Dasar Vietnamisasi (Chong Chin San 1986 : 40). Dasar ini telah diputuskan oleh Presiden Nixon setelah melawat Peking pada bulan Febuari 1972. Isu-isu penting Doktrin Nixon menerangkan:

i. Amerika Syarikat akan mengurangkan penglibatan di Indochina sebagai alternatif lain Amerika Syarikat akan mengeluarkan lebih banyak bantuan ketenteraan di Indonesia.

ii. Amerika Syarikat akan memastikan keselamatan Taiwan bebas dari ancaman luar.

iii. Amerika Syarikat akan mendesak Jepun memainkan peranan menjaga keselamatan rantau Asia Tenggara.

iv. Amerika Syarikat akan memperkenalkan pertahanan serantau mengimbangi kuasa komunis (Chong Chin San 1986 : 40).

Amerika Syarikat terpaksa menarik keluar tenteranya dari peperangan di Vietnam kerana mereka telah gagal untuk mempertahankan kedudukan sebagai kuasa besar di sana. Hal ini diakui sendiri oleh Henry Kissingger Setiausaha Negara Amerika Syarikat:

> *"However we got into Vietnam, whatever the judgement of our actions, ending the honorably other solution may unloose forces that would complicate prospects of international order. A new administration must be given the benefit of the doubt and a change to move toward a peace which grants the people of Vietnam what they have struggled so bravely to achieve: an opportunity to work out their own destiny in their own way"* (Sundershan Chawla 1974 : 10).

Amerika Syarikat menjelaskan penarikan tentera-tentera mereka dari bumi Indochina sebenarnya untuk memberi peluang kepada negara-negara di Asia Tenggara terutamanya Vietnam mempertahankan keselamatan negara masing-masing tanpa campurtangan dari kuasa-kuasa besar. Tetapi kesan daripada penarikan keluar tentera Amerika Syarikat telah mewujudkan satu 'kekosongan' kuasa besar sebaliknya dasar ini telah meluaskan persaingan pengaruh Soviet Union dan China Komunis. Termeterinya Perjanjian Keamanan Paris (Paris Peace Agreement) pada bulan Januari 1973 merupakan satu-satunya jalan untuk Amerika Syarikat keluar dari kancah peperangan Vietnam (Rajendran, M. 1986 : 39). Pengunduran pasukan tentera Amerika Syarikat telah membawa detik perubahan strategi keselamatan dan pertahanan bagi negara-negara Asia Tenggara (Leszek Buszyuski 1983 : 4). Negara-negara Asia Tenggara mula menguatkan sistem ketenteraan masing-masing sama ada keselamatan luar negeri mahupun dalam negeri. Walaupun Amerika Syarikat telah berundur dari bumi Vietnam, ini tidak bermakna penglibatan dan pengaruh Amerika

Syarikat akan tamat begitu sahaja di rantau Asia Tenggara kerana Amerika Syarikat masih mempunyai pengkalan-pengkalan tentera misalnya di Teluk Subic, Filipina.

Pemansuhan SEATO iaitu Perjanjian Pertubuhan Asia Tenggara (Southeast Asia Treaty Organisation) pada tahun 1973 dilakukan sebaik sahaja Amerika Syarikat berundur di Indochina (Leszek Buszyuski 1983 : 4). SEATO adalah sebuah pertubuhan yang ditubuhkan pada tahun 1954 sebagai badan pembangunan strategik dunia bagi Amerika Syarikat bertindak menentang ideologi komunis di kawasan rantau Pasifik. 'SEATO Defence Pact' ini telah digubal sebagai tindakbalas terhadap masa depan keselamatan rantau Asia Tenggara terutamanya pada Vietnam Selatan. Menerusi SEATO Defence Pact juga, Amerika Syarikat telah terlibat secara sepenuhnya di dalam kancah peperangan yang berlaku di Indochina (Kahin, G. M. & Lewis, J. 1967 : 47). Sebenarnya perjanjian ini bertujuan untuk mengekalkan kemerdekaan dan perlindungan kepada wilayah-wilayah Kemboja, Laos dan Vietnam. Namun demikian, apabila perjanjian ini ditandatangani pihak Kemboja (Kampuchea) telah menolak dasar perlindungan dari SEATO manakala Laos bertindak berkecuali. Hanya Vietnam Selatan sahaja yang bersetuju menerima perlindungan SEATO. Berlandaskan kepada peranan yang dimainkan oleh SEATO, ia merupakan satu pakatan yang amat penting di dalam menyekat perluasan kuasa komunis di rantau Asia Tenggara.

SEATO dimansuhkan selepas Perjanjian Keamanan Paris ditandatangani pada tahun 1973, perkara ini telah menyebabkan pengaruh komunis berkembang semula. Ini bermakna tanpa SEATO, kebenaran Teori Domino menjadi semakin nyata pada tahun-tahun 1975. Setelah Indochina ditawan oleh kerajaan komunis Vietnam pada 17hb. April 1975, Kemboja tumbang ke tangan Khmer Rouge, manakala pada 30hb. April 1975 Vietnam Selatan telah jatuh pula ke tangan Vietcong dan Vietnam Utara (Kahin, G. M. & Lewis, J. 1967 : 47). Ini menandakan seluruh bumi Indochina telah jatuh ke tangan komunis. Peristiwa ini menyebabkan pemimpin-pemimpin negara ASEAN bimbang dan perlu mengkaji semula kedudukan serta politik luar negara masing-masing. Pengkajian perlu dilakukan secara bersama buat pertama kalinya di dalam Persidangan Menteri-Menteri ASEAN Kelapan di Kuala Lumpur pada 13 hingga 15hb. Mei 1975. Menteri-Menteri Luar ASEAN telah membuat keputusan mengajak negara Indochina saling berkerjasama dengan ASEAN. Pergolakan di Kampuchea amat membimbangkan negara-negara ASEAN kerana ia bukan sahaja merupakan peperangan di sempadan tetapi ia melibatkan peperangan di antara kuasa-kuasa besar.

Isu penarikan keluar tentera British dan Amerika Syarikat serta pemansuhan SEATO amat merisaukan pemimpin-pemimpin ASEAN dan negara-negara lain. Lebih-lebih lagi apabila berlaku kejatuhan satu demi satu wilayah di Indochina ke tangan komunis pada pertengahan tahun 1975 (Joint Communique of the Eight ASEAN Ministerial Meeting Kuala Lumpur, 13-15 May 1975). Ini bermakna pengaruh dan ancaman komunis ke atas Malaysia semakin hampir, sekiranya Thailand jatuh ke tangan kerajaan komunis Vietnam maka sudah tentunya Malaysia akan diceroboh seterusnya. Permasalahan inilah yang menjadi kebimbangan kepada Tun Razak dan konsep pengecualian Asia Tenggara yang dianjurkannya telah diragui akan keberkesanannya oleh Singapura dan Thailand.

Tun Razak telah mengemukakan satu cadangan penting untuk mencapai matlamat di atas, ianya harus dijamin oleh kuasa-kuasa besar dunia seperti Soviet Union, Amerika Syarikat dan China Komunis. Tun Razak sedar betapa pentingnya penglibatan negara China Komunis (RRC) dalam mengimbangi persaingan kuasa-kuasa besar yang lain iaitu Amerika Syarikat dan Soviet Union (Berita Harian, 16 Oktober 1970). Jika dibandingkan di antara ketiga-tiga buah kuasa besar ini hanya negara China sahajalah yang menyokong idea pengecualian Asia Tenggara. Amerika Syarikat enggan campurtangan dan tidak pula menentang dasar ini. Tun Razak pernah menegaskan Malaysia tidak akan mengadakan hubungan dengan China kecuali negara tersebut mahu menerima syarat yang ditetapkan iaitu:

i. China hendaklah menarik terlebih dahulu dan menukar sikap permusuhan dengan negara-negara lain.

ii. China harus memberi jaminan kepada Malaysia bahawa ia menerima prinsip-prinsip hidup bersama tanpa campurtangan kuasa-kuasa lain (Robert O. Tilman 1987 : 90).

China telah bertindak memberi sokongan kepada komunis di rantau Asia Tenggara terutamanya kepada pergerakan PKM di Malaysia (Berita Harian, 5 Oktober 1970). Tun Razak mula merubah dan berminat untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan China apabila China menyokong idea pengecualian Asia Tenggara. Tun Razak menjelaskan dasar baru Malaysia terhadap China adalah satu dasar yang logik.

Sementara itu, Tun Dr. Ismail menyatakan pendirian Malaysia akan mengadakan hubungan dengan China sekiranya ia menjamin dasar pengecualian di Asia Tenggara (Berita Harian, 5 Oktober 1970). Sebaliknya beliau menegaskan Malaysia tidak boleh meminta China menjamin dasar pengecualian Asia Tenggara sedangkan Malaysia tidak mengiktirafnya. Malaysia adalah negara ASEAN yang pertama menjalin hubungan diplomatik dengan Beijing pada tahun 1974 (Berita Harian, 5 Oktober 1970). Malaysia dalam usaha menjalin hubungan diplomatik dengan China, negara ini telah menarik diri daripada Pertubuhan ASPAC (Leo Suryadinata 1985 : 101). ASPAC adalah pertubuhan yang diasaskan untuk menentang pengaruh komunis di Asia Tenggara. Ini kerana Malaysia tidak mahu bermusuhan dengan China dan langkah ini dapat mengurangkan ancaman China terhadap rantau Asia Tenggara (Rajendran, M. 1986 : 287).

Langkah seterusnya Malaysia telah menyokong usul di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya China diterima menjadi anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tanpa berdasarkan kelebihan dua pertiga undi (Robert O. Tilman 1987 : 91). Menurut satu laporan akhbar Manila Chronicle, keputusan Malaysia menyokong keanggotaan China di Bangsa-Bangsa Bersatu membayangkan kesedaran tanpa penyertaan China maka rancangan pengecualian Asia Tenggara tidak akan berjaya (Robert O. Tilman 1987 : 91). Kenyataan yang dibuat oleh Malaysia tidak bermaksud negara ini akan terpengaruh dengan ideologi komunis. Sebaliknya tindakan Malaysia sebenarnya mempunyai matlamat dari segi jangka panjang untuk mencapai konsep pengecualian rantau Asia Tenggara. Bahkan Malaysia menganggap Beijing salah satu pendokong yang kuat kepada gagasan 'neutralisasi'.

Sebelum dasar pengecualian Asia Tenggara disarankan oleh Tun Abdul Razak, Malaysia enggan mengadakan hubungan diplomatik dengan China dengan secara rasmi. Tindakan Beijing yang memberi sokongan yang kuat kepada pergerakan PKM di Tanah Melayu telah menimbulkan kemarahan di kalangan pemimpin-pemimpin Malaysia terutamanya Tunku Abdul Rahman seorang bersikap anti-komunis (Saravanamuttu, J 1983 : 101). Lebih-lebih lagi pada tahun 1960-an, masyarakat China di Malaysia yang terdiri hampir 30 peratus mendalangi sentimen pro-Beijing dan golongan ini mudah diperalatkan serta dihasut dengan ideologi-ideologi komunis. Salah satu contoh bagaimana China berusaha merosakkan nama baik Malaysia melalui siaran radio iaitu 'Suara Revolusi Malaya'. Siaran radio itu bukan sahaja mengandungi propaganda kotor

terhadap kerajaan pimpinan Tun Abdul Razak tetapi memberi arahan-arahan yang boleh digunakan oleh golongan subversif. Tun Abdul Razak sedar sifat bermusuhan dengan China adalah tidak menguntungkan bagi Malaysia. Apa yang penting dasar pengecualian Asia Tenggara perlu dijamin oleh kuasa besar seperti China supaya konsep keselamatan dan pertahanan dapat diwujudkan. Sokongan Malaysia terhadap kemasukan China sebagai anggota Badan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah wajar. Malaysia berpendapat sekiranya Beijing menjadi anggota pertubuhan dunia itu maka ia akan memainkan peranan yang penting dalam perhubungan antarabangsa terutamanya di rantau Asia (Berita Harian, 6 Oktober 1970).

China sebagai salah sebuah kuasa terbesar di dunia dan mempunyai kuasa tentera yang kuat perlu didesak supaya bersikap memwujudkan keamanan dan menghormati kedaulatan negara-negara lain. Malaysia mahu China diberikan haknya yang sah di dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan secepat mungkin supaya pemikiran dunia dapat mempengaruhi sikap subversif China. Persoalannya mengapakah Malaysia menyokong kemasukan Beijing ke PBB?. Sebabnya:

i. Beijing tidak harus dipencilkan daripada sebarang usaha untuk memecahkan masalah dunia.

ii. Beijing akan dapat menolong menyelesaikan banyak masalah terutamanya perdamaian di Asia Tenggara.

iii. Beijing sebagai negara kuasa nuklear penting untuk menjamin kedaulatan dunia. Sekiranya ia dipencilkan dunia akan menghadapi bahaya kerana Beijing tidak dapat menyertai usaha-usaha perlucutan senjata dan penghapusan senjata nuklear.

iv. Pergolakan di Asia Tenggara terbit daripada persaingan pengaruh antara kuasa-kuasa besar di Vietnam khususnya di Indochina. Jadi persaingan kuasa-kuasa besar ini tidak harus dibiarkan kerana akan mengancam kedaulatan negara-negar di rantau ini. Kehadiran kuasa China Komunis adalah sebagai pengimbang kepada persaingan kuasa-kuasa besar di Asia Tenggara (Berita Harian, 5 November 1970).

Berlandaskan kepada empat faktor di atas, jelaslah bahawa Beijinglah yang perlu memainkan peranan yang penting di PBB dan menjadi penjamin ke arah merealisasikan konsep pengecualian Asia Tenggara. Tun Razak menyatakan Malaysia akan mengundi China mengikut pendirian Malaysia terhadap kemasukan China sebagai anggota PBB. Pada tahun 1971, Malaysia di antara 76 buah negara telah mengundi usul Albania iaitu untuk memulihkan hak China di PBB. Selepas usul Albania dijalankan keputusannya 76 undi menyokong, 35 menentang dan 17 berkecuali (Berita Harian, 5 November 1970). Wakil tetap Malaysia ke PBB, Encik Zakaria Ali menyatakan Malaysia hanya mengiktiraf satu China sahaja dan hanya ada satu kerusi sahaja bagi China di PBB setelah usul dijalankan (Berita Harian, 5 November 1970).

Hubungan diplomatik di antara Malaysia-China merupakan kejayaan terbesar yang dicapai oleh Tun Razak di dalam usahanya untuk mewujudkan konsep pengecualian Asia Tenggara dan membina sistem keselamatan serta pertahanan yang kukuh di rantau ini. Hubungan diplomatik ini secara tidak langsung telah mendorong China mengiktiraf konsep yang disarankan oleh Malaysia dan menjamin rantau Asia Tenggara selamat dari ancaman kuasa-kuasa besar dunia yang lain.

Hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara serantau di Asia Tenggara merupakan salah satu prinsip penting yang didokong oleh Tun Razak dalam usaha beliau merealisasikan dasar luar Malaysia. Tun Razak menyedari tanpa hubungan serantau di antara Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara, kedaulatan Malaysia sebagai sebuah negara yang baru merdeka tidak mungkin dapat dipertahankan. Dalam suasana negara-negara Asia Tenggara berkonflik sesama sendiri dan menghadapi ancaman kuasa-kuasa luar amat membimbangkan pemimpin-pemimpin negara ini. Seiringan dengan itu, Tun Razak mula menyusun dan merangka dasar luar Malaysia yang lebih pragmatik dan dapat membina hubungan Malaysia dengan negara-negara serantau.

Tun Razak cuba merealisasikan empat faktor penting di dalam usahanya mencari kestabilan rantau Asia Tenggara. Konsep neutralisasi, tanpa pihak, integriti dan regionalism adalah prinsip-prinsip yang didokong oleh Malaysia di dalam mengukuhkan hubungan serantau. Dasar berkecuali menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersifat tanpa pihak pada mana-mana kuasa dunia dan cuba menjalinkan hubungan diplomatik dengan seberapa banyak negara di serata dunia. Konsep neutralisasi pula mencerminkan pendirian Malaysia yang membawa idea pengecualian Asia

Tenggara supaya dapat mewujudkan satu rantau yang aman, bebas dan berkecuali iaitu ZOPFAN.

Pendirian integriti menjelaskan Malaysia menghormati wilayah-wilayah negara sahabat dan tidak akan menceroboh sempadan atau negara jiran. Manakala konsep regionalisme membawa konsep Malaysia sebagai sebuah negara yang mengutamakan kerjasama serantau antara negara-negara di Asia Tenggara. Rancangan-rancangan di atas telah disusun oleh Tun Razak dalam usaha beliau mewujudkan satu prinsip dasar luar yang lebih neutral menjadikan beliau sebagai salah seorang pemimpin negara yang dihormati di kalangan pemimpin negara-negara ASEAN.

# Bab 4

# MALAYSIA DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

Hubungan antarabangsa adalah satu konsep yang penting bagi setiap negara di dunia ini untuk merealisasikan dasar luarnya. Setiap negara perlu menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain kerana setiap negara perlu ada 'kawan' untuk menjalin hubungan sama ada dari aspek politik, ekonomi mahupun sosial. Matlamat sesebuah negara adalah berbeza dari segi fahaman politik, sistem ekonomi dan sempadan politiknya. Justeru itu negara-negara yang enggan menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara lain akan ketinggalan ataupun dipencilkan (isolation) dari pelbagai aspek kehidupan di dunia.

Malaysia sebagai salah sebuah negara yang sedang membangun pada tahun-tahun 1970-an menjadikan prinsip hubungan antarabangsa sebagai satu alat untuk membina hubungan politik di peringkat antarabangsa dengan negara-negara luar. Menurut Trevor Taylor (1978 : 1), hubungan antarabangsa adalah satu disiplin yang cuba menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal-hal politik yang tidak dibatasi oleh sempadan-sempadan di antara sebuah negara dengan negara lain. Pada masa ini, prinsip hubungan antarabangsa adalah berkaitan dengan hubungan antara kerajaan dan wakil-wakil rasmi sesebuah negara. Manakala Forest L. Grieves (1980 : 27), mendefinisikan hubungan antarabangsa adalah satu bidang pengkajian yang berlandaskan kepada dua tanggapan iaitu negara-negara (nation state) adalah merupakan satu unit politik yang asas di dunia pada hari ini dan terdapatnya perhubungan di antara unit-unit ini untuk membentuk asas kepada perhubungan antarabangsa (Forest L. Grieves 1980 : 27).

Pertubuhan-pertubuhan antarabangsa terdiri dari negara-negara yang bergabung secara sukarela ataupun mempunyai matlamat tertentu. Peranan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa ini sangat penting di peringkat antarabangsa dan memperjuangkan sesuatu permasalahan sama ada di peringkat politik, ekonomi mahupun sosial. Di antara pertubuhan-pertubuhan dunia yang banyak memainkan peranan seperti Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Minyak (OPEC), Komuniti Ekonomi Eropah (EEC), Majlis Bijih Timah Antarabangsa (ITC) , Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT), Tabung Wang Antarabangsa (IMF), Majlis Ekonomi dan Sosial Bangsa-Bangsa Bersatu (ECOSOC), Bank Pembangunan Asia (ADB), Pertubuhan Pembangunan Perusahaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO), Bank Antarabangsa Untuk Pembinaan Semula dan Pembangunan (IBRD) (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1972 : 93).

Pada hari ini, konsep hubungan antarabangsa semakin bertambah luas dan kompleks. Selain daripada menyentuh soal-soal politik dan keselamatan, terdapat juga dimensi-dimensi baru yang merangkumi persoalan dunia antarabangsa seperti masalah dadah, alam sekitar, penggantungan ekonomi, perlindungan perdagangan, pelarian, hak asasi manusia dan beban hutang antarabangsa (Abdullah Ahmad Badawi 1991 : 9). Pemimpin-pemimpin Malaysia mula menerima realiti bahawa konsep politik antarabangsa yang berciri saling bergantungan di antara satu dengan lain adalah penting. Malaysia perlu berkawan dengan seberapa banyak negara-negara dunia lain tanpa mengira sistem politik serta ideologi negara tersebut. Tun Razak memegang satu prinsip dalam melaksanakan hubungan antarabangsa Malaysia iaitu negara ini harus berkawan dengan mana-mana negara lain dengan syarat negara tersebut tidak mencampuri urusan politik dalaman Malaysia.

Malaysia telah memainkan peranan yang aktif dalam hal ehwal antarabangsa. Kehadiran perwakilan-perwakilan Malaysia dalam sesuatu persidangan dan pertubuhan dapat dirasakan kepentingannya oleh setiap negara di dunia. Malaysia bukan sahaja berperanan sebagai anggota dalam pertubuhan tetapi juga sebagai pemerhati, pengendali yang penting dalam beberapa persidangan antarabangsa misalnya di dalam Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Di antara tahun 1970 hingga 1976, Tun Razak telah banyak melibatkan Malaysia di dalam politik antarabangsa dan mencapai kejayaan di peringkat serantau. Tun Razak disifatkan sebagai salah seorang pemimpin negara yang aktif di dalam pertubuhan antarabangsa. Semasa Tun Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri di bawah kabinet Tunku Abdul Rahman, beliau telah terlibat secara langsung dalam politik antarabangsa. Tugas yang diberikan kepada Tun Razak walaupun sebagai wakil Tunku Abdul Rahman ke persidangan-persidangan antarabangsa, beliau telah banyak mempelajari selok belok politik antarabangsa dan

mencari sahabat di kalangan pemimpin-pemimpin dunia.

Tun Razak semasa pemerintahannya dari tahun 1970 hingga tahun 1976 beliau telah banyak membangkitkan isu-isu penting yang harus dibincangkan dalam persidangan-persidangan antarabangsa yang dianjurkan sama ada di Malaysia mahupun di peringkat luar negara. Beliau peka terhadap isu-isu antarebangsa seperti dasar Aparteid, masalah Palestine, masalah ASEAN, penglibatan Malaysia dalam PBB, hubungan Malaysia dengan negara-negara komunis dan sebagainya.

## MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA AFRIKA SELATAN

Hubungan Malaysia dan Afrika tidaklah begitu meluas dari segi menjalinkan hubungan diplomatik di peringkat antarabangsa. Sungguhpun begitu Malaysia adalah salah sebuah negara yang telah banyak memainkan peranannya dalam memperjuangkan hal ehwal kemanusiaan yang berlaku di Afrika dan salah satu isu yang dikecam oleh Malaysia adalah isu Aparteid di Afrika Selatan. Malaysia merupakan salah sebuah negara dunia ketiga yang lantang bersuara menentang perlaksanaan dasar Aparteid di Afrika Selatan (Mahadi Shuid 1988 : 42-45). Salah sebuah pertubuhan dunia yang disertai oleh Malaysia untuk menyuarakan penentangan ini adalah melalui Pertubuhan Negara-Negara Komanwel (Peta 3 : hal 96).

Regim Pretoria melaksanakan dasar Aparteid secara kejam dan tidak berperikemanusiaan terhadap penduduk kulit hitam di Afrika Selatan. Regim ini telah mengenakan pelbagai tekanan politik, ekonomi mahupun sosial terhadap penduduk peribumi dan penduduk kulit berwarna di negara tersebut. Malaysia sebagai salah sebuah negara anggota Komanwel telah mendesak kerajaan Afrika Selatan supaya mengurangkan kekejaman yang tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh regim kulit putih terhadap rakyat Afrika (Mahadi Shuid 1988 : 42-45).

Aparteid adalah satu konsep yang direka oleh orang-orang Afrika pada awal tahun 1940-an untuk menyatakan dominasi orang-orang kulit putih yang tidak dapat mereka elakkan di wilayah-wilayah selatan Afrika yang mana sempadan utaranya dibatasi oleh Sungai Cunene dan bersempadan dengan selatan Zambezi (George W. Shepherd 1977 : 3). Doktrin Aparteid ini muncul semasa kempen pilihanraya di Afrika pada tahun 1948 menerusi D.F. Malan, Pengerusi Parti Pembangkang Nasionalis yang mentakrifkan 'Aparteid' adalah satu polisi yang bertujuan untuk memastikan keselamatan kaum kulit putih akan terjamin (George W. Shepherd 1977 : 3).

# Afrika




*Peta 3:* *Afrika Selatan dan Negara-negara Jiran.*

Beliau juga berpendapat hanya dengan mengasingkan masyarakat kulit putih dan kulit hitam sahaja mereka akan dapat menjamin 'tamadun putih' (white civillization) di Afrika Selatan (George W. Shepherd 1977 : 3). Pengertian 'Aparteid' yang lebih terperinci dalam bahasa Afrika bermaksud 'pemisah'. Pada hari ini istilah Aparteid digunakan sebagai pembangunan yang terpisah (Racism And Aparteid In Southern Africa, South Africa And Nambia 1974 : 3). Terdapat beberapa polisi yang dilaksanakan melalui dasar Aparteid iaitu:

i. Penguatkuasaan dan peningkatan pembentukan undang-undang yang berkaitan dengan pemisahan (pengasingan) dikalangan orang-orang kulit putih, hitam dan berwarna.

ii. Mengadakan peraturan-peraturan secara tidak langsung menerusi ketua-ketua dan badan tradisional yang bertujuan untuk menyekat kelahiran nasionalisme Afrika.

iii. Mengenakan penekanan terhadap ekonomi dan pengawalan dalam soal-soal sosial orang-orang Afrika.

iv. Pemisahan kaum menerusi insitusi-institusi sosial yang berasingan (dari segi bahasa, kebudayaan dan pendidikan) dikawal secara langsung oleh kerajaan ataupun menerusi penekanan dari pembendaharaan negara (Racism And Aparteid In Southern Africa, South Africa And Nambia 1974 : 3).

Dasar Aparteid ini mengandungi beberapa matlamat yang penting bagi orang kulit putih di Afrika iaitu:

i. Untuk memastikan penerusan penguasaan orang kulit putih, pada masa yang sama mereka mengawal pembentukan nasionalisme Afrika.

ii. Untuk menjamin pengembangan dan persaingan di dalam urusan perniagaan orang-orang Afrika Selatan (khasnya orang-orang Afrika) dengan cara pembayaran gaji yang rendah, kepatuhan dan kadar mobiliti simpanan buruh-buruh Afrika yang tinggi (Racism And Aparteid In Southern Africa, South Africa And Nambia 1974 : 3).

Sejarah dasar Aparteid dilaksanakan oleh kuasa-kuasa penjajah yang degil dan dan bertapak kuat di Afrika Selatan. Kuasa-kuasa penjajah ini mengamalkan dasar perkauman dan penindasan yang begitu fanatik di negara-negara Afrika Selatan seperti di Nambia, Rhodesi, Angola Selatan dan Mozambique (Berita Harian, 17 Oktober 1970).

Malaysia telah bertindak merayu kepada negara-negara dunia supaya membawa perubahan di Afrika Selatan dan menyemak semula perlaksanaan dasar ini. Tun Razak telah menegaskan Malaysia menyokong penuh kepada rakyat kulit hitam di Afrika Selatan dalam perjuangan mereka menentang penjajahan dan penindasan di antara kaum kulit putih ke atas kaum kulit hitam (Berita Harian, 17 Oktober 1970). Tun Razak juga menyatakan Malaysia bersedia untuk memberi sumbangan dalam apa cara sekali pun sama ada kewangan ataupun material kepada penduduk kulit hitam Afrika. Selain itu, Malaysia menyokong penuh utusan Duta Gunar Jarring iaitu wakil PBB ke Afrika Selatan untuk menjalankan rundingan damai yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan PBB (Berita Harian, 17 Oktober 1970).

Malaysia sentiasa mengutuk dasar Aparteid yang diamalkan oleh pemerintahan Pretoria dan melahirkan rasa bimbang terhadap keadaan yang bergolak di Afrika akan menggalakkan penglibatan secara langsung dan tidak langsung kuasa-kuasa besar dalam hal ehwal politik negara tersebut (Berita Harian, 15 Januari 1972). Dalam Persidangan Ketiga Negara-Negara Tanpa Pihak di Lusaka, Zambia pada 8 hingga 10hb. September 1970, Tun Razak telah menyatakan pendirian Malaysia tetap mengutuk dasar Aparteid yang dijalankan oleh regim Pretoria di Afrika Selatan (Berita Harian, 12 September 1970). Tun Razak menjelaskan masa depan negara Afrika adalah hak rakyat Afrika dan sesiapa pun tidak boleh menafikan hak mereka. Lebih-lebih lagi Tun Razak telah melahirkan rasa kesalnya di dalam persidangan tersebut terhadap dasar regim Pretoria yang tidak berperikemanusiaan serta zalim (Berita Harian, 12 September 1970).

Malaysia juga mengecam dan menentang segala usaha yang cuba dilakukan oleh kuasa-kuasa luar untuk melemahkan perjuangan orang-orang kulit hitam. Misalnya salah satu isu yang dikecam hebat oleh Tun Razak ialah isu penjualan senjata Britain kepada regim Pretoria (Berita Harian, 22 Januari 1971). Rancangan Britain untuk menjual senjata kepada regim Pretoria akan mendatangkan kesan yang negatif iaitu akan melibatkan campurtangan kuasa-kuasa besar dalam hal ehwal politik negara itu dan akan melemahkan perjuangan orang-orang kulit hitam

menentang dasar Aparteid sebaliknya akan menggalakkan pemimpin-pemimpin Afrika yang bersikap melampau. Tun Razak membidas tindakan Britain sekiranya sebarang bentuk bantuan diberikan kepada regim Pretoria di Afrika Selatan akan membawa kepentingan pengaruh Barat dalam negara tersebut (Berita Harian, 22 Januari 1971).

Tun Razak juga telah menegur para pemimpin Komanwel supaya menentang dasar Aparteid dan menganggap dasar tersebut adalah satu dasar yang sangat zalim dan kejam dilaksanakan semata-mata untuk memelihara kepentingan golongan minoriti kulit putih. Malaysia juga kesal dengan hasrat Britain untuk meneruskan penjualan senjata kepada regim Afrika Selatan. Menurut laporan Kementerian Luar Negeri Malaysia, tindakan Britain ingin menjual senjata kepada kerajaan Afrika Selatan telah mencemarkan usaha-usaha rundingan damai Duta Gunnar Jarring, iaitu sebanyak lapan negara yang ditubuhkan dalam persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel di Singapura (Ingram 1977 : 6).

Tun Razak menyifatkan tugas Jawatankuasa Lapan Negara yang dibentuk itu tidak bermakna sekiranya Britain meneruskan juga rancangan mereka untuk menjual senjata kepada Afrika Selatan. Tentangan juga wujud dari Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang telah menyarankan supaya Malaysia mengambil tindakan menarik diri keluar dari keahlian Jawatankuasa Lapan Negara Komanwel sekiranya Britain masih berdegil (Berita Harian, 24 Febuari 1971).

Pada 6hb. Mac 1971, Malaysia telah mengambil keputusan menarik diri dari Badan Pengkaji lapan Negara Komanwel mengenai isu penjualan senjata Britain kepada Afrika. Tun Razak berpendapat tiada gunanya badan tersebut meneruskan usaha mereka sekiranya Britain masih berdegil tidak mahu bertolak ansur (Berita Harian, 15 Januari 1972). Tun Razak telah merayu sekali lagi agar kuasa-kuasa besar berusaha menamatkan dasar Aparteid yang dianggap sebagai sistem perhambaan manusia sesama manusia. Tun Razak telah memberi amaran sekali lagi kepada Britain bahawa kedudukan Komanwel akan terancam sekiranya Britain meneruskan rancangannya (Berita Harian, 28 Oktober 1970). Sebagai salah seorang pemimpin dalam Pertubuhan Komanwel, Tun Razak telah menasihatkan kerajaan konsevertif Britain supaya membatalkan sahaja rancangan mereka demi menjamin kedaulatan dan perpaduan Komanwel (Berita Harian, 28 Oktober 1970).

Salah satu kesan buruk yang akan dihadapi oleh Pertubuhan Komanwel sekiranya Britain meneruskan rancangan beberapa buah negara

Afrika dan negara-negara anggota yang menjadi anggota rasmi Komanwel yang anti-Aparteid akan bertindak keluar daripada pertubuhan tersebut. Misalnya negara-negara Afrika seperti Tanzania, Nigeria, Uganda serta negara-negara Asia seperti India dan Sri Lanka (Groom, A.J.R. & Paul Taylor 1984 : 190). Tun Razak telah menyatakan pendapatnya isu penjualan senjata Britain kepada Afrika Selatan perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum Persidangan Ketua-Ketua Komanwel dijalankan di Singapura. Bagi Tun Razak sekiranya masalah tersebut tidak diselesaikan isu penjualan senjata ini akan mengeruhkan lagi suasana persidangan. Sebulan selepas Persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel berlangsung Britain telah menarik balik keputusan menjual senjata kepada Afrika Selatan.

## MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ISLAM

Hubungan politik antarabangsa antara Malaysia dan negara-negara Islam boleh dikatakan baik. Malaysia telah menjalinkan hubungan tersebut sejak dari zaman Tunku Abdul Rahman sehinggalah Tun Abdul Razak menggantikan Tunku. Tun Razak telah meneruskan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara Islam semasa Tunku Abdul Rahman. Bahkan setelah Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri Pertama, beliau masih lagi memainkan peranan di dalam hal-hal diplomatik Malaysia dengan negara-negara Islam terutamanya dalam Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC). Malaysia yang dibentuk sebagai sebuah negara Islam dan Islam adalah agama rasmi negara ini tidak menghadapi masalah besar untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum. Sebagai sebuah negara Islam di rantau Asia Tenggara, Malaysia berusaha menjalinkan hubungan diplomatik dengan seluruh negara-negara Islam di rantau Asia Tenggara mahupun di peringkat antarabangsa.

Peranan agama Islam begitu penting di dalam mendominasikan sebahagian besar serta perumusan dasar luar Malaysia dengan negara-negara Islam. Ini adalah kerana agama Islam merupakan simbol kekuatan yang membentuk politik dan memupuk semangat 'ukuwah Islamiah' antara Malaysia dengan negara Islam yang lain sama ada menyentuh hal-hal politik dalam negara ataupun politik luar negara (Kalim Siddiqui 1982 : 52-54). Hubungan Malaysia dari segi sejarah dan kebudayaan dengan

negara-negara Islam adalah berlandaskan kepada faktor persamaan agama. Dalam tahun-tahun selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 hingga tahun 1962, hubungan politik negara ini dengan negara-negara Arab tidaklah begitu meluas (Abdullah Ahmad 1987 : 133). Malaysia pada ketika itu hanya menjalinkan hubungan dengan Arab Saudi, itupun berdasarkan keperluan untuk menubuhkan sebuah pejabat konsul di Jeddah sebagai pusat untuk menguruskan kemudahan jemaah-jemaah haji Malaysia di sana. Dasar luar kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan dunia Arab dianggap tidak begitu penting dari segi hubungan antarabangsa pada ketika itu kerana Tanah Melayu masih terikat dengan pentadbiran kerajaan Britain (Abdullah Ahmad 1987 : 133).

Sehinggalah tercetusnya peristiwa Konfrantasi Malaysia-Indonesia, pemimpin-pemimpin negara ini sedar terdapat di kalangan negara-negara Arab telah menyokong Indonesia berbanding dengan Malaysia. Tun Razak sedar bahawa Malaysia perlu mencari ramai sahabat terutamanya di kalangan negara-negara Arab dan memulihkan tanggapan yang negatif negara-negara tersebut terhadap Malaysia. Tun Razak juga mendapati Malaysia menghadapi masalah dari segi kewangan dan pegawai-pegawai terlatih untuk menyelenggarakan konsulnya di luar negara. Semasa Tun Razak menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri, beliau telah berusaha gigih melawat dan menjalinkan hubungan diplomatik Malaysia dengan



***Gambar 23:*** *Lawatan Tun Abdul Razak ke negara-negara Islam dan Afrika.*

negara-negara Arab di rantau Mediterranean seperti Algeria, Maghribi dan Tunisia pada tahun 1964 (Abdullah Ahmad 1987 : 136). Tun Razak dan rombongan Malaysia telah mengadakan beberapa siri lawatan ke negara-negara Arab untuk memulihkan kembali nama baik Malaysia dan mematahkan kempen propaganda yang dijalankan oleh Indonesia terhadap Malaysia. Kempen diplomatik Malaysia ke negara-negara Arab telah mencapai kejayaan yang besar. Malaysia telah membuka perwakilan diplomatiknya di Maghribi pada tahun 1965 dan Nigeria pada tahun 1966 (Abdullah Ahmad 1987 : 136).

Semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara Islam telah terjalin. Walaupun ada pendapat mengatakan pentadbiran dasar luar Tunku Abdul Rahman adalah kurang mencapai kejayaan diperingkat antarabangsa. Namun Tunku Abdul Rahman dianggap sebagai pelopor dan pemimpin dunia Islam yang giat menjalinkan hubungan dengan negara-negara Islam dan memainkan peranan yang penting walaupun telah bersara pada September 1970 (William Shaw 1977 : 30). Setelah Tun Razak dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Kedua, Malaysia telah banyak menyertai beberapa persidangan negara-negara Islam sama ada dalam negara mahupun antarabangsa. Malaysia telah menyertai



***Gambar 24:*** *Lawatan Al-Malik Faisal, Raja Arab Saudi ke Malaysia pada Jun 1970.*

Persidangan Kedua Menteri-Menteri Islam pada bulan Disember 1970 di Karachi, Pakistan yang diwakili oleh Tunku Abdul Rahman (Foreign Affairs Malaysia 1970 : 89-92).

Delegasi-delegasi persidangan telah membahaskan beberapa isu penting antaranya mencadangkan penubuhan sebuah Sekretariat Tetap Negara-Negara Islam, membincangkan masalah Palestine, perkembangan dakwah Islamiyah dan menubuhkan sebuah Agensi Berita Islam (Kamlin, M. 1975 : 57-60). Dalam persidangan tersebut Tunku Abdul Rahman telah mengusulkan supaya sebuah Sekretariat Tetap Negara-Negara Islam ditubuhkan dan berpejabat sama ada di Afrika, Timur Tengah, Asia Tenggara ataupun Asia Barat. Perkara ini diperjelaskan oleh Tunku Abdul Rahman:

> " .....*it was Pakistan, with Malaysia that sponsored the proposal for the establishment of Permanent Islamic Secretariat in Mecca*" (Kamlin, M. 1975 : 57-60).

Pada bulan Disember 1970 sebuah Sekretariat Tetap Negara-Negara Islam telah dibentuk di Jeddah dan Tunku Abdul Rahman telah dilantik sebagai Setiausaha Agung Sekretariat Negara-Negara Islam yang pertama mewakili Malaysia (Berita Harian, 30 Oktober 1970). Sebuah Bank Antarabangsa Islam telah ditubuhkan untuk aktiviti perdagangan dan pembangunan negara-negara Islam. Ini merupakan projek pertama yang dijalankan oleh Sekretariat Tetap Negara-Negara Islam (Foreign Affairs Malaysia 1972 : 26-27). Selepas itu Malaysia giat menyertai beberapa siri lagi persidangan dan mesyuarat negara-negara Islam misalnya Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam Ketiga pada bulan Mac 1972 di Jeddah (Foreign Affairs Malaysia 1972 : 26-27) dan Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam Keempat pada Mac 1973 di Benghazi, Libya (Foreign Affairs Malaysia 1973 : 59).

Persidangan Kedua Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam di Karachi turut membincangkan beberapa isu penting. Di antara isu-isu penting yang mendapat perhatian perwakilan dalam persidangan tersebut adalah isu Palestine. Kebanyakan menteri bagi 33 buah negara Islam telah mencapai persetujuan untuk mengadakan satu rundingan damai bagi Timur Tengah. Mereka telah menuntut Israel supaya berundur dari semua wilayah Arab yang didudukinya (Foreign Affairs Malaysia 1970 : 89-90). Dalam Persidangan Ketiga Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam di Jeddah

pada 23 hingga 25hb. Mac 1972 Tun Razak sendiri telah bertindak sebagai ketua perwakilan Malaysia dalam persidangan tersebut. Tun Razak mengaitkan beberapa isu yang telah dibahaskan dalam agenda Persidangan yang diadakan di Rabat berkenaan dengan pencerobohan Masjid Al Aqsa, kedudukan Jerusalem dan undang-undang tanah jajahan Israel (Foreign Affairs Malaysia 1972 : 25).

Malaysia telah menyeru kepada semua umat Islam sedunia supaya menyelesaikan masalah isu Palestine dan mengutuk pencerobohan Israel. Di samping itu Malaysia juga telah menghantar beberapa perwakilan ke Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Kamlin, M. 1975 : 57-60). Perwakilan Malaysia menyeru pertubuhan dunia itu supaya berusaha bersungguh-sungguh mengundurkan tentera Israel dari wilayah Arab yang diduduki mengikut ketetapan yang telah dibuat oleh Majlis Keselamatan PBB sejak tarikh 22hb November 1967 (Kamlin, M. 1975 : 57-60). Malaysia menganggap pendudukan terus menerus pihak Israel ke atas bumi Arab bukan sahaja melanggar prinsip-prinsip PBB malah telah menimbulkan satu ancaman kepada perdamaian dan keselamatan antarabangsa. Malaysia juga telah mengecam PBB yang tidak memperlihatkan kesungguhan yang tegas di dalam menjalankan ketetapan yang telah dipersetujui bersama sebelumnya. Ucapan yang dibuat oleh perwakilan Malaysia jelas memperlihatkan:

> *"Unless the United Nations takes firm action to enforce its decisions, the pressure of public opinion in the Muslim World will certainly explode and force Muslim leaders to take some drastic action which would have very serious consequences on world peace. Israel would then have to reckon not only with the Arab people but with all Muslims"* (Widdowson, H.J. 1976 : 146).

Dalam Persidangan Keempat Menteri-Menteri Luar Negara-Negara Islam di Benghazi Libya pada 24 hingga 26hb. Mac 1973, Malaysia telah diwakili oleh Encik Abdul Ghaffar Bin Baba iaitu Menteri Pembangunan Dan Luar Bandar selaku ketua delegasi. Encik Abdul Ghaffar telah menyatakan rasa bimbang Malaysia terhadap tragedi yang berlaku ke atas kapal terbang Libya yang telah diserang oleh tentera udara Israel (Foreign Affairs Malaysia 1973 : 59). Malaysia telah menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga yang terlibat dan mengutuk perbuatan Israel adalah satu tindakan jenayah. Perwakilan Malaysia juga telah membangkitkan isu

Palestine yang masih belum mencapai penyelesaian (Foreign Affairs Malaysia 1973 : 59).

Selain daripada memberikan sokongan moral dan menganjurkan beberapa persidangan serta forum politik. Malaysia turut memberikan bantuan dari segi kewangan dan material kepada Pertubuhan Pembebasan Rakyat Palestine (Palestine Liberation Organization-PLO) (Foreign Affairs Malaysia 1972 : 27). Malaysia merupakan negara pertama di kalangan negara-negara ASEAN yang membenarkan PLO dan mengiktiraf Pergerakan Al-Fatah di Kuala Lumpur pada bulan Jun 1969 (semasa zaman Tunku Abdul Rahman). Kemudian wakil PLO ini telah ditingkatkan tarafnya menjadi pejabat PLO pada bulan April 1974 (Foreign Affairs Malaysia 1972 : 25). Malaysia juga telah membentuk sebuah Jawatankuasa Bantuan Palestine dan menubuhkan tabung kewangan untuk menyokong perjuangan rakyat Palestine. Malaysia telah menghulurkan bantuan sebanyak $ 75,000 kepada rakyat Palestine pada tahun 1972 (Foreign Affairs Malaysia 1975 : 6).

Tun Abdul Razak telah berusaha dengan melakukan beberapa siri lawatan secara rasmi ke negara-negara Islam di Asia Barat. Pada 19 hingga 22hb Januari 1975 Tun Razak telah melakukan lawatan rasmi selama empat hari ke Kuwait. Tun Razak telah disambut oleh Sheikh Jabar Al-Ahmad Al Sabah iaitu putera raja yang merangkap Perdana Menteri Kuwait. Wakil rombongan Malaysia iaitu Datuk Abdul Rahman Yaakob, Ketua Menteri Sarawak telah mengadakan perbincangan dengan Abdul Rahman Salim Al-Ateegy iaitu Menteri Kewangan dan Minyak Kuwait dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi dan minyak (Foreign Affairs Malaysia 1975 : 7-8). Hasil dari perbincangan tersebut 'Kuwait Fund for Arab Economic Development' (KFAED) bersetuju menyertai pelaburan di dalam projek Rancangan Malaysia Kelima di Malaysia (Foreign Affairs Malaysia 1975 : 7). Malaysia dan Kuwait juga telah menandatangani perjanjian kerjasama perusahaan minyak antara 'Malaysia National Petroleum Corporation' (PETRONAS) dengan 'Kuwait National Petroleum Corporation' (KNPC). Di samping itu, Malaysia turut menandatangani perjanjian kerjasama dalam bidang kebudayaan, ekonomi dan saintifik (Foreign Affairs Malaysia 1975 : 8).

Selepas itu Tun Razak telah melawat Oman pada 22-23hb. Januari 1975 dan disambut oleh Syed Faher Taimur, Perdana Menteri Oman (Foreign Affairs Malaysia Vol. VII 1975 : 11). Kemudian Tun Razak telah meneruskan lawatan rasminya ke Qatar pada 23-25hb. Januari 1975 setelah

dijemput oleh Sheikh Khalifa Hamad Al Thani, Perdana Menteri Qatar (Foreign Affairs Malaysia Vol. VIII 1975 : 14). Tun Razak juga singgah ke Emeriyah Arab Bersatu pada 26hb. Januari 1975 yang disambut oleh Sheikh Khalifah Zaid Al Nayan, Timbalan Perdana Menteri Emeriyah Arab Bersatu (Foreign Affairs Malaysia Vol. III 1975 : 17-18). Akhir sekali Tun Razak telah melawat Baharin pada 26-27hb. Januari 1975 setelah dijemput oleh Sheikh Khalifa Salman (Foreign Affairs Malaysia Vol. III 1975 : 20-23). Lawatan Tun Abdul Razak ke negara-negara Islam tersebut telah banyak mencapai kejayaan terutamanya dalam menandatangani beberapa siri perjanjian kerjasama antara kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang seperti kebudayaan, ekonomi, pendidikan, dan saintifik.

Tun Abdul Razak juga telah membangkitkan hal-hal yang berkaitan dengan isu Palestine, isu Lautan India, isu Pengecualian Asia Tenggara dan beberapa isu berbangkit kepada pemimpin-pemimpin negara-negara Islam tersebut. Boleh dikatakan setiap lawatan rasmi yang dilakukan oleh Tun Abdul Razak ke negara-negara Islam telah banyak mencapai kejayaan dan memberi keuntungan kepada Malaysia. Hubungan Malaysia dengan negara-negara Islam dari segi ekonomi banyak ditumpukan dengan Arab Saudi berbanding dengan negara-negara Islam yang lain. Nilai import Malaysia dari Arab Saudi telah bertambah daripada $ 50.09 juta pada tahun 1965 kepada $ 72.37 juta pada tahun 1970 (Berita Harian, 5 Febuari 1972). Nilai eksport Malaysia juga bertambah daripada $ 1.37 juta pada tahun 1965 kepada $ 2.97 juta pada tahun 1970 (Berita Harian, 5 Febuari 1972).

Hubungan Malaysia dengan negara-negara Arab bukan sahaja berteraskan persamaan agama yang dianuti tetapi hubungan ini diperkukuhkan lagi menerusi bidang pelajaran, kebudayaan dan bantuan teknikal (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1972 : 100). Bilangan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Asia Barat bertambah dari semasa ke semasa misalnya di Mesir dan Iraq. Penuntut-penuntut Malaysia telah diberi tempat untuk belajar di fakulti-fakulti perubatan dan ditawarkan hadiah biasiswa di pusat-pusat pengajian tinggi di Arab Saudi. Iraq pula telah menawarkan bantuan kepada pelajar-pelajar Malaysia terutama di dalam kajian terhadap sumber minyak (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1972 : 100). Malaysia juga telah menerima bantuan kerjasama teknikal dari Mesir dari segi perkhidmatan kontrak doktor-doktor pakar untuk menampung keperluan dari segi perkhidmatan kesihatan dan perubatan (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1972 : 100).

Malaysia turut menerima perkhidmatan ramai guru dan pensyarah dari Mesir untuk berkhidmat di Malaysia. Kerjasama yang meluas di kalangan negara-negara Arab dengan Malaysia sama ada dari segi ekonomi, pertukaran pakar-pakar dan tenaga pengajar telah banyak membantu Malaysia di dalam pembangunan negara ini (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1972 : 100). Malaysia telah menghulurkan bantuan sebanyak $ 500,000 kepada Bangladesh untuk pemulihan semula negara tersebut akibat daripada bencana alam yang berlaku. Begitu juga semasa Malaysia mengalami bencana alam iaitu banjir pada tahun 1971 kerajaan Arab Saudi telah menghulurkan bantuan sebanyak $ 300,000 kepada negara ini (Berita Harian, 6 Febuari 1971). Hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara Islam sedunia adalah begitu penting, hal ini diakui oleh Tun Razak sendiri:

> *"........Religious life should be linked with actual life in solving the existing problems of the Moslem World especially. .....the improvement of Moslem countries in social, economic and cultural fields and projection of the Islamic elements"* (Foreign Affairs Malaysia 1975 : 30).

## MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ASIA TIMUR

Malaysia telah mula menjalinkan hubungan persahabatan dengan negara-negara Asia Timur sejak tahun 1972 lagi melibatkan hubungan dengan negara China, Jepun, Hong Kong, Taiwan, Korea dan Mongolia. Sebagaimana yang diketahui semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman hubungan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Republik Rakyat China tidak terjalin. Tunku Abdul Rahman sendiri adalah seorang yang anti-komunis. Oleh itu boleh dikatakan hubungan diplomatik di antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Republik Rakyat China tidak wujud sama sekali. Bahkan Tunku Abdul Rahman telah menyokong penolakan Republik Rakyat China dari menyertai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Walau bagaimanapun dasar politik ini berubah apabila Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan dan digantikan oleh Tun Abdul Razak. Pada 26hb. Julai 1971, Tun Razak telah mengumumkan di dalam persidangan Dewan Rakyat bahawa Malaysia ingin menjalinkan hubungan diplomatik



**Gambar 25:** *Lawatan rasmi Tun Abdul Razak ke Republik Rakyat China di Shanghai.*



**Gambar 26:** *Pertemuan antara Tun Abdul Razak dengan Mao Tse-tung semasa melawat Negeri China pada Tahun 1974.*

dengan Republik Rakyat China (Ucapan-Ucapan Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein 1971 : 308-310). Pada bulan September Tun Razak telah mengisytiharkan dasar luar Malaysia terhadap China iaitu:

> *" I should like to explain clearly here our China policy. It is not a two-China policy or a one-China, one-Taiwan policy. It is in fact a one-China policy, on the understanding that the right people of the people of Taiwan to decide their own future for themselves should not be denied to them"* (Ucapan-Ucapan Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein 1971 : 308-310).

Tun Razak berminat untuk menjalinkan hubungan diplomatik Malaysia dengan Republik Rakyat China apabila republik tersebut bersetuju menyokong idea pengecualian rantau Asia Tenggara yang mahu mewujudkan konsep ZOPFAN (Ghazali Shafie 1971 : 110-118). Tun Razak telah menjelaskan dasar baru Malaysia terhadap Republik Rakyat China adalah satu dasar yang sangat diperlukan. Kepentingan mempunyai hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China tidak dapat dinafikan dari segi ekonomi, politik mahupun sosial. Perkara ini telah ditegaskan oleh Tun Dr. Ismail bahawa Malaysia akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China sekiranya China menjamin dasar pengecualian yang dianjurkan oleh Malaysia (Berita Harian, 5 Oktober 1970). Sebaliknya Malaysia tidak boleh meminta Republik Rakyat China untuk menjamin dasar di atas sedangkan Malaysia tidak mengiktiraf republik tersebut. Malaysia juga telah meminta jasa baik Kanada untuk menerangkan prinsip yang didokong oleh Malaysia terhadap pengecualian Asia Tenggara (Berita Harian, 4 November 1970).

Tun Dr. Ismail telah meminta pertolongan daripada rakan sejawatnya iaitu Michaell Sharpe, Menteri Luar Kanada kerana Kanda telah mempunyai hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China (Berita Harian, 4 November 1970). Malaysia berharap agar Kanada dapat menggunakan hubungan baiknya dengan China untuk membantu Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan China (Berita Harian, 4 November 1970). Pada peringkat awal usaha Malaysia untuk mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China telah dilakukan menerusi hubungan perdagangan. Pada awal bulan Mei 1971, sekumpulan sembilan belas ahli rombongan perdagangan Malaysia telah melawat Republik Rakyat China atas jemputan Perbadanan Perdagangan Antarabangsa China (Foreign Trade

***Jadual 3***: *Perdagangan China dengan Malaysia 1970-1976 (dalam U.S $ juta)*

| Tahun | Ekspot ke Malaysia | Impot ke Malaysia |
|---|---|---|
| 1970 | 32.62 | 0.22 |
| 1971 | 26.72 | 1.08 |
| 1972 | 40.67 | 3.70 |
| 1973 | 124.93 | 1.28 |
| 1974 | 155.26 | 3.91 |
| 1975 | 108.57 | 51.04 |
| 1976 | 87.38 | 49.03 |
| **Jumlah** | **576.15** | **110.26** |

***Sumber :*** *China, State Statistical Bureau, Statistical Yearbook of China 1981.*

***Jadual 4***: *Import Getah Malaysia Ke China, 1970-1976 (dalam ribu ton)*

| Tahun | Impot Getah Malaysia ke China | Jumlah Impot Getah ke China |
|---|---|---|
| 1970 | 101.86 | 199.00 |
| 1971 | 104.45 | 205.8 |
| 1972 | 131.17 | 221.4 |
| **Jumlah** | **337.48** | **626.2** |

***Sumber:*** *Malayan Rubber Statistics Handbook, Federation of Malaya, Department of Statistics, International Rubber Study Group, Rubber Statistical Bulletin, London 1981.*

Corporation of China) untuk menyertai Pesta Barang-Barang Perdagangan di China (Rajendra Kumar Jain 1984 : 190).

Hasil daripada lawatan rombongan perdagangan Malaysia tersebut telah mendorong Republik Rakyat China bersetuju untuk membeli simpanan getah asli (rubber stockpile) dari Malaysia (Rajendra Kumar Jain 1984 : 190). China juga bersetuju untuk membeli sebanyak 150,000 ton getah Malaysia mengikut harga pasaran antarabangsa apabila Amerika Syarikat mengancam untuk mengeluarkan getah daripada simpanannya. Selain itu Malaysia telah mengikat kontrak dengan Republik Rakyat China untuk meningkatkan kerjasama dari segi bidang kejuruteraan. Republik Rakyat China juga telah menghulurkan bantuan sebanyak $ 625,000 menerusi Persatuan Palang Merah Beijing kepada Malaysia semasa negara ini dilanda oleh banjir pada tahun 1971 (Rajendra Kumar Jain 1984 : 190). Pada bulan Mac 1972, Pengeksport-pengeksport Barang Kimia Kebangsaan China telah menjemput rombongan Pegawai-Pegawai Tidak Rasmi Teknikal Getah Malaysia untuk melawat China. Pada bulan April 1972 seramai 60 orang ahli perdagangan Malaysia telah ditaja oleh Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) menghadiri satu Pesta Musim Panas di Canton (Canton Spring Fair). Pada tahun yang sama juga sekumpulan sebelas orang doktor telah melawat China (Rajendra Kumar Jain 1984 : 190).

Usaha Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China mendapat tentangan daripada pihak subversif dan golongan ekstrimis. Sebelum Tun Razak mengadakan hubungan secara rasmi dengan Republik Rakyat China terdapat beberapa perbuatan sabotaj yang dilakukan oleh golongan komunis. PKM telah memusnahkan sebanyak 68 buah jentera pembuat jalan raya, peralatan membina jalan raya dan memusnahkan jalan raya-jalan raya yang telah siap berharga $ 15 juta di Lebuh raya Timur-Barat antara Grik dan Jeli (Kiran Kapur Datar 1983 : 184). Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah menahan tiga orang wartawan berbangsa Cina mengikut Akta ISA kerana mereka telah membangkitkan semangat perkauman dan fahaman chauvinis atas soal-soal bahasa serta kebudayaan di Malaysia. Mereka yang ditangkap adalah Lee Man Seng, Shamsuddin Tung Tao Chang, dan Ly Singko yang berkerja dengan syarikat akhbar berbahasa Cina iaitu Nanyang Siang Pau (Berita Harian, 3 Mei 1971).

Pada bulan Mei 1974, Malaysia adalah negara ASEAN yang pertama menjalin hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China apabila Tun Abdul Razak melawat China secara rasmi (Leo Suryadinata 1985 : 101). Dalam mesyuarat bersama Malaysia dan Republik Rakyat China, Tun Razak dan Chou En-Lai, Perdana Menteri China bersetuju:

> *"The two governments hold that although the social system of the People's Republic of China and Malaysia are different, this sould not constitute an obstacle to the two governments and peoples in establishing and developing peaceful and friendly relations between the two countries on the basis of principles of mutual respect for sovereignity and territorial, mutual non-aggression, non-affairs, equality and mutual benefit, and peace-co-existence"* (Kiran Kapur Datar 1983 : 184).

Perwakilan-perwakilan dari Republik Rakyat China juga ada melakukan beberapa lawatan balas ke Malaysia. Pada 27hb Febuari 1975, Tuan Wang Yu Ping iaitu Duta Besar Republik Rakyat China telah melawat Malaysia. Hubungan diplomatik yang terjalin antara Malaysia dan Republik Rakyat China merupakan satu kejayaan yang amat besar dicapai oleh Tun Abdul Razak dalam mewujudkan hubungan antarabangsa dengan negara-negara Asia Timur. Republik Rakyat China secara tidak langsung telah bersetuju untuk menerima konsep pengecualian Asia Tenggara seperti mana yang dicadangkan oleh Tun Abdul Razak. Boleh dikatakan pada sekitar tahun 1974 hingga 1975 hubungan antara Malaysia dengan Republik Rakyat China terjalin dengan baik. Hal ini diakui oleh Tan Sri Zaiton Ibrahim Bin Ahmad sebagai Setiausaha Kementerian Luar Malaysia:

> *"Our bilateral relations with the People's Republic of China, it does not in any way lessen our efforts to press for the neutralisation of Southeast Asia as solution to the problems of war and instability in the region, nor to give our support to China's entry into the United Nation"* (Foreign Affairs Malaysia 1971: 45).

Selain Malaysia mengadakan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China, Tun Razak juga telah menjalinkan hubungan Malaysia dengan Korea Selatan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Malaysia telah menerima kunjungan lawatan dari Duta Besar Republik Korea ke Malaysia, Dr. Sung Yong Kim yang telah disambut oleh Datuk Ong Kee Hui, Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Berita Minggu, 16 Januari 1972). Tun Razak juga telah meminta kerajaan Jepun untuk meminjamkan kewangan kepada Malaysia sebanyak $ 50 juta dan Jepun telah bersetuju memberikan Pinjaman Pembangunan

kepada Malaysia sebanyak $ 100 juta untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua pada tahun 1972 (Berita Harian, 1 Januari 1972). Kejayaan Tun Razak menjalinkan hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara di Asia Timur telah membolehkan Malaysia mendapat banyak kemudahan sama ada dari segi tenaga pakar, kewangan, bantuan teknologi dan sebagainya.

## MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA EROPAH TIMUR

Malaysia telah menjalinkan hubungan yang meluas dengan negara-negara Eropah Timur seperti Hungary sejak tahun 1967 semasa pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Sepanjang tahun 1973, hubungan Malaysia dan negara-negara Eropah Timur dikatakan berjalan dengan baik dan memberikan satu hubungan politik, ekonomi dan sosial. Malaysia telah banyak menghantar rombongan perdagangan ke negara-negara Eropah Timur seperti Poland, Yugoslavia, Russia, Romania dan Bulgaria. Menurut Raja Tan Sri Mohar Bin Raja Badiozaman, Setiausaha Tetap Kementerian Perdagangan dan Perusahaan Malaysia pada ketika itu, eksport bahan mentah Malaysia ke negara-negara Eropah Timur adalah getah, balak, bijih timah, kelapa sawit, hasil-hasil pertanian dan kain (Berita Harian, 23 Januari 1970).

Tun Abdul Razak telah mengadakan beberapa siri lawatan ke Yugoslavia dan Romania untuk membuka beberapa bidang baru dengan negara-negara tersebut (Berita Harian, 14 September 1970). Yugoslavia adalah negara komunis pertama Eropah Timur yang menjalin hubungan diplomatiknya dengan Malaysia pada tahun 1970-an. Hasil daripada lawatan Tun Razak, Malaysia telah menandatangani perjanjian dari segi ekonomi dan teknik dengan negara-negara tersebut. Tun Razak juga telah menyatakan pendirian Malaysia untuk menubuhkan kedutaan Malaysia di beberapa negara Eropah Timur. Semasa berada di Yugoslavia, Tun Razak telah bertemu dengan pemimpin negara Yugoslavia iaitu Marshall Tito yang beliau kenali semasa mengikuti Persidangan Kemuncak Negara-Negara Tanpa Pihak di Lusaka, Zambia pada 8-10hb. September 1970 yang lalu (Berita Harian, 14 September 1970). Tun Razak telah menyatakan terima kasih Malaysia kepada Yugoslavia yang telah menyokong kemasukan Malaysia di dalam kelompok Negara-Negara Tanpa Pihak (Berita Harian, 17 September 1970).

Tun Abdul Razak telah mengadakan beberapa siri perundingan dengan Majlis Kerajaan Persekutuan Yugoslavia untuk mengikat hubungan diplomatik yang lebih erat antara Malaysia dan Yugoslavia. Turut hadir di dalam persidangan tersebut ialah Tan Sri Zaiton Ibrahim Bin Ahmad, Duta Malaysia ke Moscow, Thong Yaw Hong, Ketua Unit Perancang Ekonomi, Zainal Abidin Sulong, Timbalan Setiausaha Hal Ehwal Luar (Berita Harian, 16 September 1970). Rombongan Malaysia telah mengadakan perbincangan dengan Miso Pavcevic, Naib Presiden Majlis Kerajaan Federal Yugoslavia (Berita Harian, 16 September 1970). Perwakilan Yugoslavia telah mengumumkan satu rombongan perdagangan dan ekonomi negara tersebut akan ke Malaysia untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan perkembangan ekonomi antara kedua-dua buah negara.

Tun Razak juga telah menyatakan harapan beliau kepada Mijta Ribicic, Presiden Majlis Kerajaan Federal Yugoslavia bahawa lawatannya ke negara tersebut menandakan permulaan kerjasama yang luas dalam bidang ekonomi dan politik. Tun Razak turut mengumumkan Malaysia berminat untuk membina sebuah syarikat perkapalan kebangsaan dan membeli kapal-kapal buatan dari Yugoslavia. Hasil daripada beberapa perundingan di antara pemimpin-pemimpin Malaysia dan Yugoslavia, Malaysia telah menandatangani beberapa perjanjian kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan, saintifik, teknik dan kebudayaan (Berita Harian, 17 September 1970). Pada 19hb. September 1970, Yugoslavia telah membekalkan trektor-trektor dan pakar-pakar untuk membantu Malaysia dalam menjayakan beberapa industri tempatan dari segi teknikal pembuatan jam, perkakas radio dan televisyen. Pada 4hb. November 1972, Malaysia dan Yugoslavia telah mengadakan rundingan rasmi di peringkat menteri dalam bidang perdagangan dan teknikal. Malaysia telah diwakili oleh Tun Tan Siew Sin untuk berbincang dengan rombongan Yugoslavia yang diketuai oleh Blagoje Popov (Berita Harian, 4 November 1970).

Malaysia juga menjalinkan hubungan diplomatik dengan Romania. Di Bucharest, Tun Abdul Razak telah menandatangani satu perjanjian ekonomi dan teknikal serta membentuk satu Suruhanjaya Kerjasama untuk membuka industri bersama antara kedua-dua buah negara. Lawatan Tun Abdul Razak ke Bucharest, Romania adalah sebagai membalas lawatan Timbalan Perdana Menteri Romania iaitu Gheorghe Radulescu ke Malaysia pada bulan Mac 1969 (Berita Harian, 16 September 1970). Kedua-dua buah negara bersetuju untuk menandatangani beberapa

perjanjian dari segi ekonomi dan mengadakan hubungan diplomatik yang lebih baik. Tun Razak juga telah bertemu dengan Nicolas Ceausesu, Presiden Romania yang juga merangkap Setiausaha Parti Komunis Romania (Berita Harian, 16 September 1970).

Selain Yugoslavia dan Romania menjalinkan hubungan diplomatik mereka dengan Malaysia, Soviet Union turut menunjukkan minat mereka untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia. Pada 29hb. September hingga 5hb. Oktober 1972, Tun Razak dan Toh Puan Rahah telah membuat lawatan rasmi selama dua minggu ke Soviet Union dan mengadakan perbincangan antara kedua buah negara. Malaysia dan Soviet Union telah bersetuju mengusahakan kerjasama pertukaran pelajar-pelajar antara kedua-dua buah negara (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1972 : 106). Malaysia dan Soviet Union bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang teknikal, perusahaan dan menawarkan beberapa kemudahan latihan bagi guru-guru teknikal serta sains (Berita Harian, 4 November 1972). Perkara ini telah disampaikan oleh V.N. Kuzhetsor, Duta Soviet Union ke Malaysia. Selain itu Soviet Union adalah pembeli getah Malaysia yang utama di kalangan negara-negara Eropah Timur. Soviet Union juga bersedia untuk membekal dan membantu Malaysia menjalankan perusahaan industri, kuasa letrik nuklear, kilang simen dan sebagainya (Berita Harian, 4 November 1972). Pada 25hb. Mei 1972, satu perwakilan dari Soviet Union telah tiba di Kuala Lumpur untuk mengadakan lawatan rasmi selama tiga minggu. Delegasi dari Soviet Union ini diketuai oleh Tuan Iqor K. Mineev, seorang ahli Jawatankuasa Negara Majlis Menteri Soviet Union bertujuan membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan ekonomi kedua belah pihak (Buku Rasmi Tahunan Malaysia 1972 : 106).

Di samping itu, Malaysia telah menjalinkan hubungan diplomatiknya dengan Bulgaria terutamanya dari segi bidang perdagangan rempah seperti lada hitam, lada sula dan juga teh. Sejak tahun 1969, Bulgaria telah mengimport lebih $ 6.8 juta dari Malaysia terutamanya hasil-hasil bijih timah dan getah (Berita Harian, 5 Oktober 1970). Hasil laporan dari Jabatan Perangkaan Malaysia dalam tempoh enam tahun dari tahun 1970 import Bulgaria dari Malaysia sejumlah $ 4 juta. Bulgaria juga telah mengimport hasil-hasil perusahaan negara tersebut ke Malaysia pada tahun 1969 berjumlah $ 0.5 juta dalam tempoh enam bulan pertama (Berita Harian, 5 Oktober 1970).

Hubungan antarabangsa adalah satu konsep yang sangat penting bagi sesebuah negara di dunia termasuk Malaysia. Sesebuah negara itu tidak boleh hidup bersendirian tanpa ada hubungan dengan negara-negara lain. Begitu juga keadaan yang berlaku pada Malaysia yang menjadikan konsep hubungan antarabangsa sebagai satu aspek memperkenalkan negara ini dengan negara-negara lain sama ada di rantau Asia Tenggara ataupun di seluruh dunia. Sebagai salah sebuah negara dunia ketiga, Malaysia tidak terkecuali daripada mencari ramai sahabat di kalangan negara-negara luar.

Tun Razak adalah seorang pemimpin negara yang sedar akan peri pentingnya menjalinkan hubungan diplomatik di antara Malaysia dengan negara-negara luar. Tun Razak telah menjalinkan hubungan persahabatan dengan negara-negara Afrika Selatan, Asia Barat, Eropah Timur, Asia Timur dan banyak lagi negara yang tidak dibincangkan dalam buku ini kerana skopnya yang terlalu luas. Selain memainkan peranan yang utama di dalam beberapa pertubuhan dunia, Tun Razak juga kerap melakukan lawatan rasmi ke negara-negara luar untuk mengekalkan hubungan yang terjalin.

Apa yang jelas konsep hubungan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara luar telah banyak mendatangkan faedah kepada Malaysia sama ada kerjasama dari segi ekonomi, teknikal mahupun kebudayaan. Malaysia juga telah menubuhkan beberapa kedutaan besar Malaysia di negara-negara tersebut misalnya di negara-negara Islam, negara-negara Eropah Barat, Eropah Timur, Afrika Barat dan juga Asia Timur. Tun Razak yang boleh dianggap berjaya membentuk satu konsep dasar luar negara apabila beliau dapat menjalinkan hubungan diplomatik Malaysia dengan Republik Rakyat China.

# PENUTUP

Kajian Dasar Luar Malaysia pada zaman Tun Razak merupakan satu penilaian terhadap sumbangan Tun dalam melaksanakan dan mengukuhkan dasar luar Malaysia sejak tahun 1970 hingga tahun 1976. Dasar luar bagi sesebuah negara yang berdaulat seperti Malaysia adalah untuk mengekalkan keutuhan sempadan, kebebasan politik, dan perkembangan ekonomi termasuklah mencapai taraf hidup rakyat yang baik bagi sesebuah negara. Sebuah negara yang baru mencapai kemerdekaan perlu mencari ramai sahabat supaya musuh sesebuah negara itu tidak berani untuk menceroboh negara tersebut.

Justeru itu terdapat beberapa perkara penting yang cuba diterapkan oleh Tun Razak untuk membina satu bentuk dasar luar yang dinamik, releven dan kukuh bagi Malaysia. Tun Razak cuba menganjurkan dasar luar Malaysia yang bersifat neutral dan tidak memihak kepada mana-mana pihak atau blok. Konsep yang didokong oleh Tun Razak ini telah membolehkan Malaysia diterima dalam Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak. Beliau juga telah mencanangkan konsep pengecualian Asia Tenggara yang pada asalnya diilhamkan oleh Tun Dr. Ismail. Berlandaskan dua faktor inilah Tun Razak telah berjaya membina satu konsep dasar luar Malaysia yang bersifat pragmatik, mantap serta unggul di Asia Tenggara.

Pengalaman Tun Razak dalam kabinet Tunku Abdul Rahman telah memberikan kelebihan kepada Tun apabila beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia Kedua. Tun Razak telah menjawat beberapa jawatan penting antaranya sebagai Menteri Pelajaran yang pertama. Beliau telah memberi sumbangan yang paling penting dengan melaksanakan Laporan Razak. Begitu juga semasa beliau menjawat jawatan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tun Razak telah berusaha untuk meninggikan status rakyat Malaysia terutamanya penduduk Melayu yang berada di bawah tahap kemiskinan.

Tun Razak telah menekankan betapa pentingnya hal-hal yang berkaitan dengan urusan dalaman dan luaran negara di dalam melaksanakan dasar luar Malaysia. Beliau menyusun semula sistem pertahanan dan keselamatan negara dari semasa ke semasa. Tun Razak mendapati ancaman

komunis pada ketika itu merupakan ancaman yang serius dan sekiranya perkara tersebut dipandang ringan maka kestabilan negara akan tergugat. Oleh itu sistem pertahanan dan keselamatan negara diperlukan untuk menjamin sistem pemerintahan negara yang stabil. Para pemimpin negara akan dapat melaksanakan dasar luar negara dengan sistematik dan berkesan.

Tun Razak adalah seorang yang amat mementingkan aspek keselamatan dalam negara. Ketika Malaysia berada dalam keadaan tidak stabil semasa berlakunya peristiwa 13 Mei 1969, beliau telah dilantik menjadi Pengarah MAGERAN. Setelah menjadi Perdana Menteri, beliau melihat ancaman komunis sebagai satu faktor yang boleh menggugat keselamatan negara dan hubungan dasar luar Malaysia dengan negara-negara luar. Di samping ingin mewujudkan keamanan dalam negara Tun Razak juga telah berusaha untuk mewujudkan keamanan serta keselamatan di Asia Tenggara. Tun Razak telah memperkenalkan prinsip dasar tanpa memihak kepada mana-mana pihak melalui konsep ZOPFAN iaitu Zon, Aman, Bebas dan Berkecuali. Selepas dasar pengecualian Asia Tenggara tercapai, Tun Razak mahu konsep ini dijamin oleh kuasa-kuasa besar dunia seperti China Komunis, Amerika Syarikat dan Soviet Union. Dalam membina hubungan serantau Tun Razak telah berbaik-baik dengan semua negara ASEAN serta mengikat beberapa siri perjanjian penting dengan negara-negara tersebut.

Setelah itu Tun Razak telah menumpukan kepada Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak serta menganjurkan Pengecualian Asia Tenggara menerusi Deklarasi Kuala Lumpur pada tahun 1971. Dalam usaha untuk mendapatkan sokongan berdasarkan prinsip tersebut, Tun Razak telah mencadangkan supaya China Komunis, Amerika Syarikat dan Soviet Union menjamin keselamatan Asia Tenggara dari diceroboh oleh kuasa-kuasa barat yang lain. Perkara ini memperlihatkan kebijaksanaan Tun Razak cuba mengajak kuasa-kuasa besar dunia ini bersatu bagi menjamin kedaulatan rantau Asia Tenggara. Pada peringkat ini bermula hubungan awal politik Malaysia-China Komunis sehinggalah Tun Razak melawat China pada tahun 1974. Kejayaan Tun Razak mewujudkan keamanan di rantau Asia Tenggara boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia kerana usaha beliau seharusnya disanjung tinggi oleh pemimpin-pemimpin ASEAN.

Salah satu konsep yang ditekankan oleh Tun Razak ialah melaksanakan hubungan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara luar sama ada di

